

KATA ADVERBA DALAM KARYA HALIS AZHAN

MOHD HANAFIAH

VIJAYA LETCHUMI A/P KARUPPIAH

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**KATA ADVERBA DALAM KARYA HALIS AZHAN
MOHD HANAFIAH**

VIJAYA LETCHUMI A/P KARUPPIAH

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: VIJAYA LETCHUMI A/P KARUPPIAH

No.K.P/Pasport:

No. Pendaftaran/Matrik: JGA 130006

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pengajian Melayu Secara Kursus dan Disertasi

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

KATA ADVERBA DALAM KARYA HALIS AZHAN MOHD HANAFIAH

Bidang Penyelidikan: MORFOLOGI BAHASA MELAYU

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama : _____

Jawatan : _____

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kata adverba yang sudah lama menimbulkan persoalan dalam dunia bahasa Melayu. Ramai tokoh bahasa berbincang dan berdebat tentang gejala kata adverba. Namun, perbincangan tersebut tidak membawa kepada satu kata putus yang dapat menangani persoalan tentang kata adverba. Maka, kajian ini menghalusi data kata adverba yang diperoleh daripada novel *Azfa Hanani* karangan Halis Azhan Mohd Hanafiah, terbitan edisi pelajar 2010. Reka bentuk kajian berbentuk deskriptif. Kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kaedah kajian teks. Sebanyak 303 data kata adverba dikenal pasti daripada bahan kajian. Data kata adverba yang dikumpulkan dibahagikan kepada bentuk kata adverba menggunakan pendekatan sintagmatik dan paradigmatis. Empat bentuk kata adverba dapat diklasifikasikan berdasarkan data dalam kajian, iaitu kata adverba bentuk jati, kata adverba asalnya kata adjektif, kata adverba asalnya kata kerja dan kata adverba gandaan. Berasaskan pengertian dan huraian tokoh-tokoh bahasa Melayu, data kajian dikategorikan kepada tujuh jenis, iaitu kata adverba cara, kata adverba masa, kata adverba kekerapan, kata adverba kesungguhan, kata adverba sifat perasaan, kata adverba ketidakpastian dan kata adverba jarak. Bagi menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat, teknik rajah pohon daripada teori Transformasi-Generatif yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa kedudukan kata adverba adalah dalam frasa subjek, frasa predikat dan bahagian-bahagian predikat. Dapat disimpulkan bahawa kata adverba berfungsi sebagai penerang kepada kata nama/frasa nama, kata kerja/frasa kerja, kata adjektif/frasa adjektif, frasa sendi nama, kata adverba lain dan kepada ayat.

ABSTRACT

The aim of this research is to analyse adverbs which had raised issues in Malay linguistics. Many language researchers have debated and discussed on adverbs in Malay, yet no decision has been reached. Therefore, this study aims to describe the forms and types of adverbs as well as to analyse the position of adverbs in the sentence construction. Data of adverbs for the study were taken from the novel *Azfa Hanani* written by Halis Azhan Mohd Hanafiah, students edition, 2010. This is a descriptive research, using two approaches, i. e. library research and textual study. Some 303 adverbs were identified from the corpus. Ferdinand de Saussure's concept of syntagmatic and paradigmatic relations were used to classify the data. The results show that the data can be classified into four forms of adverbs, i. e. *kata adverba jati* (natural adverbs), *kata adverba asalnya kata adjektif* (originally adjective adverbs), *kata adverba asalnya kata kerja* (originally verb adverbs) and *kata adverba gandaan* (duplicated adverbs). This research also attempts to classify adverbs into seven types, based on the definition and classification of several prominent linguists, i. e. adverbs of manner, time, place, frequency, emphasis, feeling and uncertainty. The study also uses the tree structure technique which was introduced by Noam Chomsky in the Generative-Transformation theory to identify the position of adverbs in sentences. It is found that adverbs can be present in the subject, the predicate and parts of the predicate. The study concludes that adverbs can be modifiers to nouns/noun phrases, verbs/verb phrases, adjectives/adjective phrases, prepositional phrases, other adverbs and to the whole sentence, whether in front, behind or simultaneously in front and behind the modified item.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Tuhan yang Maha Besar lagi Penyayang yang sentiasa berada di sisi hamba ini untuk memberi kekuatan dari segi batin dan fizikal untuk menyiapkan disertasi ini dengan sebaik-baik mungkin.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, Karyawan Tamu, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya yang sudi membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada saya selaku penyelia dalam menyediakan disertasi ini.

Ucapan ini juga saya titipkan kepada Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi, Profesor Madya Dr. Nor Hisham Osman, Profesor Madya Dr. Puteri Roslina Abd. Wahid dan Profesor Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim dan semua pensyarah yang telah memberi ilmu yang bermanfaat dalam penyediaan disertasi ini. Tidak lupa juga Profesor Dato' Dr. Hashim Awang atas keprihatinan beliau dalam memberi sokongan dan motivasi, dicatatkan ribuan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih.

Demikian juga, kepada rakan-rakan seperjuangan dan pegawai-pegawai di bahagian ijazah tinggi, Akademi Pengajian Melayu, ucapan penghargaan ditujukan kerana nasihat dan teguran serta kerjasama mereka, khususnya Sdr. Nur Hafizah Mohd Yusopp yang telah banyak menunjuk ajar dalam bahagian teknikal pada peringkat akhir disertasi ini.

Ucapan ini juga ditujukan kepada suami tersayang En. Devendran Chadran dan anak-anak tersayang Kausalyaa Devendran dan Aisywariyaa Devendran. Tanpa pengorbanan, keprihatinan dan toleransi serta dorongan mereka, disertasi ini tidak mungkin dihasilkan. Tidak lupa saya taburkan ribuan penghargaan kepada ibu bapa, ibu mertua dan adik-beradik yang menjadi perangsang sewaktu menyiapkan disertasi ini.

Kesempatan ini juga digunakan untuk mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menawarkan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa (Hadiah Latihan Persekutuan) yang memberi peluang kepada saya untuk menelaah secubit ilmu daripada para cendekiawan bahasa Melayu.

Akhirnya, kepada semua pembaca dan pengguna disertasi ini, saya memohon maaf sekiranya terdapat salah dan silap.

“ Yang baik itu datang dari Tuhan dan yang buruk itu datang dari kejahilan diri”

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN / DEDIKASI	v
JADUAL KANDUNGAN	vii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Sorotan Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Bahan Kajian	19
1.8 Konsep Kata Adverba	21

1.8.1	Pengenalan	21
1.8.2	Beberapa Definisi Dalam Kamus	21
1.8.3	Huraian Beberapa Tokoh	22
1.8.4	Hubungan Adverba dengan Kelas Kata Lain	43
1.9	Rumusan	45
BAB 2 : METODOLOGI KAJIAN		48
2.1	Pendahuluan	48
2.2	Teori Kajian	48
2.2.1	Teori Struktural	49
2.2.2	Teori Transformasi-Generatif	53
2.3	Kerangka Konsepsi	57
2.4	Metodologi Kajian	59
2.4.1	Reka Bentuk Kajian	60
2.4.1.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	61
2.4.1.2	Kaedah Kajian Teks	62
2.4.2	Kaedah Pengumpulan Data	62
2.4.2.1	Pembacaan Bahan Kajian	63
2.4.2.2	Pemilihan Data yang Sesuai	64
2.4.2.3	Pembahagian Data Mengikut Klasifikasi	65
2.4	Rumusan	65

BAB 3 : BENTUK DAN JENIS KATA ADVERBA	66
3.1 Pendahuluan	66
3.2 Bentuk Kata Adverba	67
3.2.1 Kata Adverba Jati	69
3.2.1.1 Penerang kepada Kata Kerja	72
3.2.1.2 Penerang kepada Kata Nama	75
3.2.1.3 Penerang kepada Kata Adjektif	76
3.2.1.4 Penerang kepada Kata Adverba Lain	77
3.2.1.5 Penerang kepada Keseluruhan/Bahagian Ayat	78
3.2.2 Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif	80
3.2.2.1 Penerang kepada Kata Kerja	82
3.2.2.2 Penerang kepada Kata Adjektif	85
3.2.3 Kata Adverba Asalnya Kata Kerja	86
3.2.3.1 Penerang kepada Kata Kerja	87
3.2.4 Kata Adverba Gandaan	88
3.2.4.1 Penerang kepada Kata Kerja	93
3.2.4.2 Penerang kepada Kata Adjektif	95
3.2.4.3 Penerang kepada Kata Adverba Lain	96
3.3 Jenis Kata Adverba	96
3.3.1 Kata Adverba Cara	98
3.3.1.1 diwakili oleh Kata Adjektif	100

3.3.1.2	diwakili oleh Kata Kerja	101
3.3.1.3	diwakili oleh Kata Adverba Jati	102
3.3.1.4	diwakili oleh Kata Adverba Gandaan	103
3.3.2	Kata Adverba Masa	104
3.3.2.1	Kata Adverba Masa ‘Bila’	105
3.3.2.2	Kata Adverba Masa ‘ Berapa Lama’	107
3.3.2.3	Kata Adverba Masa ‘ Selesai/Belum’	109
3.3.3	Kata Adverba Kekerapan	110
3.3.4	Kata Adverba Kesungguhan	112
3.3.5	Kata Adverba Sifat Perasaan	114
3.3.6	Kata Adverba Ketidakpastian	115
3.3.7	Kata Adverba Jarak	116
3.4	Kata Adverba Semu	120
3.4.1	Objek Kata Kerja Transitif	121
3.4.2	Deretan Dua Kata Kerja	121
3.4.3	Kata Bantu Ragam di Hadapan Kata Adjektif	122
3.4.4	Kata Adjektif Sebagai Pelengkap	123
3.4.5	Kata Adjektif Sebagai Penerang Kata Nama	124
3.4.6	Salah Tafsir Kata Nama Objek Ayat Pasif	124
3.4.7	Kata Penguat Sebelum Kata Kerja Berfungsi Sebagai Kata Adjektif	125
3.5	Rumusan	127

BAB 4 : KATA ADVERBA DALAM BINAAN AYAT	129
4.1 Pendahuluan	129
4.2 Kedudukan Kata Adverba Dalam Ayat	130
4.3 Kehadiran Kata Adverba Dalam Frasa Subjek	130
4.3.1 Binaan Frasa Subjek	130
4.3.2 Kata Adverba Mendahului Kata yang Diterangkan	131
4.3.3 Kata Adverba Mengikuti Kata yang Diterangkan	132
4.4 Kehadiran Kata Adverba Dalam Frasa Predikat	139
4.4.1 Kata Adverba dalam Predikat Frasa Nama	141
4.4.2 Kata Adverba dalam Predikat Frasa Kerja	142
4.4.3 Kata Adverba dalam Predikat Frasa Adjektif	169
4.5 Kehadiran Kata Adverba Dalam Sebahagian Frasa Predikat	173
4.5.1 Kata Adverba dalam Bahagian Predikat Frasa Nama	174
4.5.2 Kata Adverba dalam Bahagian Predikat Frasa Adjektif	179
4.5.3 Kata Adverba dalam Bahagian Predikat Frasa Sendi Nama	180
4.6 Kata Adverba yang Menerangkan Seluruh Ayat	183
4.7 Rumusan	195
BAB 5 : KESIMPULAN	198
5.1 Pendahuluan	198

5.2	Rumusan Kajian	198
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	211
5.4	Penutup	212
RUJUKAN		213
LAMPIRAN		218
Lampiran A		218
Lampiran B		232
Lampiran C		233
Lampiran D		238
Lampiran E		244
Lampiran F		245
Lampiran G		249
Lampiran H		265
Lampiran I		271
Lampiran J		277
Lampiran K		278
Lampiran L		283
Lampiran M		289
Lampiran N		296
Lampiran O		299

Lampiran P	302
Lampiran Q	303
Lampiran R	304
Lampiran S	305
Lampiran T	306
Lampiran U	314
Lampiran V	320
Lampiran W	335
Lampiran X	351

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 2.1	Kerangka Konsepsi	58
Rajah 3.1	Bentuk Kata Adverba Dalam Bahasa Melayu	67
Rajah 3.2	Perincian Kata Adverba Jati Sebagai Penerang Unsur Bahasa Tertentu	71
Rajah 3.3	Unsur Inti dan Penerang	80
Rajah 3.4	Jenis Kata Adverba	97
Rajah 3.5	Jenis Kata Adverba Mengikut Jumlah Kehadiran	119
Rajah 4.1	Kehadiran Kata Adverba dalam Frasa Subjek dan Frasa Predikat	131
Rajah 4.2	Kehadiran Kata Adverba dalam Pola Ayat	140
Rajah 4.3	Kata Adverba Sebagai Penerang Seluruh Ayat dan Sebahagian Predikat	141
Rajah 4.4	Kedudukan Kata Adverba dalam Predikat Frasa Kerja	142
Rajah 4.5	Kehadiran Kata Adverba dalam Sebahagian Frasa Predikat	174
Rajah 5.1	Pola Taburan Kehadiran Kata Adverba Mengikut Bentuk	200
Rajah 5.2	Pola Taburan Kehadiran Kata Adverba Mengikut Jenis	204
Rajah 5.3	Pola Taburan Kata Adverba Masa Mengikut Subjenis	206
Rajah 5.4	Kedudukan Kata Adverba Dalam Binaan Ayat	208

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Hubungan Kata Adverba dengan Kata Nama	44
Jadual 1.2	Hubungan Kata Adverba dengan Kata Adjektif	44
Jadual 1.3	Hubungan Kata Adverba dengan Kata Kerja	44
Jadual 1.4	Persamaan Penjenisan Kata Adverba oleh Za'ba dan Arbak	46
Jadual 3.1	Perincian Bentuk Kata Adverba	68
Jadual 3.2	Perincian Kehadiran Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif	82
Jadual 3.3	Kedudukan Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif Sebagai Penerang Kata Kerja	84
Jadual 3.4	Jenis Kata Adverba Gandaan	89
Jadual 3.5	Fungsi Kata Adverba Gandaan	92
Jadual 3.6	Perincian Kata Adverba Cara	99
Jadual 3.7	Perincian Subjenis Kata Adverba Masa	105

SENARAI SIMBOL dan SINGKATAN

*	Bentuk yang tidak gramatis
ø	Kosong atau digugurkan
→	Tulis semula
→→	Transformasi
()	Pilihan
↪	Berfungsi menerangkan
⊤	Kesemuanya
A	Ayat
A ₁	Ayat relatif / Ayat Satu
A ₂	Ayat Dua
AGab	Ayat Gabungan
ARel	Ayat relatif
Bil	Bilangan
FA	Frasa Adjektif
FAdv	Frasa Adverba
FK	Frasa Kerja
FKet	Frasa Keterangan
FN	Frasa Nama
FN ₁	Frasa Nama Pertama
FN ₂	Frasa Nama Kedua
FS	Frasa Sendi Nama
KA	Kata Adjektif
KAdv	Kata Adverba
KAr	Kata Arah
KB	Kata Bantu

KBil	Kata Bilangan
KGel	Kata Gelaran
GN	Kata Ganti Nama
KH	Kata Hubung
HKomp	Kata Hubung Komplemen
Khrel	Kata Hubung Relatif
KK	Kata Kerja
KKtr	Kata Kerja Transitif
KKtrr	Kata Kerja Tak Transitif
KN	Kata Nama
KNafi	Kata Nafi
KP	Kata Penguat
KPeg	Kata Penegas
KPem	Kata Pemeri
KS	Kata Sendi Nama
P	Predikat
S	Subjek
(H: P: B)	H = Halaman, P = Perenggan, B = Baris

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Data Kata Adverba	218
Lampiran B	Pembahagian Data Kata Adverba	232
Lampiran C	Kata Adverba Jati	233
Lampiran D	Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif	238
Lampiran E	Kata Adverba Asalnya Kata Kerja	244
Lampiran F	Kata Adverba Gandaan	245
Lampiran G	Perincian Kedudukan Data Kata Adverba	249
Lampiran H	Perincian Kata Adverba Jati	265
Lampiran I	Perincian Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif	271
Lampiran J	Perincian Kata Adverba Asalnya Kata Kerja	277
Lampiran K	Perincian Tiga Bentuk Kata Adverba Gandaan	278
Lampiran L	Perincian Kata Adverba Gandaan	283
Lampiran M	Data Kata Adverba Cara	289
Lampiran N	Data Kata Adverba Masa	296
Lampiran O	Data Kata Adverba Kekerapan	299
Lampiran P	Data Kata Adverba Kesungguhan	302
Lampiran Q	Data Kata Adverba Sifat Perasaan	303
Lampiran R	Data Kata Adverba Ketidakpastian	304
Lampiran S	Data Kata Adverba Jarak	305
Lampiran T	Perincian Kata Adverba Cara	306

Lampiran U	Subjenis Kata Adverba Masa	314
Lampiran V	Kedudukan Kata Adverba Dalam Ayat	320
Lampiran W	Unsur yang Diterangkan oleh Kata Adverba	335
Lampiran X	Kata Adverba Menerangkan Bahagian Frasa Predikat	351

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Golongan kata atau kelas kata ialah kelompok kata yang dipadankan mengikut nahunya dan fungsi semantik. Mengikut Harimurti (1984), kelas kata mempunyai kesamaan perilaku formalnya yang diperlukan untuk membuat pengungkapan kaedah nahan secara lebih sederhana dan kelas kata boleh dikenal melalui maknanya, bentuknya dan fungsinya.

Kajian tentang golongan kata telah bermula sejak abad ke-5 sebelum Masihi dalam kalangan sarjana-sarjana Yunani. Tokoh bahasa Yunani seperti Plato dan Aristotle telah meletakkan asas konsep golongan kata dalam bidang kajian bahasa. Seperti bahasa-bahasa lain, golongan kata juga wujud dalam bahasa Melayu dan dikaji oleh sarjana-sarjana barat dan sarjana-sarjana tempatan dan terdapat pelbagai penjenisan. Mengikut Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim et al., 2008) golongan kata dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.

Pada masa kini salah satu golongan kata dalam bahasa Melayu yang tidak begitu mendapat perhatian oleh pengkaji bahasa Melayu ialah kata adverba. Kata adverba merupakan salah satu jenis golongan kata dalam bahasa Melayu yang sudah lama menimbulkan persoalan. Kata adverba merupakan istilah yang digunakan oleh sarjana-sarjana bahasa Melayu pada masa kini. Sebelum ini, istilah yang kerap digunakan untuk merujuknya ialah kata keterangan.

Kajian secara terperinci tentang kata adverba (*bijwoorden*) dalam bahasa Melayu telah dimulakan oleh sarjana barat, antaranya yang bernama Joannes Roman (1653) dalam karyanya *Grondt ofte Kort Bericht van de Maleysche Tale, Vervat in Twee*

Deelen : Het eerste handelene van de Letters ende haven aenhangh Hen andere, van de deelen eener Redene. Pada tahun 1736, George Henrik Werndly telah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Maleysche Sparaakkunst* yang dikatakan lebih lengkap membincangkan kata adverba (bijwoorden) daripada karya Roman (Ibrahim Ahmad, tt, p. 40).

Dalam kalangan sarjana British, antara yang terkenal ialah William Marsden (1812) melalui *A Grammar of the Malayan Language*, John Crawfurd (1852) melalui *A Grammar and Dictionary of the Malay Language*, dan R.O. Winstedt (1914) melalui *Malay Grammar*; masing-masing telah membincangkan golongan kata dalam bahasa Melayu, termasuk kata adverba.

Dalam kalangan sarjana tempatan pula, seperti yang telah dinyatakan, wujud pandangan yang berbeza-beza mengenai gejala kata adverba ini. Zainal Abidin bin. Ahmad, yang lebih dikenali sebagai Za'ba, dalam Bab 10 buku *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (1965) merujuk kepada kata adverba dengan istilah ‘sifat kata’. Beliau telah membahagikan ‘sifat kata’ kepada enam jenis dan menegaskan bahawa semua ‘sifat kata’ boleh menjadi penerang sahaja dan tidak boleh menjadi unsur inti seperti ‘sifat nama’.

Asmah Hj. Omar pula dalam *Nahu Melayu Mutakhir* (1993) melihat kata adverba pada dua peringkat, iaitu peringkat kata adverba dan peringkat frasa adverba; kata adverba dibahagikannya kepada dua jenis manakala frasa adverba pula dibahagikannya kepada 29 jenis. Pembahagian pada peringkat frasa adverba agak terlalu terperinci dan kebanyakannya bertindih dengan kata tugas yang sudah sedia ada dalam bahasa Melayu.

Asraf dalam bukunya *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM* (1989) dan Sanat Md. Nasir dalam kertas kerja *Adverba Dalam Bahasa Melayu* (2000) masing-masing

berpendapat bahawa kata adverba merupakan satu kelas kata tersendiri dalam bahasa Melayu dan perlu dibezakan daripada unsur keterangan kerana tugasnya memberi makna tambahan kepada segala entiti yang terdapat dalam frasa predikat. Bertepatan dengan tugasnya sebagai penerang kepada frasa predikat, maka kata adverba tidak boleh hadir dengan sendiri sebagai predikat dalam binaan ayat.

Para panel penulis *Tatabahasa Dewan*, misalnya, mengambil masa yang agak lama untuk memperakui adanya golongan kata adverba dalam bahasa Melayu. Mereka lebih gemar memasukkan golongan kata adverba sebagai unsur keterangan yang tergolong ke dalam golongan kata yang sudah sedia ada. Namun, dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008) mereka telah bersetuju dengan kehadiran kata adverba sebagai subgolongan kata tugas dalam bahasa Melayu dan membahagikannya kepada empat jenis berdasarkan bentuk.

Kebanyakan sarjana bahasa Melayu tidak menjalankan kajian secara terperinci mengenai kata adverba tetapi hanya menghuraikan kata adverba mengikut pandangan mereka dalam satu bahagian kecil karya mereka. Pandangan yang berbeza-beza yang diutarakan oleh para sarjana tempatan menyukarkan dan membuntukan pemahaman pengguna bahasa mengenai kata adverba ini. Tambahan pula, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan perancang bahasa dan sastera dalam bahasa kebangsaan mengambil masa untuk menangani gejala kata adverba yang sudah lama menimbulkan persoalan dalam bahasa Melayu.

Perbezaan pandangan tokoh-tokoh bahasa Melayu dan kelambatan DBP menangani gejala kata adverba telah menyebabkan banyak pengguna bahasa Melayu, khusus pelajar-pelajar, tidak begitu mengenal dan memahami konsep kata adverba. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk dan jenis kata adverba dalam bahasa

Melayu serta fungsinya dalam teks yang dipilih. Seterusnya, kajian ini juga akan menganalisis kehadiran kata adverba dalam binaan ayat.

1.2 Sorotan Kajian

Golongan kata merupakan bahagian penting dalam bahasa yang menjadi tumpuan perhatian kajian tatabahasa huraiyan dan kajian tatabahasa tradisi Eropah (Harimurti, 1986, p.1). Dalam tatabahasa, golongan kata atau pun kelas kata dikaji dalam komponen morfologi. Kajian dalam bidang morfologi merangkumi semua golongan perkataan termasuk kata adverba. Namun, dewasa ini, penyelidikan dalam bidang morfologi lebih menjurus kepada golongan kata utama dalam bahasa Melayu seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif dan kurang kepada golongan-golongan kata lain.

S. T. Alisjahbana (1963) dalam buku *Tatabahasa Melayu* mengatakan bahawa sarjana Yunani yang mula-mula membuat golongan perkataan ialah Aristotle (384-322 BM). Beliau telah membahagikan perkataan kepada sepuluh golongan berdasarkan nahu bahasa Eropah. Kemudian, usaha beliau diperbaiki oleh Dionysius Thrax melalui buku tatabahasa karangan beliau yang berjudul *Techne Grammatike* yang menjadi asas bagi mendeskripsi tatabahasa semua bahasa Eropah selepas itu. Thrax telah membahagikan perkataan bahasa Yunani kepada lapan golongan. Kedua-dua sarjana Yunani ini membincangkan golongan kata dalam bahasa Yunani termasuk kata adverba (epirrhema).

Pada sekitar kurun ke-6 Masihi, seorang sarjana Romawi yang terkenal, iaitu Priscian, telah menghasilkan *Institutiones Grammaticae* (Asas Tatabahasa) yang mengandungi 18 jilid. Beliau telah menyadur dan menyerap tatabahasa Yunani bagi mendeskripsi bahasa Romawi. Priscian telah mengkaji perkataan dan menggolongkan

perkataan ke dalam lapan golongan yang dikenali sebagai *partes orationis* atau bahagian-bahagian pertuturan atau ayat termasuk kata adverba (adverbium).

Buku tatabahasa Inggeris *A University Grammar of English*, karangan R. Quirk dan S. Greenbaum (1973) memperlihatkan golongan perkataan dalam bahasa Inggeris dibahagikan kepada dua kumpulan besar, iaitu ‘Kumpulan A’ dan ‘Kumpulan B’. ‘Kumpulan A’ meliputi kata nama, kata adjektif, kata kerja dan kata adverba sementara ‘Kumpulan B’ pula meliputi kata *article*, kata tunjuk, kata ganti nama, kata sendi, kata hubung dan kata seru. Ini jelas menunjukkan bahawa Quirk dan Greenbaum meneliti kata adverba dalam tatabahasa Inggeris dan menggolongkannya dalam golongan kata utama.

Usaha mengkaji golongan perkataan dalam bahasa Melayu, khususnya kata adverba, sudah lama dilakukan oleh sarjana-sarjana luar negara. Antara sarjananya termasuklah Joannes Roman (1653), seorang sarjana barat yang meneliti secara terperinci kata adverba (*bijwoorden*) dalam bahasa Melayu. Beliau telah menghuraikan kata adverba dalam karyanya yang berjudul *Grondt ofte Kort Bericht van de Maleysche Tale, Vervat in Twee Deelen : Het eerste handelene van de Letters ende haven aenhangh Hen andere, van de deelen eener Redene*. Kajian beliau lebih tertumpu kepada pembahagian kelas kata dalam bahasa Melayu, iaitu sebanyak tujuh jenis, termasuk kata adverba.

Dalam kalangan sarjana British, antara yang terkenal ialah William Marsden melalui *A Grammar of the Malayan Language: with an Introduction and Praxis* (1812). Karya Marsden merupakan buku tatabahasa Melayu yang paling berpengaruh dalam dunia Anglo-Sakson pada masa itu. Buku ini kurang menggunakan sintaksis malah menggunakan kelas kata sebagai kerangka pembahasan. Dalam buku ini, Marsden membahagikan perkataan-perkataan bahasa Melayu kepada tiga golongan, yakni kata

namaan (substantives), kata kerjaan (verbals) dan kata partikel (particles). Beliau turut membincangkan kata adverba di bawah kata kerjaan.

Penerus William Marsden, John Crawfurd dalam bukunya (1852) *A Grammar and Dictionary of the Malay Language, with a preliminary dissertation* pada bahagian grammar menyatakan bahawa perbezaan kelas kata bahasa Melayu tidak sejelas bahasa Eropah. Beliau mengatakan *the pronouns, the prepositions, some classes of adjectives and adverbs, and nouns expressing the names of materials objects, are sufficiently well defined but the same radicals words will often stand for nouns, adjective or verbs, according to its consists of a great many radical words, by the application of certains inseparable particles to which, a word is determined as noun, adjectives or verb.* Beliau juga membahagikan kelas kata dalam bahasa Melayu kepada tujuh jenis termasuk kata adverba.

Gerth van Wijk ialah seorang penulis berpengaruh dalam dunia pengajaran pada sekitar tahun 1888. Sarjana ini mengatakan bahawa kelas kata tidak dapat ditentukan dari "... Vorm van een stamwoord", melainkan "... Allen vit den dienst, dien het in een zin verricht, kan dit opgemaakt worden". Dalam bukunya yang berjudul *Spraakleer der Maleische Taal* (1888, p.48), beliau membahagikan kelas kata dalam bahasa Melayu kepada sembilan jenis termasuk adverbial (bijwoorden). Dalam bukunya itu, beliau hanya membincangkan jenis-jenis kata adverba dalam bahasa Melayu. Beliau tidak menyentuh tentang fungsi dan kedudukan kata adverba dalam ayat bahasa Melayu.

R.O. Winstedt (1914) dalam bukunya *Malay Grammar* telah membincangkan golongan kata dalam bahasa Melayu, termasuk kata adverba. Beliau telah membahagikan kelas kata dalam bahasa Melayu kepada sembilan jenis berdasarkan pembahagian kelas kata bahasa Eropah. Dalam buku *Malay Grammar*, beliau menghuraikan bentuk kata adverba, cara pembentukan kata adverba dan jenis kata

adverba dalam bahasa Melayu. Winstedt juga menyertakan contoh kata adverba yang relevan apabila menghuraikan kata adverba bagi memudahkan pemahaman pengguna.

Sarjana-sarjana bahasa Melayu juga turut memberi huraian dan penjelasan tentang kata adverba dalam karya mereka. Antara tokoh bahasa Melayu tempatan yang pertama yang menulis tentang kata adverba termasuklah Za'ba. Dalam buku *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (1965), beliau telah membahagikan ‘sifat kata’ (kata adverba) kepada enam jenis. Beliau juga turut membicarakan kejadian ‘sifat kata’, fungsi ‘sifat kata’ dan perbezaan ‘sifat nama’ dengan ‘sifat kata’. Walaupun gaya bahasa yang digunakan oleh beliau tidak mudah untuk difahami tetapi isi dan penerangan yang diutarakan amat padat dan masih diguna pakai sehingga ke hari ini.

Asmah Haji Omar pula, dalam *Nahu Melayu Mutakhir* (1993), melihat kata adverba dari dua sudut, iaitu sebagai kata adverba dan sebagai frasa adverba. Menurut beliau, kata adverba boleh diwujudkan oleh kata selapis seperti *sama*, *tadi*, *sini*, *sana* dan sebagainya, atau oleh kata berlapis yang ditandai oleh awalan *se-* yang diimbuhkan kepada kata nama, kata kerja utama, kata kerja bantu, kata sifat dan akhiran *-an* yang diimbuhkan kepada kata dasarnya kata gandaan yang menghasilkan adverba perhinggaan, adverba gaya dan kata harapan. Frasa adverba pula dibahagikannya kepada 29 subjenis. Penjenisan kata adverba oleh Asmah Haji Omar terlalu luas sehingga memerlukan pemahaman yang tinggi kerana beliau telah menyatakan kajiannya meliputi kata adverba, unsur keterangan ayat serta aspek-aspek lain seperti penanda wacana.

Liaw Yock Fang, dalam *Nahu Melayu Moden* (1994), menghuraikan kata adverba sebagai kata nahuan atau struktural yang tidak mempunyai kata penanda yang dapat membezakan diri daripada golongan kata lain. Dengan mengkaji maknanya, beliau membahagikan ‘kata keterangan’ (adverba) kepada lima golongan dan

membincangkannya berserta contoh ayat. Liaw turut membincangkan ‘imbuhan kata keterangan’, ‘posisi kata keterangan’ dan ‘hubungan kata keterangan dengan golongan kata lain’. Dalam bukunya, beliau mengemukakan satu-satunya ciri ‘kata keterangan’ yang boleh dijadikan pegangan iaitu fungsinya sebagai penerang kata kerja yang dapat membezakannya daripada kata sifat (kata adjektif).

Puteri Roslina Abdul Wahid dalam Jurnal Dewan Bahasa yang bertajuk *Menelusuri Istilah Adverba* (Oktober, 1999) membincangkan persoalan kewujudan kata adverba dalam bahasa Melayu berdasarkan bidang peristilahan. Beliau juga mempersoalkan ciri-ciri kata adverba dalam bahasa Melayu memandangkan ciri yang diberikan untuk kata adverba bahasa Inggeris bertepatan dengan definisinya. Dalam perbicaraan, beliau turut membincangkan persoalan istilah yang perlu digunakan sebagai padanan konsep tersebut walaupun konsep kata adverba dalam bahasa Melayu diterima oleh kebanyakan penulis tatabahasa. Akhirnya, beliau mensyorkan istilah kata adverba dapat diselaraskan, jika semua pihak bersetuju tentang pembahagian kelas kata sifat (Za’ba) kepada dua, iaitu kata adjektif (menerangkan kata nama) dan kata adverba (menerangkan kata selain kata nama).

Sanat Md Nasir dalam kertas kerjanya yang berjudul *Adverba Dalam Bahasa Melayu* (2000) membincangkan tiga kriteria, iaitu kriteria bentuk, kriteria semantik dan kriteria sintaksis, untuk mengenal pasti kata adverba dalam bahasa Melayu. Namun begitu, beliau tidak membincangkan setiap jenis kata adverba dengan terperinci dari sudut bentuk, semantik dan sintaksis. Menurut beliau, kriteria bentuk terbahagi kepada tiga bentuk, yakni bentuk dasar, terbitan dan gandaan. Sementara itu, beliau juga turut menghuraikan jenis-jenis kata adverba (12 jenis) berdasarkan kriteria semantik. Dalam kertas kerjanya, beliau mengutarakan hujah bahawa kedudukan sesuatu perkataan dalam binaan ayat (kriteria sintaksis) juga boleh digunakan untuk mengenal pasti kata adverba.

Pada kesimpulannya, Sanat Md Nasir mengatakan bahawa kata adverba hanya boleh menjadi penerang kepada frasa-frasa predikat dan langsung tidak boleh hadir dengan sendiri dalam binaan ayat.

Para panel penulis *Tatabahasa Dewan* pula yang pada awalnya menolak kehadiran kata adverba dalam bahasa Melayu, akhirnya memperakui kehadirannya dalam bahasa Melayu dalam *Edisi Ketiga* (2008). Tujuan mereka adalah untuk menyelaraskan huraian ayat dalam bahasa Melayu dengan huraian makna dan penggunaan ayat dalam *Kamus Dewan*. Dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008), Nik Safiah Karim et al. telah memuatkan bentuk kata adverba berserta contoh ayat dan huraian yang padat. Walaupun panel penulis *Tatabahasa Dewan* telah memperakui kehadiran kata adverba dalam bahasa Melayu, namun mereka tidak memperakui frasa adverba dalam bahasa Melayu.

Abdullah Hassan dalam tesis kedoktorannya, *The Morphology of Malay* (1969), menemui sejumlah 105 kata adverba jati dalam bentuk kata tunggal dan kata partikel dalam korpus yang dikajinya. Menurut beliau, bilangan kata adverba dalam bahasa Melayu tidak banyak kerana golongan kata ini adalah tertutup sifatnya. Dalam kajiannya, beliau menghuraikan ‘kata keterangan’ (kata adverba) dari segi makna. Beliau turut membincangkan jenis-jenis ‘kata keterangan’ dengan membandingkannya dengan kata adverba bahasa Inggeris. Dalam kajian, beliau menekankan bahawa ‘kata keterangan’ boleh wujud dengan perbuatan dan wujud dengan imbuhan.

Hashim Haji Musa (1993), dalam tesis kedoktorannya, telah mengkaji binaan dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu dari sudut tatabahasa generatif. Dalam kajiannya, beliau telah menggunakan beberapa rumus tertentu untuk menghuraikan proses binaan perkataan dan fungsi perkataan dalam binaan nahu kecuali kata adverba. Namun dalam ceraian 1.4.5, ‘Huraian tentang Hubungan antara Adjektif dengan

Adverba melalui Hipotesis Leksikal' (1993, p.23), beliau menghuraikan kedudukan di antara adjektif dengan adverba dalam struktur dalaman, dibezakan melalui hipotesis leksikal' tetapi tidak dibezakan dalam proses transformasi.

Menurut Hashim Haji Musa, semua transformasi yang membentuk adverba harus mengadakan sekatan yang menahan komplemen daripada frasa adverba padahal Rumus Struktur Frasa (RSF) tidak menerbitkan komplemen dalam frasa adverba. Oleh yang demikian, beliau menyimpulkan hipotesis leksikal' menganggap kata adverba, kata adjektif, kata nama dan kata kerja sebagai kategori yang berbeza yang masuk ke dalam struktur dasar melalui rumus penyisipan leksikon, dan bukannya dihubungkan antara kategori itu dan diterbitkan melalui proses transformasi. Maka, beliau mengatakan bahawa pembentukan perkataan ialah proses yang berlaku pada peringkat morfologi dan bukannya pada peringkat sintaksis yang memerlukan rumus transformasi (1993, p.26).

Siti Noraini Ibrahim (2001) telah mengkaji kata adverba melalui analisis novel *Orang Lama* dalam latihan ilmiah. Beliau telah meneliti golongan kata adverba dalam bahasa Melayu berdasarkan novel *Orang Lama* tulisan A. Samad Ismail. Fokus kajian beliau bertumpu kepada penjenisan kata adverba yang dikemukakan oleh beberapa orang tokoh bahasa. Siti Noraini melaksanakan kajiannya berdasarkan model yang dikemukakan oleh Sanat Mohd. Nasir dalam kertas kerja berjudul *Adverba Dalam Bahasa Melayu* (2000). Dalam kajian tersebut, beliau cuma mengenal pasti kehadiran jenis kata adverba dalam ayat.

Norliza Ali (2001), dalam latihan ilmiah sarjana muda yang bertajuk "Adverba dalam Bahasa Melayu", telah mengkaji penjenisan kata adverba yang dilakukan oleh beberapa orang tokoh bahasa tempatan. Dalam kajian ini, beliau meneliti kewujudan kata adverba pada peringkat satu kata serta istilah yang digunakan untuk mendukung konsep kata adverba oleh tokoh-tokoh bahasa tempatan. Norliza Ali turut meneliti

kriteria penentuan kata adverba dalam bahasa Melayu dan menguraikan jenis-jenis kata adverba berdasarkan ciri semantik. Penelitian kata adverba dalam kajian ini dilakukan melalui analisis buku-buku teks bahasa Melayu di Singapura yang berjudul ‘*KITA*’ dari Darjah 1- Darjah 6 serta lima teks bertulis (karangan) murid-murid Darjah 6 di Sekolah Rendah Tampines. Pendek kata, bidang kajian Norliza Ali lebih bertumpu kepada tujuan untuk memaparkan satu deskripsi tentang kata adverba dalam bahasa Melayu berdasarkan kajian tokoh-tokoh bahasa Barat dan Nusantara.

Ching Wai Mun (2008), dalam disertasi sarjananya, telah membuat analisis kontrastif dan kesilapan penggunaan adverba bahasa Cina dalam kalangan pelajar Melayu. Beliau menggunakan pendekatan Analisis Kontrastif (CA) dan Analisis Kesilapan (EA) dalam kajian ini. Kajian beliau cuba meneliti persamaan dan perbezaan posisi kata adverba dalam ayat bahasa Cina dan bahasa Melayu serta mengenal pasti jenis kesilapan kata adverba bahasa Cina yang dilakukan oleh subjek kajian, yakni 19 orang pelajar Melayu yang mengikuti Kursus Pertuturan Bahasa Mandarin Asas Peringkat Permulaan Tahap 1 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Hasil daripada kajian ini, beliau mendapati kesilapan kedudukan, kesilapan urutan kata, kesilapan pemilihan frasa/perkataan, kejahilan terhadap batasan peraturan sesuatu bahasa dan faktor intralingual yang telah menyebabkan kesilapan penggunaan kata adverba bahasa Cina dalam kalangan pelajar Melayu.

Azimah Che Mat (2010), dalam disertasi sarjananya, telah meneliti penerapan kata adverba dalam *Kamus Dewan*. Dalam kajiannya, beliau telah menganalisis bentuk-bentuk kata adverba yang telah diterapkan dalam *Kamus Dewan Edisi Ke-4*. Kajian beliau memberi fokus kepada dua aspek penting, iaitu meneliti penerapan kata adverba dari segi status masukan entri dan kriteria kemasukan kata adverba dalam kamus

tersebut. Dalam kajian ini, Azimah menganalisis tiga bentuk kata adverba, iaitu bentuk kata dasar, bentuk kata terbitan dan bentuk kata ganda sebagai entri dalam kamus.

Seperkara lagi yang ditinjau oleh Azimah Che Mat dalam aspek status masukan entri ialah taraf kata adverba sama ada bersifat lema, sublema, prakategori, rangkai kata, variasi, polisemi dan rujuk silang. Azimah melakukan penyelidikan ini berdasarkan penggolongan dan penjenisan kata adverba yang dikemukakan oleh Za'ba, Abdullah Hassan, Asmah Hj. Omar, Nik Safiah Karim et al. dan Sanat Md. Nasir sebagai pegangan.

Norliza Hj. Jamaluddin (2012), dalam tesis kedoktorannya yang berjudul *Kata Adverba Atau Kata Sifat* telah mempertikaikan unsur pengisi bagi gatra selepas gatra kerja dianggap sebagai kata sifat (kata adjektif) dan bukan kata adverba. Melalui kajian ini, beliau cuba menjelaskan kata sifat bahasa Melayu berfungsi sebagai penerang kata kerja. Dalam perbincangan, Norliza Hj. Jamaluddin juga telah mengemukakan empat sebab untuk menafikan kata sifat dianggap sebagai kata adverba apabila menjadi unsur penerang kata kerja, yakni tiada perubahan dalam morfologi, pengekalan posisi yang sama (kata sifat mengekalkan posisi penerang), kewujudan perbezaan antara gatra dan unsur pengisi dan golongan kata bagi sesuatu bahasa tidak boleh diterjemahkan, melainkan perkataan sahaja. Berdasarkan keempat-empat ciri tersebut, maka beliau menegaskan bahawa tidak semua kata sifat dianggap sebagai kata adverba, melainkan mengekalkan golongannya sebagai kata sifat. Bagi menghuraikan aspek ini, beliau menggunakan teknik gatra dan unsur pengisi. Beliau telah menggunakan data daripada lima buah buku biografi wanita (kira-kira 150 000 patah perkataan) yang telah dimuatkan ke dalam Word Smith bagi memudahkan analisis terhadap perlakuan kata sifat.

Kesimpulannya, sorotan kajian telah memperlihatkan beberapa hasil kajian para pengkaji tentang kata adverba. Penulisan yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh bahasa walaupun mudah difahami, kurang terperinci dan tidak menunjukkan satu keselarasan bagi konsep kata adverba. Kajian yang dilakukan di peringkat sarjana muda pula bertumpu kepada jenis-jenis kata adverba dan menghuraikan kata adverba berdasarkan pandangan tokoh-tokoh bahasa. Kajian di peringkat sarjana hanya satu, iaitu mengkaji perbezaan dan kesilapan penggunaan kata adverba Cina dalam kalangan pelajar Melayu. Sehingga kini, terdapat tiga kajian dijalankan di peringkat kedoktoran tentang kata adverba. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masih kurang kajian dijalankan pada peringkat sarjana dan kedoktoran.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas didapati bahawa tidak banyak kajian dijalankan tentang kata adverba khususnya tentang bentuk dan jenis kata adverba. Kajian juga tidak secara eksplisit menunjukkan kehadiran dan kedudukan kata adverba dalam binaan ayat. Di samping itu, sorotan kajian juga memperlihatkan bahawa terdapat jurang penjenisan kata adverba yang agak besar dalam bahasa Melayu, iaitu 29 jenis (Asmah Haji Omar 1993, p.359) dengan tiga jenis (Nik Safiah Karim et al. 2008, p.289). Maka, ternyata satu lompong yang jelas dalam kajian tentang kata adverba dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian sebegini harus diperbanyak agar penjenisan kata adverba dalam bahasa Melayu dapat ditentukan dan fungsi kata adverba dalam ayat jelas difahami serta digunakan oleh masyarakat dengan betul.

1.3 Permasalahan Kajian

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah tumbuh dan berkembang pesat seiring dengan kepesatan pembangunan negara, khususnya dalam bidang pendidikan. Bahasa Melayu juga sebagai

bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara mampu menghuraikan, dengan jelas dan tepat, semua golongan kata utama seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan semua kata tugas dalam bahasa Melayu kecuali kata adverba. Huraian yang diberikan oleh para sarjana tempatan dalam buku masing-masing jelas menggambarkan ciri, fungsi, bentuk dan kedudukan golongan kata utama dan kata tugas dalam tatabahasa bahasa Melayu. Keadaan sedemikian tidak wujud bagi kata adverba dalam bahasa Melayu. Apakah golongan kata ini tidak penting dalam tatabahasa bahasa Melayu?

Keadaan sedemikian berpunca daripada perbezaan pendapat antara ahli bahasa mengenai kedudukan dan jenis kata adverba dalam bahasa Melayu. Di Malaysia, ramai tokoh bahasa yang berbincang dan berdebat tentang gejala kata adverba dalam karya-karya mereka. Namun, perbincangan tersebut tidak membawa kepada satu kata putus yang dapat menangani segala persoalan tentang kata adverba. Tokoh-tokoh bahasa berpegang kuat pada pendirian masing-masing dan tidak bersepakat untuk menyelesaikan soal kata adverba ini. Persoalan ini berlarutan sehingga abad ini.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2003), melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (2000), menekankan konsep menulis, membaca dan mengira (3M) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran 3M sangat penting untuk membentuk individu yang berketrampilan selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Namun, kadangkala matlamat ini tidak tercapai disebabkan oleh beberapa faktor.

Antara faktornya termasuklah kekurangan pengetahuan guru dan kekurangan huraian terperinci bagi beberapa aspek tatabahasa bahasa Melayu, terutama bagi kata adverba. Kini, tugas guru bukan hanya mengajar tetapi, yang lebih penting, perlu mempunyai kemahiran membimbing pelajar meneroka minda untuk menerima dan mencari

pengetahuan. Sejauh manakah keadaan ini dapat dicapai jika guru sendiri masih mencari-cari apakah jenis-jenis kata adverba dan fungsinya dalam binaan ayat?

Huraian terperinci bagi kata adverba dalam bahasa Melayu tidak dimuatkan dalam mana-mana hasil karya sarjana-sarjana tempatan seperti halnya dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Sarjana-sarjana bahasa hanya membincangkan kata adverba secara ringkas berserta beberapa contoh ayat. Kekurangan huraian atau penjelasan terhadap kehadiran kata adverba dalam contoh-contoh ayat menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa. Misalnya;

- a) **Semestinya** dia sekarang sudah bekerja. (Nahu Melayu Mutakhir)
- b) Penulis itu membayangkan air sungai itu mengalir **lesu**. (Tatabahasa Dewan)

Dalam kedua-dua ayat di atas perkataan ‘semestinya’ dan ‘lesu’ yang dihitamkan itu dikatakan sebagai kata adverba tetapi tidak dihuraikan atau diperjelas fungsinya sebagai kata adverba. Dalam ayat (a), masyarakat pengguna dapat memahami bahawa kata bantu ragam ‘mesti’ setelah diimbuhkan awalan *se-* dan unsur penegasan *-nya* melahirkan satu perkataan baharu, iaitu ‘semestinya’ tetapi apakah rasionalnya kata ‘semestinya’ dalam ayat (a) harus dianggap sebagai kata adverba. Demikian juga, dalam ayat (b) perlu diperjelas bahawa kata ‘lesu’ sebagai kata adjektif tidak menepati fungsinya sebagai penerang kepada kata nama kerana dalam ayat ini perkataan itu menerangkan kata kerja transitif ‘mengalir’. Justeru, kata ‘lesu’ walaupun kata adjektif dalam ayat (b) berfungsi sebagai kata adverba. Kekurangan huraian terperinci sebegini menimbulkan banyak persoalan dan kekeliruan kepada masyarakat pengguna, khususnya pelajar. Dalam keadaan ini, bagaimanakah dapat dibentuk individu yang berketrampilan bahasa selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan?

Selain itu, kekurangan kajian tentang kata adverba juga menyebabkan kata ini sering dipinggirkan berbanding golongan kata lain. Hashim Haji Musa (1993), dalam tesis kedoktorannya, telah mengkaji binaan dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu dari sudut tatabahasa generatif. Dalam kajiannya, beliau telah menggunakan beberapa rumus tertentu untuk menghuraikan proses binaan perkataan dan fungsi perkataan dalam binaan nahu tetapi beliau telah terlepas pandang kata adverba. Situasi ini menyebabkan seolah-olah golongan kata ini tidak penting dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, kajian dan penelitian yang dilakukan juga tidak dengan jelas menerangkan kenapa sesuatu kata itu dianggap sebagai kata adverba dan apakah ciri-ciri bentuk kata adverba.

Di samping itu, tidak banyak kajian yang menunjukkan, secara eksplisit, kehadiran kata adverba dalam ayat bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan masyarakat pengguna, khususnya golongan pelajar, tidak begitu berupaya mengungkapkan bentuk kata adverba dan fungsinya dalam ayat. Maka, hasil penyelidikan ini diharap dapat membantu pembaca mengenal, memahami dan menghuraikan kata adverba dengan lebih tepat.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang diketengahkan, kajian ini mempunyai tiga objektif seperti yang berikut:

- (1) Mengenal pasti kata adverba dalam teks novel yang dipilih.
- (2) Menghuraikan bentuk dan jenis kata adverba dalam bahan kajian.
- (3) Menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil penyelidikan ini diharap dapat memberi sumbangan tambahan terhadap kajian tatabahasa bahasa Melayu, terutama tentang golongan kata adverba. Dalam masa persoalan kata adverba hangat dibincangkan oleh sarjana-sarjana bahasa Melayu tempatan yang belum disepakati tentang penggunaannya, diharap kajian ini dapat menambah penemuan baharu dalam kata adverba yang boleh dimanfaatkan oleh bahasa itu sendiri.

Menurut Gross dan rakan-rakannya (1971, p.122) kekurangan kefahaman guru dan kekurangan sumber pengajaran akan menghalang pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah. Lantaran itu, hasil kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh golongan pendidik dan murid sekolah untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap kata adverba di samping membetulkan kesalahfahaman terhadap konsep kata adverba dalam bahasa Melayu. Seterusnya, kajian ini juga dapat memberi pengetahuan dan pemahaman dalam membezakan kata adverba daripada golongan kata lain kepada pengguna bahasa amnya dan golongan pendidik serta murid khasnya.

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharap dapat dijadikan panduan dan petunjuk oleh para penggubal serta penulis buku teks mahupun buku rujukan bahasa Melayu dalam menambah baik atau menyediakan huraian yang lengkap dan terkini tentang kata adverba. Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat menjadi sumber rujukan kepada bakal pengkaji yang berminat untuk meneroka kata adverba dalam bahasa Melayu.

Akhirnya, kajian ini dilakukan untuk memahami konsep kata adverba dengan lebih terperinci supaya dapat memberi pemahaman yang lebih jelas tentang pengenalpastian kata adverba yang agak mengelirukan.

1.6 Batasan Kajian

Pelaksanaan kajian ini mencakupi bahagian morfologi bahasa Melayu, iaitu secara khususnya bahagian golongan kata. Dengan kata lain, kajian ini akan memberi fokus kepada kata adverba yang terdapat dalam teks novel yang dipilih daripada karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah, iaitu yang berjudul *Azfa Hanani*. Kajian ini akan menganalisis data kata adverba dalam bentuk perkataan yang dikenal pasti dalam ayat.

Data kata adverba diperoleh daripada teks sastera dan bukannya daripada teks ilmiah. Maka, tidak dapat diharapkan 100% ayat yang gramatis. Teks sastera biasanya terdiri daripada dialog, luahan perasaan, binaan ayat yang tergantung dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya akan mengenal pasti dan menganalisis data kata adverba dalam ayat gramatis yang mematuhi hukum-hukum tatabahasa bahasa Melayu. Namun, beberapa binaan ayat yang tidak mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu secara persis tetap wujud dalam karya ini, misalnya ayat yang terdiri daripada kata kerja transitif yang dipisahkan oleh unsur keterangan daripada objek tepatnya dan penggunaan imbuhan yang kurang tepat. Hal ini berlaku kerana dalam karya kreatif pengarang dibenarkan melanggar satu dua hukum tatabahasa, yakni menggunakan “lesen berpuisi” (poetic license) demi keindahan karya. Dalam data yang dikaji, satu dua contoh sedemikian akan diambil sebagai ayat contoh, tetapi pada amnya, data yang benar-benar melanggar hukum tatabahasa seperti binaan ayat dan bentuk imbuhan yang salah tidak akan dianalisis dalam kajian ini.

Selain itu, kajian akan dilakukan berdasarkan data yang diperoleh daripada salah sebuah novel tulisan Halis Azhan Mohd Hanafiah yang berjudul *Azfa Hanani*, terbitan edisi pelajar tahun 2010 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Walaupun, penulis novel ini, Halis Azhan, telah menghasilkan novel-novel lain yang berjudul *Konflik, Krisis, Ariff, Cinta Gadis Nadia, Biduk Berlalu, Erni Aflina* dan *Seperti Sejalur Pelangi*,

namun novel *Azfa Hanani* menjadi pilihan kerana novel ini merupakan sebuah novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk pelajar Tingkatan 4, seluruh Malaysia. Novel yang ditulis pada tahun 1994 ini menggunakan bahasa Melayu moden yang bersesuaian dengan bahasa yang digunakan oleh masyarakat zaman ini, khususnya pelajar sekolah menengah.

1.7 Bahan Kajian

Bahan untuk kajian ini terdiri daripada 303 data kata adverba yang didapati daripada novel *Azfa Hanani* yang merupakan teks sastera wajib untuk pelajar-pelajar Tingkatan 4. Novel *Azfa Hanani* merupakan novel terbitan edisi pelajar 2010 yang mengandungi sebanyak 213 halaman.

Teks sastera *Azfa Hanani* merupakan novel pelajar yang mengisahkan kehidupan seorang gadis remaja berumur 17 tahun yang telah menjadi yatim piatu sejak dia bayi lagi. Gadis bernama Azfa Hanani dibesarkan oleh keluarga pakciknya setelah kedua-dua ibu bapa Hanani meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Kehidupan Hanani serba kekurangan sehingga dia menemui Abang Mazran, anak Datin Maziah. Kebetulannya, Hanani mempunyai wajah yang seiras dengan anak kesayangan Datin Maziah yang telah menemui maut dalam nahas jalan raya.

Gadis malang yatim piatu ini diangkat menjadi anak orang hartawan, menggantikan tempat Tengku Murni. Hanani memaksa diri menjadi orang lain kerana ingin membantu Datin Maziah yang tidak tahu tentang pemergian anak kesayangannya dan desakan cita-cita dan himpitan kehidupan. Dalam menjalani kehidupan sebagai Tengku Murni, identiti Hanani terbongkar suatu hari. Hanani ditampar dan dihalau oleh Datin Maziah.

Kesudahan cerita bermula apabila Datin Maziah mengetahui bahawa Datuk Tengku Makmur yang menyebabkan kematian ibu dan ayah kandung Hanani dan Hanani juga pernah disusukan olehnya sewaktu kemalangan dahulu. Maka, beliau menerima Hanani sebagai dirinya yang sebenar. Akhirnya, Hanani dapat meneruskan pelajaran dan hidup gembira bersama keluarga baharu kerana dia tidak perlu menyamar sebagai Tengku Murni lagi.

Penulis novel ini, Halis Azhan pula mempunyai pengalaman yang luas dalam dunia penulisan kreatif dan kini beliau berkhidmat sebagai pensyarah kursus Penulisan Kreatif di IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. Hasil karya beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank, Hadiah Pertama Cerpen Kanak-kanak Mobil – DBP dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2002/2003. Novel *Azfa Hanani* pula telah memenangi Hadiah Sastera Utusan Malaysia pada tahun 1994.

Walaupun terbitan pertama novel ini pada tahun 1995 sebagai bacaan umum, namun pada tahun 2010, Kementerian Pelajaran Malaysia telah pertama kali menerbitkannya sebagai novel edisi pelajar. Sehubungan itu, novel komponen sastera ini telah melalui proses pemilihan dan penilaian pada peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia agar kualiti novel berkenaan terjamin sebagai novel edisi pelajar. Lazimnya, novel sastera merupakan penulisan kreatif tetapi novel *Azfa Hanani* merupakan satu wadah penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat lain yang diperlukan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk pembangunan diri dan pembentukan minda setiap murid. Oleh itu, kandungan novel ini telah diubah suai daripada karya asal untuk disesuaikan menjadi Edisi Murid.

1.8 Konsep Kata Adverba

1.8.1 Pengenalan

Bahagian ini akan memberi tumpuan kepada definisi yang diutarakan oleh para sarjana luar negara dan dalam negara. Di samping mengemukakan pandangan daripada para sarjana barat dan sarjana bahasa Melayu serta kesimpulan daripada pandangan mereka, bahagian ini juga akan mengetengahkan hubungan kata adverba dengan kelas kata yang lain.

1.8.2 Beberapa Definisi Dalam Kamus

Hartmann dan Stork (1976, p.6) dalam *Dictionary of Language & Linguistics* menjelaskan kata adverba sebagai "... a part of speech which can be used to qualify a verb, adjective or other verb".

Kamus Oxford (1998) pula mentakrifkan kata adverba sebagai "... a word or phrase that typically modifies the meaning of an adjective, verb or other adverb, typically indicating manner, place, time or degree".

Dalam *Kamus Webster* (1986, p.16), kata adverba ditakrifkan sebagai "... any of a class of words and generally to modify a verb, an adjective, another adverb, a phrase or a clause, by expressing time, place, manner, degree, cause, etc."

David Crystal dalam *Dictionary of Linguistics* (1992, p.8) pula mendefinisikan adverba sebagai " a type of word whose chief function is to specify the mode of action of verb... thus is a word-class (along with noun, adjective etc)..."

Sementara itu, Finch dalam *Linguistic Terms and Concepts* (2000, p.84) mentakrifkan kata adverba sebagai “An adverb may modify a verb by giving circumstantial information about the time, place or manner in which an action, process takes place”.

Shuan-Fan Huang dalam bukunya, *A Study of Adverbs*, mendefinisikan kata adverba sebagai:

“To understand what is meant by the locution that adverbs modify verbs require an inquiry into the particular ways of verbs of action are grouped and distinguished from each other, an analysis of the different aspects of actions associated with the verb.”

(Shuan-Fan Huang, 1974, p. 13)

1. 8. 3 Huraian Beberapa Orang Tokoh

(a) William Marsden (1812)

William Marsden (1812) mendefinisikan kata adverba sebagai kata yang digunakan untuk mengubah tindakan kata kerja dan kualiti kata nama dari segi keadaan-keadaan seperti masa, tempat, keadaan, darjah dan sebagainya yang muncul dalam sesuatu ayat. Beliau juga menegaskan bahawa kata adverba boleh terbentuk daripada golongan kata lain apabila mengalami proses morfologi seperti pengimbuhan dan penggandaan. Proses morfologi akan mengubah sama sekali makna yang dibawa oleh kata itu. Maka, terbentuklah satu kata baharu dengan makna yang berbeza daripada kata dasarnya. (Marsden, 1812, p. 87).

Menurut Marsden, kata adverba dalam bahasa Melayu terlalu banyak disebabkan oleh proses morfologi. Maka, berdasarkan penggunaan semasa (pada masa itu), kata adverba dalam bahasa Melayu dapat diklasifikasi kepada tiga jenis umum seperti kata

adverba masa, kata adverba tempat dan kata adverba pelbagai. Beliau juga, dalam bukunya, ada menyenaraikan contoh-contoh kata adverba mengikut jenis-jenisnya. Antara contoh kata adverba adalah seperti yang berikut, yang telah disesuaikan ejanya:

Adverba Masa: sekarang, kini, tadi, sudah, dahulu, kelak, sebentar lagi, kemudian, seraya, barangkali, kadang, sedang dan sebagainya.

Adverba Tempat: sini, situ, sana, hampir, sepanjang, sebarang dan sebagainya.

Adverba Pelbagai: begini, demikian, begitu, bagaimana, sangat, terlalu, amat, terutama, nescaya, juga, juga dan sebagainya.

(b) C. A. Mees (1969)

C. A. Mees (1969) menggunakan istilah ‘kata keterangan’ untuk merujuk kata adverba. Beliau berpendapat, istilah ini bersesuaian dengan tugas atau fungsi yang didukung oleh ‘kata keterangan’, iaitu sebagai keterangan kepada golongan kata lain di samping memikul tugas-tugas lain. Mees juga menganggap cara untuk menjelaskan sifat dan fungsi kata adverba dalam bahasa Inggeris kurang jelas kerana kata adverba mempunyai makna yang terlalu luas memandangkan para sarjana barat yang lain menyempitkan definisi kata adverba sebagai kata yang menerangkan kata kerja sahaja.

Menurut beliau, pembentukan ‘kata keterangan’ memperlihatkan beberapa bentuk yang agak khusus seperti *ulangan kata*, akhiran *-nya*, awalan *se-*, gabungan *se-nya* dan persenyawaan. Bentuk ‘ulangan kata’ dapat membentuk kata adverba daripada kata nama, adjektif dan kata kerja dasar dan kadang-kadang daripada kata adverba yang lain seperti *hati-hati*, *buru-buru*, *agak-agak* dan lain-lain. Bentuk ‘akhiran *-nya*’ juga dapat

membentuk kata adverba daripada berbagai-bagai jenis kata seperti *agaknya*, *mulanya*, *biasanya* dan juga daripada ‘kata sambung’ seperti *sebelumnya*, *sesudahnya*, *selamanya* dan sebagainya.

Mees mengatakan bahawa kata adverba dapat dibentuk daripada awalan *se-*. Contohnya adalah seperti *semalam*, *sehari-hari*, *sekali* dan lain-lain. Gabungan *se-nya* pada kata dasar yang diulangi juga dapat membentuk kata adverba seperti *seboleh-bolehnya*, *sekurang-kurangnya*, *sebaik-baiknya* dan lain-lain. Seterusnya, ‘persenyawaan’ juga dapat membentuk kata adverba, misalnya *keesokan harinya*, *manakala*, *siang hari*, *belum pernah* dan sebagainya.

Menurut Mees, kata keterangan berfungsi untuk menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata adverba lain, kata bilangan dan predikat ayat. Selain fungsi sebagai kata keterangan, kata adverba juga mempunyai fungsi predikatif, iaitu menjadi unsur inti frasa predikat, frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Berdasarkan fungsinya, beliau membahagikan kata adverba kepada enam jenis, iaitu ‘kata keterangan waktu’, ‘kata keterangan modaliti’, ‘kata keterangan tempat’, ‘kata keterangan kualitatif’, ‘kata keterangan darjah’ dan ‘kata keterangan intonasi’. Kesimpulannya, Mees mengatakan bahawa kata adverba merupakan unsur penerang atau pelengkap sesuatu frasa sama ada frasa subjek atau frasa predikat dalam sesebuah ayat.

(c) Za’ba (1958)

Para pengkaji bahasa Melayu juga turut memberi takrif bagi kata adverba dalam penulisan mereka. Za’ba dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (1958, p. 127) menggunakan istilah ‘sifat kata’ bagi kata adverba yang langsung merujuk kepada kata yang menerangkan dari hal perkataan-perkataan lain daripada nama atau gantinya.

Kata yang menerangkan dari hal nama atau gantinya dirujuk oleh Za'ba sebagai 'sifat nama' (adjektif).

Menurut Za'ba, sifat kata dapat dibahagikan kepada enam jenis, iaitu sifat kata cara atau gaya, sifat kata masa, sifat kata tempat, sifat kata sebab atau tujuan, sifat kata darjah atau kadar dan sifat kata penentu. Setiap penjenisan sifat kata pula, Za'ba huraikan berserta contoh-contoh perkataan.

Beliau menghuraikan sifat kata cara atau gaya sebagai perkataan yang menerangkan gaya atau cara bagaimana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Misalnya perkataan seperti *begini, begitu, demikian, betapa, lambat, elok-elok, perlahan-lahan* dan sebagainya.

'Sifat kata masa' pula dihuraikannya sebagai perkataan yang menerangkan masa, iaitu apabila berlakunya sesuatu perbuatan itu; lama atau sekejap; sentiasa atau kadang-kadang. Berdasarkan itu, beliau membahagikan 'sifat kata masa' kepada tiga lagi pecahan, iaitu menentukan bila, menentukan lama dan menentukan kali atau ulangan. Antara contoh perkataan 'sifat kata masa menentukan bila', 'sifat kata masa lama' dan 'sifat kata masa kali/ulangan' adalah seperti yang berikut:

Menentukan bila: sekarang, tadi, baharu, dahulu, kemudian, sa-malam, kelmarin, esok, tatkala, sa-telah, tengah, masih, kelak dan sebagainya.

Menentukan lama: sa-bentar, sa-kejap, sa-jurus, sa-ketika, sentiasa, sa-hari-hari, sa-malam-malam, segera dan sebagainya.

Menentukan kali: sa-kali, sakali-sakali, kerap-kali, selalu, jarang-jarang, kadang-kadang dan sebagainya.

Za'ba menegaskan bahawa perkataan sifat kata yang menentukan 'bila' kebanyakannya terpakai jadi nama atau gantinya dan sesetengahnya pula memang

berasal daripada kata nama. Sementara itu, ‘sifat kata masa’ yang menentukan ‘lama’ dan ‘kali’ pula kebanyakannya merupakan terbitan daripada kata nama atau sifat nama (adjektif) dengan menerima penambah ‘sa’ atau penggandaan atau kedua-duanya.

Menurut Za’ba, ‘sifat kata tempat’ ialah perkataan yang menerangkan di mana berlakunya sesuatu perbuatan itu. Contoh perkataan yang diberikan adalah seperti *dahulu, kemudian, jauh, hampir* dan *dekat*. ‘Sifat kata sebab’ pula dihuraikannya sebagai perkataan yang biasanya digunakan untuk pertanyaan sahaja seperti perkataan *mengapa* dan *kenapa*.


Sifat kata darjah dihuraikannya sebagai perkataan yang kebanyakannya digunakan bagi menentukan darjah sifat atau darjah perkataan yang mengandungi makna sifat. Misalnya perkataan *hampir, lebih, kurang, cukup, berapa, sedikit, terlampau, benar, sungguh, hanya, sahaja, lagi, pula* dan sebagainya. Akhirnya, beliau menghuraikan sifat kata penentu sebagai perkataan yang menerangkan keadaan sesuatu perbuatan atau sifat itu benar atau tidaknya. Contoh perkataan adalah seperti *tentu, ia, bukan, tidak, tiada, jangan, entah, sa-sunggoh-nya, sa-kira-nya, barangkali, agak-nya* dan sebagainya.

Za’ba juga dalam huraiannya menegaskan bahawa sifat kata jenis ‘gaya’, ‘masa’, ‘tempat’ dan ‘sebab’ hanya boleh digunakan bagi menerangkan perbuatan (kata kerja) sahaja. Sementara itu, sifat kata jenis ‘darjah’ pula kebanyakannya digunakan bagi menerangkan perkataan sifat (adjektif) sahaja tetapi sifat kata jenis ‘penentu’ boleh digunakan bagi menerangkan perbuatan (kata kerja) dan juga bagi menerangkan perkataan sifat (adjektif).

Akhirnya, beliau menegaskan bahawa segala jenis sifat kata (kata adverba) hanya boleh menjadi penerang kepada frasa predikat tetapi tidak pernah menjadi unsur inti frasa predikat seperti halnya dengan sifat nama (kata adjektif).

(d) Asmah Haji Omar (1993)

Asmah Hj. Omar (1993, p.202) pula mentakrifkan kata adverba sebagai kata yang berfungsi pada ajung ayat dalam struktur Subjek – Predikat – Objek - Ajung.



Menurut beliau, kata adverba boleh diwujudkan oleh kata selapis seperti *sana*, *situ*, *tadi*, *sekarang* dan sebagainya atau kata berlapis yang ditandai oleh awalan *se-* dan akhiran *-an*. Menurut beliau, *se-* sebagai awalan kata adverba mempunyai fungsi sebagai pengubah golongan. Dengan itu, *se-* boleh diimbuhkan kepada kata nama, kata kerja utama, kata kerja bantu dan kata sifat.

Dalamuraian bentuk *se- + kata nama*, beliau mengatakan bahawa imbuhan awalan *se-* apabila diimbuhkan kepada kata nama waktu khususnya kata *masa* dan *waktu* akan menerbitkan perkataan seperti *semasa* dan *sewaktu*, yang berfungsi sebagai kata adverba waktu dengan makna “pada masa” dan “pada waktu”. Dalam bentuk *se- + kata kerja utama* pula, kata kerja utama yang boleh mengambil awalan *se-* ialah kata kerja perbuatan gerak, yakni *tiba*, *pergi*, *kembali*, *pulang* dan *sampai* yang menghasilkan kata-kata seperti *setiba*, *seperti*, *sekembali*, *sepulang* dan *sesampai* yang berfungsi sebagai kata adverba waktu.

Asmah juga menegaskan bahawa sungguhpun *datang* adalah perbuatan gerak tetapi penggunaan belum memperlihatkan adanya bentuk seperti **sedatang*. Kata perbuatan gerak yang sudah mendapat awalan lain tidak boleh mengambil awalan *se-* ini dan membentuk perkataan seperti **seberedar(nya)*, **seberangkat(nya)* dan sebagainya. Demikian juga, kata perbuatan bukan gerak tidak boleh sama sekali diberi awalan *se-*.

Oleh itu, beliau mengatakan tidak ada perkataan-perkataan seperti **setidur(nya)*, **sebaring(nya)* dan sebagainya.

Beliau juga mengatakan bahawa kata kerja bantu seperti *mesti*, *boleh* dan *dapat* dalam bentuk *se- + kata kerja bantu* boleh mengambil awalan *se-* untuk menghasilkan *semesti*, *seboleh* dan *sedapat*, dan kesemuanya ini berfungsi sebagai kata adverba syarat. Dalam penggunaannya perkataan-perkataan ini diberi penegasan dengan meletakkan *-nya* sesudahnya untuk menghasilkan perkataan seperti *semestinya*, *sebolehnya* dan *sedapatnya*.

Menurut beliau, kata *seboleh(nya)* dan *sedapat(nya)* boleh digandakan menjadi *seboleh-bolehnya* dan *sedapat-dapatnya* yang berfungsi sebagai kata adverba perhinggaan. Contoh ayat yang diberikan adalah seperti berikut:

- (1) (i) *Seboleh-bolehnya* dia ingin menyelesaikan perkerjaan itu secepat mungkin.
(ii) *Sedapat-dapatnya* orang itu berusaha keras menyara hidup anaknya.

Beliau juga mengingatkan para pengguna bahasa bahawa kata-kata *semesti*, *seboleh* dan *sedapat* tidak lagi berfungsi sebagai kata bantu, *mesti*, *boleh* dan *dapat* malah berfungsi sebagai kata adverba. Beliau turut memberikan perbezaan makna di antara pasangan-pasangan tersebut seperti berikut:

- (2) (i) Dia *semestinya* datang.
(ii) Dia *mesti* datang.
- (3) (i) Dia *sebolehnya* berusaha menyelesaikan pekerjaan itu hari ini.
(ii) Dia *boleh* menyelesaikan pekerjaan itu.

Berdasarkan huraian Asmah Hj. Omar, kata bantu aspek seperti *belum*, *telah* dan *sudah* apabila diimbuhkan kepada *se-*, (bentuk *se-* + kata kerja bantu) akan menerbitkan perkataan-perkataan seperti *sebelum*, *setelah* dan *sesudah* yang berfungsi sebagai adverba waktu.

Kata *seakan-akan* tidaklah dihasilkan dari pengimbuhan *se-* kepada bentuk gandaan bagi kata bantu aspek *akan*. Dalam hal ini, beliau mengatakan bahawa *akan-akan* itu memasuki golongan yang lain dari kata bantu aspek dan dengan itu tidak boleh dihubungkan dengan bentuk *se-* + *kata kerja bantu*.

Menurut Asmah Hj. Omar (1993, p.205), bentuk *se-* + *kata sifat* merupakan bentuk produktif berbanding dengan pengimbuhan kepada golongan-golongan lain. Dalam pengimbuhan ini *-nya* diletakkan sesudah kata berlapis berkenaan menghasilkan senarai kata adverba syarat seperti *sebaiknya*, *sepatutnya*, *seeloknya*. Kata sifat yang menerima *se...nya* di atas terdiri daripada kata sifat tabii positif. Kata sifat tabii negatif seperti *buruk*, *hodoh* dan sebagainya tidak mengambil *se...nya* jenis ini. Dengan itu, beliau mengatakan tidak ada ayat-ayat seperti di bawah ini:

- (4) (i) **Sebaiknya*, kita tidak menjawab dia.
- (ii) **Sepatutnya*, orang mudalah yang mengunjungi orang tua.
- (iii) **Seeloknya*, kita bersalaman dahulu sebelum menjemput mereka masuk.

Beliau mengatakan bahawa pengimbuhan *se-*, boleh juga dikenakan kepada kata sifat gandaan. Dalam hal ini, subgolongan kata sifat yang boleh menjadi dasar kepada pengimbuhan ialah dari subgolongan tabii (positif dan negatif), saiz, berat dan kapasiti, misalnya: *sebaik-baiknya*, *seteliti-telitinya*, *sehodoh-hodohnya*, *sepanjang-panjangnya*, *sebesar-besarnya* dan sebagainya yang berfungsi dalam kata adverba tolak ansur.

Contoh penggunaan dalam ayat adalah seperti berikut:

- (5) (i) *Sehodoh-hodohnya* dia, ada juga manisnya.
- (ii) *Seberat-berat* badannya, dia masih boleh menari dengan lemah gemalainya.

Menurut beliau, kata adverba boleh wujud melalui pengimbuhan akhiran *-an* kepada kata berlapis yang kata dasarnya kata gandaan dan kata gandaan itu sebahagian besarnya menganggotai golongan karyaan. Hasil pengimbuhan *-an* kepada kata gandaan seperti itu ialah kata adverba perhinggaan, kata adverba gaya dan kata harapan. Antara contohnya adalah seperti *mati-matian*, *habis-habisan*, *kecil-kecilan*, *besar-besaran*, *mudah-mudahan* dan sebagainya.

Di samping itu, beliau juga mengatakan bahawa akhiran *-an* diimbuhkan juga kepada kata nama waktu yang digandakan, yakni yang terbatas kepada kata *sehari-hari* dan *semalam-malam*. Hasil pengimbuhan kepada kata-kata tersebut itu ialah kata adverba durasi *sehari-harian* dan *semalam-malam*. Beliau juga menegaskan bahawa kata *sehari-hari* dan *semalam-malam* sudah pun berfungsi sebagai kata adverba durasi sebelum diberi akhiran *-an*. Selain itu, beliau juga membincangkan kata adverba pada peringkat frasa yang meliputi frasa adverba selapis dan frasa adverba kompleks.

Frasa adverba selapis dibahagikannya kepada 29 jenis, yakni adverba tempat, adverba arah, adverba waktu, adverba alat, adverba penyertaan, adverba gaya, adverba muasal, adverba manfaat, adverba kekerapan, adverba durasi, adverba perbatasan, adverba cara, adverba permulaan, adverba kesungguhan, adverba musabab, adverba tujuan, adverba syarat, adverba tolak ansur, adverba kiasan, adverba pemastian, adverba kejauhan, adverba permakinan, adverba tanya, adverba mentara, adverba rujukan, adverba perbandingan, adverba agentif dan adverba anafora manakala frasa adverba kompleks pula dipecahkannya kepada dua jenis, yakni frasa adverba kompleks tak setara dan frasa adverba kompleks setara.

(e) Arbak Othman (1981)

Arbak Othman dalam bukunya *Tatabahasa Bahasa Malaysia* (1981, p.157) menggunakan istilah ‘kata keterangan’ untuk merujuk kata adverba. Beliau mendefinisikan kata adverba sebagai perkataan yang menerangkan kata kerja, kata sifat, kata keterangan sendiri mahupun seluruh maksud ayat. Arbak mengatakan bahawa kata adverba hanyalah penegas atau pelengkap ayat tetapi tidak boleh berdiri sendiri sebagai subjek mahupun predikat ayat, kecuali yang sudah berubah fungsinya sebagai kata sifat atau kata kerja.

Menurut beliau (1981, p.158), kata adverba (kata keterangan) boleh wujud dalam bentuk kata dasar, kata terbitan, kata majmuk atau sekumpulan perkataan. Kata keterangan dasar ialah perkataan-perkataan seperti *cepat, parah, mesti, tentu, harus, pasti, sekali* dan sebagainya. Terdapat juga sesetengah kata dasar diulangi untuk menghasilkan kata keterangan seperti *hari-hari, kira-kira, tiba-tiba, baik-baik, agak-agak, lebih-lebih, lambat-laun* dan sebagainya. Bentuk ‘kata keterangan terbitan’ pula adalah kata keterangan yang boleh terbentuk dengan salah satu daripada cara berikut:

- (i) awalan *se-* yang diimbuhkan kepada dasar kata selapis / kata ganda tertentu.
- (ii) awalan *se-* dengan diakhiri oleh akhiran *-nya / -an*.
- (iii) akhiran *-nya / -an* sahaja.

Arbak mengatakan bahawa kata keterangan yang diterbitkan dengan cara yang demikian dapat dipecahkan kepada tujuh bentuk, yakni ‘*se- + kata dasar*’, ‘*se- + kata dasar + -nya*’, ‘*se- + dasar ganda*’, ‘*se- + dasar ganda + -nya*’, ‘*se- + kata dasar + -an*’, ‘*se- + dasar ganda + -an*’ dan ‘*kata dasar + -nya*’.

Beliau memberi peringatan kepada pengguna bahasa bahawa dalam beberapa hal, terdapat kata kerja yang boleh berfungsi sebagai kata keterangan dengan syarat ia

hendaklah menerangkan kata kerja tertentu yang lain dalam predikat sesuatu ayat.

Misalnya:

Kata Kerja	Kata Keterangan
Budak itu <i>berseorangan</i> di sana.	Budak itu duduk <i>berseorangan</i> di sana.
Ibu <i>keseorangan</i> setelah ayah meninggal dunia.	Ibu tinggal <i>keseorangan</i> di rumahnya.
Pasangan itu <i>berdua-duaan</i> di hujung padang sana.	Pasangan itu berjalan <i>berdua-duaan</i> ke sekolah.
Ali sedang <i>berdengkur</i> di bawah pokok itu.	Ali tidur <i>berdengkur</i> di biliknya.

Menurut Arbak, bentuk ‘kata keterangan kata majmuk’ ialah perkataan seperti *barangkali*, *dulukala*, *kerapkali*, *acapkali* dan sebagainya. Beliau mengatakan bahawa kata keterangan berlaku dengan banyaknya dalam bentuk rangkai kata atau sekumpulan perkataan yang mengandungi persenyawaan makna di antara perkataan-perkataan dalam kumpulan yang tertentu. Bentuk rangkai kata keterangan jenis ini adalah seperti *dari itu*, *dengan itu*, *siang hari*, *keesokan harinya*, *lebih kurang*, *belum pernah*, *sekadar itu*, *jangan-jangan* dan sebagainya.

Seterusnya, Arbak membahagikan ‘kata keterangan’ (kata adverba) kepada enam jenis berdasarkan fungsi semantik yang terbawa dalam ayat, iaitu kata keterangan waktu, kata keterangan tempat, kata keterangan darjah, kata keterangan gaya, kata keterangan aspek dan kata keterangan ragam.

Menurut beliau, ‘kata keterangan’ waktu ialah perkataan-perkataan yang menerangkan masa perbuatan atau peristiwa berlaku dan keadaan berlakunya sesuatu perbuatan itu. Antara ‘kata keterangan’ jenis ini termasuklah *kini*, *esok*, *sekarang*, *kelmarin*, *dahulu*, *sebentar*, *kemudian* dan lain-lain. Arbak mengatakan (1981, p.160)

‘kata keterangan’ jenis ini juga boleh berupa rangkai kata yang lebih luas seperti *pada suatu hari, kemudian daripada itu, malam Isnin yang lalu, pada saat itu* dan sebagainya. Penggunaan beberapa kata keterangan waktu ini terdapat dalam ayat-ayat berikut:

- Saya hendak pulang *sekarang*.
- Para pelancong akan tiba *tidak lama lagi*.

‘Kata keterangan tempat’ pula adalah perkataan-perkataan yang menyatakan tempat berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa, seperti *sini, situ, sana, mana-mana* atau perkataan nama yang menyatakan tempat seperti *atas, bawah, tengah, depan, belakang* dan sebagainya tetapi perkataan-perkataan ini tidak boleh dipakai begitu sahaja untuk menyatakan tempat kecuali dipakai dengan kata depan *di, ke, dari*. Arbak mengatakan bahawa penggunaan perkataan-perkataan ini dalam bentuk rangkai kata itulah biasanya bersifat keterangan. ‘Kata keterangan’ jenis ini adalah seperti *di sana, di sini, ke sana, ke situ, dari sini, di atas, di bawah, di tengah, di belakang, dari atas, di mana-mana, di semua tempat* dan sebagainya. Contoh penggunaan ‘kata keterangan tempat’ dalam ayat-ayat adalah seperti berikut:

- Anak-anak saya tidur *di bilik atas*.
- Buku itu boleh didapati *di mana-mana*.

Beliau juga mengatakan bahawa ‘kata keterangan darjah’ adalah kata keterangan yang menyatakan darjah suatu sifat atau hal atau kadar suatu jumlah. Antara kata keterangan ini termasuklah *sangat, makin, amat, kurang, hampir, sama, sekali, betul, tidak berapa* dan sebagainya. Menurut beliau, secara umumnya, ‘kata keterangan darjah’ ini dipakai pada kata sifat untuk menyatakan tingkat perbandingan seperti *paling besar, bijak betul, pandai sekali* dan sebagainya. Walaupun begitu, pada ketika-ketika

tertentu, ‘kata keterangan darjah’ digunakan dengan kata kerja dan masih kekal terbawa maksud darjah itu, seperti:

- Syarahannya *sangat* menarik hati.
- Ciptaannya itu *paling* menakjubkan.

Arbak menghuraikan ‘kata keterangan gaya’ sebagai perkataan yang menyatakan bagaimana sesuatu perbuatan, kejadian atau keadaan berlaku. Antara kata keterangan ini, banyak pula yang boleh (i) berupa rangkai kata, biasanya dengan memakai perkataan *dengan* atau *secara*, atau (ii) berupa sekumpulan perkataan yang bertugas untuk menyatakan gaya atau cara sesuatu perbuatan, kejadian, peristiwa atau keadaan itu berlaku. Antara kata keterangan yang berupa perkataan sahaja termasuklah *demikian*, *segera*, *begini*, *perlahan-lahan*, *kuat-kuat*, *bersih-bersih* dan lain-lain.

Menurut beliau, sesetengah ‘kata keterangan gaya’ boleh diperluas lagi dengan mengguna *dengan*, *secara* atau *dengan cara* di depannya seperti *dengan segera*, *dengan perlahan-lahan*, *secara perlahan-lahan* dan sebagainya. Perkataan lain yang boleh mengambil *dengan* di depannya adalah seperti *dengan gembira*, *dengan sabar*, *dengan amat riang* dan lain-lain. ‘Kata keterangan’ yang berupa sekumpulan perkataan yang boleh bertugas untuk menyatakan hal atau gaya terdiri daripada gabungan perkataan-perkataan lain seperti *seorang diri*, *seorang demi seorang* dan lain-lain. Penggunaan ‘kata keterangan gaya’ dalam ayat-ayat adalah seperti berikut:

- Cucilah pinggan-pinggan itu *bersih-bersih*.
- Kamu dikehendaki bekerjasama *dengan penuh kesabaran*.

Seterusnya beliau mengatakan ‘kata keterangan aspek’ adalah perkataan yang menerangkan sama ada sesuatu perbuatan itu telah disempurnakan atau belum, atau yang menyatakan keseringan sesuatu perbuatan dalam proses ia dilakukan. Antara

contoh perkataan ‘kata keterangan aspek’ termasuklah *sudah, belum, telah, selalu, kadang-kadang, jarang-jarang, sesekali, seringkali* dan sebagainya.

‘Kata keterangan ragam’ diterangkan oleh Arbak sebagai perkataan yang menyatakan ragam sesuatu perbuatan atau peristiwa pada predikat ayat. Ragam keterangan ini boleh berupa pernyataan terhadap sesuatu kepastian, pengakuan, keraguan, ajakan, kewajipan, harapan dan sangkal/keheranan. Antara contoh penggunaan ‘kata keterangan ragam’ dalam ayat adalah seperti berikut:

- Dia *memang* terkenal dengan perangai suka menipu orang.
- *Khabarnya* dia ditangkap polis.

Arbak juga ada membincangkan kedudukan kata keterangan dalam binaan ayat. Berdasarkan kedudukannya dalam binaan ayat, maka beliau membahagikannya kepada dua jenis, iaitu ‘kata keterangan bebas’ dan ‘kata keterangan tetap’. Menurut beliau, ‘kata keterangan bebas’ ialah kata keterangan yang menyatakan waktu, tempat, gaya dan beberapa kata keterangan ragam (kecuali ragam kewajipan) yang menyatakan pengakuan, keraguan dan ajakan. ‘Kata keterangan bebas’ ini boleh hadir di awal ayat, sebelum predikat kata kerja atau kata sifat dan selepas predikat ayat. Maka, kebebasan kedudukan gatra keterangan ini bergantung kepada penekanan dan kepentingannya dalam ayat.

‘Kata keterangan tetap’ pula ialah kata keterangan ragam yang menyatakan kewajipan seperti mesti, perlu, wajib, patut dan sebagainya serta kata keterangan darjah mengikut jenis-jenisnya. ‘Kata keterangan darjah’ seperti *amat, paling, cukup, terlalu, terlampau* dan lain-lain boleh hadir hanya di hadapan predikat manakala perkataan *sekali, benar, belaka* hadir sesudah predikat. Sementara itu, perkataan seperti *sungguh, sangat* dan *betul* boleh hadir sebelum dan selepas predikat.

(f) **Abdullah Hassan (2006)**

Abdullah Hassan (2006, p.169) mempunyai pendirian bahawa kata adverba ialah perkataan, frasa atau klausa yang menerangkan kata, frasa dan klausa kerja, adjektif dan kata adverba itu sendiri. Beliau menggunakan istilah kata adverba untuk merujuk perkataan mahupun frasa dan klausa. Beliau juga menegaskan bahawa kata adverba tidak boleh menerangkan frasa sendi nama kerana frasa sendi itu sebenarnya berfungsi sebagai kata adverba yang menerangkan kata kerja. Lihat contoh ayat yang berikut:

- Mereka *ke sini diam-diam*.

Menurut beliau, dalam ayat di atas kata kerja datang telah digugurkan. Maka, kita mudah terkeliru dan mengatakan kata adverba *diam-diam* menerangkan frasa sendi ke sini. Tetapi ayat tersebut boleh ditulis kembali seperti yang berikut:

Mereka *datang ke sini diam-diam*, atau

Mereka *diam-diam datang ke sini*, atau

Mereka *datang diam-diam ke sini*.

Justeru, beliau menjelaskan bahawa *ke sini* berfungsi sebagai frasa adverba tempat menerangkan kata kerja *datang* dan *diam-diam* berfungsi sebagai kata adverba cara pula menerangkan kata kerja *datang* atau frasa kerja *datang ke sini*. Dengan itu, beliau menegaskan bahawa kata adverba tidak menerangkan kata sendi nama malah frasa sendi itu berfungsi sebagai kata adverba menerangkan kata kerja.

Menurut beliau bilangan kata adverba tidak banyak dalam bahasa Melayu kerana golongan kata adverba ini tertutup. Dalam *The Morphology of Malay* (1969), kajian Abdullah Hassan menemui sejumlah 105 kata adverba jati dalam bentuk kata tunggal dan kata partikel dalam korpus yang dikajinya. Beliau berpendapat mungkin ada lebih

banyak kata adverba pada masa kini memandangkan kata kerja dan kata adjektif juga dapat berfungsi sebagai kata adverba.

Selain itu, beliau juga mengatakan ada kata tugas seperti kata bantu aspek, kata bantu ragam dan kata penguat juga tergolong ke dalam kata adverba, yakni tugasnya menerangkan kata kerja, kata adjektif dan kata adverba sendiri. Dalam bukunya juga beliau menggariskan dua cara untuk mengenal pasti kata adverba, iaitu ‘kata adverba diterangkan oleh kata penguat’ dan ‘kata adverba bebas posisi’.

‘Kata adverba diterangkan oleh kata penguat’ ialah kata adverba yang diterangkan oleh kata penguat seperti *sangat*, *amat*, *terlalu* dan sebagainya. Beliau mengatakan bahawa pengenalpastian kata adverba ini boleh dilakukan dengan memberi imbuhan awalan *ter-* dan *se-* seperti *sampai terlambat*, *datang secepat* dan sebagainya. Dalam cara kedua, iaitu ‘kata adverba bebas posisi’ beliau menekankan kata adverba boleh berlaku di depan atau di belakang perkataan yang diterangkannya seperti *bekerja kuat* atau *kuat bekerja*, *berlari cepat* atau *cepat berlari*, *mengaji lambat* atau *lambat mengaji* dan sebagainya.

Menurut Abdullah Hassan, kata adverba boleh dibezakan mengikut maknanya. Walaupun *Nahu Melayu Mutakhir* (1993) yang dikarang oleh Asmah Hj. Omar menyenaraikan 29 jenis kata adverba, namun beliau hanya memilih lima belas jenis untuk dibincangkan sebagai kata adverba, yakni adverba keadaan, adverba tempat, adverba jarak, adverba waktu, adverba sebab, adverba perasaan, adverba cara, adverba kesungguhan, adverba kelaziman, adverba syarat, adverba tujuan, adverba alat, adverba penyertaan, adverba hal dan adverba bagai.

Abdullah Hassan menerangkan *adverba keadaan* sebagai kata yang berlaku dengan kata kerja, kata adjektif dan kata adverba sendiri bagi menerangkan keadaan. Contoh

kata adverba keadaan adalah seperti *berbuat baik*, *tersenyum lebar*, *dicuci bersih*, *terbang tinggi* dan sebagainya. *Adverba tempat* pula ialah kata adverba tepat menyatakan tempat sesuatu kata kerja atau keadaan berlaku. Contohnya seperti *tinggal di kampung*, *bermalam di hotel*, *pulang ke gagang* dan sebagainya.

Menurut beliau, *adverba jarak* menerangkan jarak berhubungan dengan kata kerja yang diterangkannya seperti *pergi jauh*, *terletak di bawah*, *terbang tinggi* dan lain-lain. *Adverba waktu* pula ialah kata-kata seperti *berpisah lama*, *duduk sebentar*, *datang kelmarin* dan sebagainya yang menerangkan kata kerja. *Adverba sebab* ialah kata yang menyatakan sebab sesuatu perbuatan dilakukan atau sebab sesuatu keadaan wujud. Contohnya termasuklah *runtuh sebab hujan lebat*, *pulang kerana hari raya* dan sebagainya. *Adverba perasaan* ialah kata yang menerangkan kata kerja seperti *berasa rindu*, *berkata manis*, *ketawa riang* dan lain-lain.

Beliau membincangkan kata *adverba cara* sebagai kata yang menerangkan kata kerja. Misalnya *bekerja bermati-matian*, *dilawati bergilir-gilir*, *berjalan laju* dan sebagainya. Menurut beliau kata *adverba kesungguhan* boleh dilakukan dengan menggunakan kata adjektif dan kata adverba. Kata adjektif yang diberi kata penguat sebenarnya menjalankan fungsi adverba. Contohnya, *sangat besar*, *besar benar*, *besar sekali* dan lain-lain. Kata *adverba darjat kesungguhan* juga dapat ditunjukkan dengan mengulang kata adverba dua atau tiga kali atau menggunakan tiga kata adverba sederet. Contohnya:

- bercakap banyak, sebanyak-banyaknya
- saya berasa malu, semalu-malunya
- berlagak sompong, bongkak dan angkuh

Kata adverba kelaziman menunjukkan ke sekian kali perbuatan dilakukan. Contohnya *jarang memasak* dan *pulang sesekali*. *Kata adverba syarat* pula menunjukkan syarat perbuatan berlaku seperti *sekiranya, apabila* dan lain-lain manakala adverba tujuan ialah kata-kata seperti *supaya, demi, semoga* yang menerangkan tujuan sesuatu perbuatan dilakukan. Menurut beliau *adverba alat* menerangkan alat yang digunakan dalam melakukan sesuatu perbuatan seperti *dengan pisau tajam, dengan tongkat* dan lain-lain.

Abdullah Hassan dalam huraiannya mengatakan bahawa *adverba penyertaan* menunjukkan perbuatan dilakukan bersama pelaku lain. Contohnya, *bersama seorang pemandu, dengan bantuan* dan sebagainya. *Adverba hal* pula menerangkan hal sesuatu perbuatan dilakukan. Contoh perkataan adalah seperti tentang *cara belajar, mengenai kehidupan* dan lain-lain. Akhirnya, beliau menjelaskan *adverba bagai* sebagai kata yang memberi keterangan *bagai, umpama* atau *seperti*.

(g) Nik Safiah Karim et al. (2008)

Nik Safiah Karim et al. (2008, p.289) mentakrifkan kata adverba sebagai perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama dan frasa sendi nama dari segi cara, masa dan tempat. Menurut mereka, kata adverba boleh hadir di hadapan dan juga di belakang frasa yang diterangkannya. Dalam buku mereka, ditegaskan juga bahawa kata adverba tidak dianggap sebagai golongan kata utama, bahkan golongan kata tugas, kerana kata adverba tidak boleh menjadi unsur inti kepada konstituen frasa predikat seperti halnya dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Ini bermakna kehadiran kata adverba bukan dalam frasa utama ayat.

Menurut para panel penulis *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga, kata adverba dapat digolongkan kepada empat bentuk, seperti yang berikut:

- (a) Kata adverba jati.
- (b) Kata adverba yang asalnya kata adjektif.
- (c) Kata adverba yang asalnya kata kerja.
- (d) Kata adverba bentuk gandaan.

Nik Safiah Karim et al. mengatakan bahawa kata adverba jati terdiri daripada perkataan yang sememangnya berfungsi sebagai penerang kepada golongan kata yang terdiri daripada kata kerja dan frasa kerja, kata adjektif dan frasa adjektif atau frasa sendi nama, yang tidak termasuk ke dalam mana-mana golongan kata lain. Terdapat 31 kata adverba jati yang disenaraikan dalam *Tatabahasa Dewan*. Antaranya termasuklah:

- | | | |
|-------------|----------------|-------------|
| 1. semalam | 4. sering kali | 7. sempat |
| 2. kelmarin | 5. acap kali | 8. langsung |
| 3. esok | 6. kerap kali | 9. nyaris |

Contoh penggunaan kata adverba jati dalam ayat adalah seperti yang berikut:

- 1. Pelancong itu akan tiba *esok* dari New Zealand.
- 2. Murid-murid tadika menjawab soalan gurunya secara *serentak*.
- 3. Orang yang *begitu* pandai pun boleh tertipu.

Menurut mereka, bentuk kata adverba yang asalnya kata adjektif ialah perkataan yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif, atau frasa sendi nama. Contohnya ialah perkataan yang dicetak miring di bawah:

- | | | |
|----------------------|----------------------|----------------------|
| berjalan <i>laju</i> | sakit <i>kuat</i> | mengalir <i>lesu</i> |
| ketawa <i>besar</i> | besar <i>panjang</i> | panjang <i>lebar</i> |

Contoh dalam ayat:

4. Penulis itu membayangkan air sungai itu mengalir *lesu*.
5. Fatimah *hampir* terjatuh ketika menyidai kain basuhannya.
6. Dia pulang apabila mendengar ibunya sakit *kuat*.

Panel penulis *Tatabahasa Dewan* (2008, p.291) mengatakan bahawa kata adverba yang asalnya kata kerja ini merupakan kata kerja yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif atau frasa sendi nama. Contohnya ialah perkataan yang dicetak miring seperti berjalan *mengiring*, merah *menyala*, hitam *berkilat*, terbang *meninggi*, ke hutan menyendiri, tenang *membiru* dan sebagainya. Contoh penggunaan kata adverba bentuk ini dalam ayat adalah seperti yang berikut:

7. Ketam ialah haiwan yang berjalan *menyiring*.
8. Pemuda itu suka berenang *menelentang*.
9. Kulit tuan puteri itu putih *berseri*.

Seterusnya, mereka mengatakan bahawa kata adverba bentuk gandaan ialah perkataan yang mengalami proses penggandaan yang berfungsi menerangkan kata kerja, kata adjektif, atau frasa sendi nama. Menurut mereka, terdapat tiga bentuk kata adverba berganda dalam bahasa Melayu seperti yang berikut:

- (i) Kata adverba penggandaan penuh.
- (ii) Kata adverba penggandaan separa.
- (iii) Kata adverba penggandaan berentak.

Menurut mereka, kata adverba penggandaan penuh ialah perkataan yang terhasil daripada proses menggandakan seluruh kata dasarnya. Contohnya adalah perkataan

seperti *betul-betul*, *tinggi-tinggi*, *malam-malam*, *diam-diam*, *jarang-jarang* dan lain-lain. Contoh penggunaan dalam ayat adalah seperti yang berikut:

10. Dia *betul-betul* gembira dengan kepulangan anaknya yang telah lama terpisah.
11. Pemuda itu *pura-pura* baik sewaktu berhadapan dengan bakal mentuanya.
12. Kebelakangan ini dia *jarang-jarang* ke rumah saya.

Kata adverba penggandaan separa ialah jenis kata adverba yang terhasil daripada proses menggandakan kata dasarnya, yang mengandungi imbuhan tanpa menggandakan imbuhannya. Terdapat dua jenis penggandaan separa, iaitu:

- Penggandaan separa berawalan
- Penggandaan separa berakhiran

Mereka menghuraikan kata adverba penggandaan separa berawalan sebagai perkataan yang terhasil daripada proses menggandakan kata dasar sahaja tetapi tidak awalannya. Dalam bentuk ini, terdapat juga kata adverba yang setelah menerima awalan *se-* boleh juga menerima bentuk *-nya*. Antara contoh kata adverba bentuk ini termasuklah *berdikit-dikit*, *terkial-kial*, *sepandai-pandai*, *bermalam-malam*, *teresak-esak*, *seikhlas-ikhlasnya*, *semahu-mahunya* dan sebagainya. Contoh ayat adalah seperti yang berikut:

13. Mereka sesat *bermalam-malam* di puncak gunung itu.
14. Sekawan itik berjalan *terkedek-kedek* menyeberang jalan.
15. *Sepandai-pandai* tupai melompat, jatuh ke tanah jua.

Panel penulis *Tatabahasa Dewan* (2008) menghuraikan kata adverba penggandaan separa berakhiran sebagai perkataan yang terhasil daripada proses menggandakan hanya kata dasar tetapi tidak akhirannya. Antara contoh kata adverba bentuk ini termasuklah *gila-gilaan*, *kecil-kecilan*, *mati-matian*, *besar-besaran*, *habis-habisan* dan sebagainya.

Contoh dalam ayat adalah seperti yang berikut:

16. Mereka menari *gila-gilaan* menyambut kedatangan tahun baharu.
17. Dalam bulan Ramadan, ramai yang bermiaga *kecil-kecilan*.
18. Para parajurit berjuang *mati-matian* mempertahankan tanah air.

Akhirnya, Nik Safiah Karim et al. menghuraikan kata adverba penggandaan berentak sebagai perkataan yang terhasil daripada proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu. Contoh kata adverba bentuk ini ialah menangis *sedu-sedan*, berjalan *mundar-mandir*, datang *serta-merta*, lari *lintang-pukang*, berlari *susup-sasap* dan sebagainya. Contoh dalam ayat adalah seperti yang berikut:

19. Pasar itu kedengaran *hingar-bingar* sepanjang hari.
20. Pengemis itu berjalan *mundar-mandir* di kaki lima kedai.

1.8.4 Hubungan Adverba Dengan Kelas Kata Lain

Liaw Yock Fang, dalam buku *Nahu Melayu Moden* (1985, p.72) mengatakan bahawa kata adverba (kata keterangan) mempunyai hubungan yang erat sekali dengan kelas kata lain. Beliau berpendapat sedemikian kerana, menurut Za'ba (1958, p.167), kelas kata adverba atau sifat “bukanlah perkataan sendiri yang terkhas untuk jadi sifat kata sahaja dari asalnya, melainkan dijadikan dia daripada perkataan jenis lain sama ada dengan jalan diubahkan kerja-nya atau dengan dipakaikan penambah kepadanya.”

Menurut Za'ba kata adverba bukan dari kelas kata asalnya, malah kata adverba boleh terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Kenyataan ini boleh dijelaskan melalui jadual dibawah:

Jadual 1.1: Hubungan Kata Adverba dengan Kata Nama

Kata Nama	Kata Adverba
1. <i>Esok</i> hari raya.	1. <i>Esok</i> saya bawa dia bersama-sama.
2. <i>Pagi ini</i> sejuk.	2. <i>Pagi ini</i> barulah Siti tiba.
3. <i>Semalam</i> hari Sabtu.	3. Saya tiba <i>semalam</i> .

Jadual 1.2: Hubungan Kata Adverba dengan Kata Adjektif

Kata Adjektif	Kata Adverba
1. Rumah <i>tinggi</i> itu cantik.	1. Burung itu terbang <i>tinggi</i> .
2. Kereta itu <i>baru</i> .	2. Siti <i>baru</i> sampai dari Ipoh.
3. Sekolahnya <i>hampir</i> dengan rumahnya.	3. Sekolah itu <i>hampir</i> siap.

Jadual 1.3: Hubungan Kata Adverba dengan Kata Kerja

Kata Kerja	Kata Adverba
1. Siti sedang <i>terlari-lari</i> ke sini.	1. Siti datang <i>terlari-lari</i> mendapatkan saya.
2. Kamu tidak <i>bersungguh-sungguh</i> .	2. Kita harus bekerja <i>bersungguh-sungguh</i> .

Contoh-contoh di atas merumuskan bahawa terdapat perkataan yang boleh bertukar jenisnya menjadi sama ada kata nama, kata kerja, kata adjektif atau kata adverba. Maka, Za'ba merumuskannya (1958, p. 92) bahawa:

“ hendak mengenal apa jenisnya sesuatu perkataan itu, perhatikanlah apa kerja yang disempurnakannya dalam ayat yang ia pakai itu menamai sesuatu hendaklah, menunjukkan kerja yang dibuatkah, menunjukkan sifat perkataan lainkah, menandakan persangkutan atau perhubungan di antara dua yang berceraikah, menyerukan perasaankah.”

Za'ba menegaskan bahawa kelas kata tidak kira sama ada kata nama, kata kerja, kata adjektif atau kata adverba harus ditentukan oleh tugasnya dalam ayat. Maka, beliau menyimpulkan segala perkataan yang berfungsi sebagai keterangan ialah kata adverba atau 'kata keterangan'.

1.9 Rumusan

Pandangan para sarjana barat mengenai konsep kata adverba tidak begitu sama. Sarjana barat seperti Finch dan Shuan-Fan Huang berpendapat kata adverba ialah kata yang menerangkan kata kerja. *Dictionary of Language & Linguistics* (1976), *Kamus Oxford* (1998), *Kamus Webster* (1986) dan William Marsden (1812) pula mendefinisikan kata adverba sebagai kata yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, adverba lain, klausa dan seluruh ayat dari segi masa, tempat, cara, keadaan dan darjah. David Crystal dalam *Dictionary of Linguistics* (1992) dan C. A. Mees (1969) pula mengatakan kata adverba sebagai kata yang mempunyai fungsi yang lebih tinggi, iaitu fungsi predikatif. Maka, mereka mengatakan bahawa kata adverba harus dimasukkan dalam golongan kata utama seperti kata nama dan kata adjektif.

Berdasarkan huraian dan pandangan sarjana barat, kata adverba bolehlah disimpulkan sebagai kata yang menghuraikan (qualify), menerangkan (modify), menunjukkan (indicate) dan menentukan (specify) kata kerja, kata adjektif, kata adverba lain dan seluruh ayat dari segi masa, tempat, cara, keadaan dan darjah.

Pandangan para sarjana bahasa tempatan tentang kata adverba pula agak sama dengan pandangan sarjana barat, iaitu sarjana tempatan mentakrifkan kata adverba sebagai kata yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama dan kata sendi nama. Walaupun sarjana-sarjana tempatan memperlihatkan cara yang sama dalam

mendefinisikan kata adverba, namun idea dan huraian mereka jelas memperlihatkan perbezaan dari segi penjenisan kata adverba dan penggolongan kata adverba, iaitu sama ada kata adverba dimasukkan dalam golongan kata utama atau dalam subgolongan kata dalam bahasa Melayu. Misalnya, Za'ba dan Arbak Othman membahagikan kata adverba kepada enam jenis, Asmah Hj. Omar memperincikan kata adverba kepada 29 jenis, Abdullah Hassan pula membahagikan kata adverba kepada 15 jenis dan Nik Safiah Karim et al. membahagikannya kepada empat jenis.

Walaupun begitu, penjenisan kata adverba yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar amat luas dan terperinci. Maka, pengguna bahasa memerlukan pengetahuan yang mendalam untuk memahami penjenisan yang dilakukan oleh beliau walhal kebanyakan jenis kata adverba yang diutarakannya bertindih dengan kelas kata yang sudah sedia ada dalam bahasa Melayu. Za'ba dan Arbak pula memperlihatkan kesamaan dalam penjenisan kata adverba seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1.4: Persamaan Penjenisan Kata Adverba oleh Za'ba dan Arbak

BIL	ZA'BA	ARBAK
1	Sifat kata cara/gaya	Kata keterangan gaya
2	Sifat kata masa	Kata keterangan waktu
3	Sifat kata tempat	Kata keterangan tempat
4	Sifat kata darjah	Kata keterangan darjah

Namun terdapat sedikit perbezaan dari segi penggunaan istilah, huraian dan konsep kata adverba. Misalnya Za'ba menggunakan istilah 'sifat kata' manakala Arbak pula menggunakan istilah 'kata keterangan'. Demikian juga konsep kata adverba yang digunakan oleh Za'ba seperti 'sifat kata sebab' dan 'sifat kata penentu' berbeza daripada konsep kata adverba oleh Arbak. Arbak menggunakan konsep kata keterangan aspek

dan ragam yang menjurus kepada kata bantu yang memang sedia ada dalam tatabahasa bahasa Melayu.

Definisi kata adverba oleh Abdullah Hassan agak berbeza daripada tokoh bahasa yang lain, iaitu kata adverba ialah kata yang menerangkan kata kerja, kata adjektif dan kata adverba lain. Tegas sekali, beliau mengatakan bahawa kata adverba tidak menerangkan kata sendi nama malah kata sendi nama itu sendiri berfungsi sebagai kata adverba. Cara beliau melihat beberapa kata tugas seperti kata bantu aspek, ragam dan kata penguat sebagai kata adverba masih boleh dipertikaikan kerana kata-kata tersebut sudah sedia ada kelas katanya dalam tatabahasa bahasa Melayu (2006, p.172).

Antara sarjana bahasa Melayu, Nik Safiah Karim et al. (2008) merupakan sarjana bahasa yang telah menggolongkan kata adverba kepada empat bentuk, iaitu penjenisan kata adverba yang paling sedikit berbanding dengan sarjana-sarjana bahasa yang lain. Sesungguhnya, panel penulis Tatabahasa Dewan ialah barisan sarjana yang telah menyenaraikan kata adverba jati yang terdiri daripada perkataan yang sememangnya tidak termasuk ke dalam mana-mana golongan kata lain. Walaupun, penjenisan kata adverba yang dikemukakan oleh mereka cuma empat jenis tetapi huraian yang diberikan adalah berasas, padat, rasional dan mudah difahami oleh pengguna bahasa.

Berdasarkan pandangan dan huraian yang dikemukakan oleh para sarjana bahasa, maka dapat disimpulkan bahawa kata adverba ialah perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama, frasa sendi nama, kata adverba lain dan seluruh ayat. Kata adverba juga tidak boleh menjadi unsur inti kepada frasa predikat seperti halnya dengan golongan kata utama dan hanya berfungsi sebagai pelengkap opsyenal kepada unsur inti frasa predikat.

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan teori kajian yang merangkumi teori struktural dan teori transformasi-generatif. Dalam bab ini juga akan dibincangkan kerangka konsepsi, metodologi kajian, reka bentuk kajian dan kaedah pengumpulan data.

2.2 Teori Kajian

Teori merupakan satu penjelasan atau sistem penguraian yang membincangkan bagaimana sesuatu fenomena beroperasi dan kenapa fenomena berkenaan beroperasi sedemikian cara (Johnson & Christensen, 2004). Teori juga berupaya merumuskan pengetahuan semasa melalui penjelasan, perhubungan dan pengintegrasian pengetahuan-pengetahuan berkaitan. Secara amnya, sesuatu teori yang baik seharusnya mampu merumus dan mengintergrasikan apa yang diketahui setakat ini dengan mencadangkan hubungan dan ramalan baharu yang dapat memandu penyelidikan.

Teori juga dikatakan sebagai satu set konsep, khususnya konsep *explanatory* yang digunakan untuk diuji dan dipertimbangkan kesesuaiannya bagi memahami atau menerangkan fenomena atau perkara yang dikaji. Menurut Homans, “A theory is a set of interrelated propositions or statements, organized into a deductive system that offers an explanation of some phenomenon” (dipetik oleh Monette et al., 1988, p.26).

Maka, teori memberi penerangan-penerangan untuk fenomena yang sedang dikaji. Sesungguhnya tujuan utama sesuatu teori adalah untuk menerangkan kenapa sesuatu perkara itu berlaku. Oleh itu, teori memberi panduan dan menentukan arah bagi satu-

satu penyelidikan, iaitu mengenai apa yang perlu dikaji dan data bagaimana yang perlu dikumpul.

Dalam penyelidikan tentang bahasa, terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan oleh ahli-ahli bahasa dari semasa ke semasa seperti pendekatan taksonomik, pendekatan sistemik, pendekatan fungsional dan sebagainya. Namun, dalam kajian bahasa bidang morfologi, pendekatan Ferdinand de Saussure, iaitu pendekatan struktural, sering digunakan oleh para pengkaji.

Walaupun begitu, kajian ini akan mengaplikasi dua teori untuk menghuraikan data-data kata adverba. Keadaan ini terjadi demikian kerana dalam kajian ini, terdapat dua bahagian, iaitu bahagian yang menghuraikan ciri-ciri bentuk kata adverba dan bahagian yang menganalisis kedudukan data kata adverba dalam ayat. Sehubungan itu, kajian ini akan menggunakan pendekatan eklektik, iaitu mencampurkan ciri-ciri utama daripada teori struktural, khususnya pendekatan sintagmatik dan paradigmatis untuk menentukan bentuk kata adverba, dan pendekatan transformasi-generatif dari perspektif rajah pohon untuk melihat kehadiran kata adverba dalam binaan ayat.

2. 2. 1 Teori Struktural

Dalam literatur linguistik, dinyatakan bahawa sejak Plato hingga akhir abad ke-19 kajian kebahasaan bersifat diakronik. Kehadiran Ferdinand de Saussure, dengan karya monumentalnya *Course in General Linguistic* (1960), membawa peralihan arah kepada kajian linguistik, daripada kajian bersifat diakronik kepada kajian bersifat sinkronik, dengan penelitian struktural-gramatikal menjadi titik tekannya.

De Saussure mendapat gelaran Bapa Linguistik Moden kerana dia adalah orang pertama yang menyusun cara mengkaji bahasa-bahasa yang ada, bukan hanya satu bahasa sahaja, secara sistematik, yang menjadi asas kajian bahasa dalam abad ke-20. (Jonathan Culler, 1979, p.7) Beliau merupakan orang pertama yang membawa konsep-konsep penting yang menjadi teras pemikiran linguistik moden. Antaranya termasuklah makna yang mengaitkan idea mental (*signifie*) dengan imej akustik (*signifiant*), *langue* sebagai realiti sosial yang berlawanan dengan *parole*, hubungan sintagmatik dan paradigmatis serta linguistik sinkronik sebagai lawan linguistik diakronik.

De Saussure boleh dikatakan orang pertama yang memberi definisi yang jelas kepada struktur bahasa dengan membawa konsep perkaitan sintagmatik (syntagmatic relations) antara unsur-unsur bahasa. Pada masa yang sama beliau juga mengemukakan idea tentang perkaitan asosiatif (associative relations), yang kemudian dikenali sebagai perkaitan paradigmatis (paradigmatic relations). Dengan itu, de Saussure menyatakan bahawa semua sistem bahasa boleh dimasukkan ke dalam teori hubungan sintagmatik dan paradigmatis dan boleh dijelaskan dalam kerangka teori ini.

Menurut Ferdinand de Saussure, perkaitan antara unsur-unsur bahasa boleh diteliti menggunakan pendekatan sintagmatik dan paradigmatis. Beliau menggunakan pendekatan hubungan sintagmatik dan paradigmatis dalam semua peringkat kajian bahasa, iaitu fonologi, morfologi dan sintaksis. Dalam kajian ini, kedua-dua teknik penyelidikan sintagmatik dan paradigmatis daripada teori struktural dipilih untuk mengkaji dan menghuraikan binaan kata adverba dalam teks kerana teknik ini sesuai untuk memperlihatkan hubungan, sama ada yang mendatar atau dari perspektif paradigma.

Pendekatan sintagmatik digunakan untuk melihat hubungan antara unit-unit bahasa secara horizontal, iaitu susunan unit-unit bahasa dari kiri ke kanan atau dari kanan ke

kiri secara mendatar. Misalnya, dari segi morfologi, data kata adverba (2: 3: 2), (3: 1: 1) dan (30: 2: 5)¹ boleh diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

- (1) pesalah / akan / *langsung* / dibuang.
- (2) boleh / jumpa / Cikgu Zamin / *lama-lama*.
- (3) kepalanya / cedera / *teruk*.

Data kata adverba *langsung* dalam ayat (1) ialah kata adverba jati yang hadir sebelum kata kerja dan menjadi penerang kepada kata kerja *dibuang*. Ayat (2) pula mengandungi subjek dan predikat yang subjek ayat telah digugurkan dan pada predikat ayat terdapat empat unit bahasa yang terdiri daripada *boleh* (kata bantu), *jumpa* (kata kerja), *Cikgu Zamin* (kata nama) dan *lama-lama* (kata adverba gandaan). Walaupun dalam ayat (2), kata adverba hadir selepas kata nama, namun kata adverba *lama-lama* berfungsi menerangkan kata kerja *jumpa* yang hadir sebelum kata nama *Cikgu Zamin*.

Seterusnya, dalam ayat (3) perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat bahasa Melayu terdiri daripada unit pertama (subjek) diikuti oleh unit kedua, kata kerja (cedera) dan unit ketiga, kata adverba yang asalnya kata adjektif (teruk). Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa perbandingan sintagmatik menunjukkan bahawa kata kerja dalam ayat bahasa Melayu (1), (2) dan (3) diterangkan oleh kata adverba seperti *langsung*, *lama-lama* dan *teruk*.

Sebaliknya, pendekatan paradigmatis pula digunakan untuk melihat hubungan antara unsur bahasa dari atas ke bawah, iaitu kemungkinan satu-satu unit bahasa dalam urutan sintagmatik diganti dengan unit bahasa yang lain. Misalnya, dari segi morfologi, data

¹ Lihat para 2. 4. 3 untuk penjelasan tentang rujukan-rujukan ini.

kata adverba (15: 2: 1), (46: 1: 4) dan (110: 3: 1) boleh diteliti menggunakan perbandingan paradigmatis seperti yang berikut:

(4) tersenyum **meleret**.

tersenyum **senang**.

tersenyum **kelat**.

Perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit-unit bahasa *meleret*, *senang* dan *kelat* sebagai kata adverba yang boleh silih berganti untuk menerangkan kata kerja. Pasangan data kata adverba (47: 1: 3), (59: 2: 2) dan (3: 2: 1), (97: 5: 3) juga boleh diteliti menggunakan perbandingan paradigmatis seperti yang berikut:

(5) memeluk **erat**

(6) **segera** kubalas

memeluk **mesra**

sempat bercakap

Perbandingan secara paradigmatis dalam contoh (5) menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit-unit bahasa *erat* dan *mesra* sebagai kata adverba yang hadir selepas kata kerja yang melibatkan penggantian antara perkataan dalam posisi yang sama untuk menerangkan kata kerja *memeluk*. Sementara itu, contoh (6) pula menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit-unit bahasa *segera* dan *sempat* sebagai kata adverba yang hadir sebelum kata kerja dan boleh silih berganti untuk menerangkan kata kerja *balas* dan *bercakap*.

Berdasarkan contoh tersebut, perkataan yang menjadi ahli sesuatu golongan kata mengisi posisi yang sama dengan perkataan-perkataan lain dalam golongannya dan ahli yang menganggotai golongan tersebut boleh ditukar ganti dengan ahli-ahli yang lain dalam golongannya. Dalam contoh (6) pula, kata adverba *segera* boleh digantikan dengan kata adverba *sempat*, menghasilkan *sempat kubalas* dan sebaliknya. Dengan itu,

unit-unit bahasa *segera* dan *sempat* mempunyai hubungan asosiatif satu sama lain, atau boleh dikatakan bahawa kedua-duanya terdapat dalam paradigma yang sama.

2. 2. 2 Teori Transformasi-Generatif

Transformasi-Generatif (TG) (1957) merupakan satu teori yang lengkap dan menyeluruh yang merangkumi semua komponen bahasa termasuk fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Teori ini juga dianggap sebagai satu revolusi selepas aliran struktural kerana keluar daripada pendekatan mekanistik dan memberi penekanan kepada pendekatan mentalistik. Tokoh yang melahirkan transformasi-generatif ialah Naom Chomsky yang dididik dalam tradisi linguistik struktural dan merupakan murid Zellig Harris.

Sejarah TG bermula dengan “nahu transformasi” yang merupakan isi kandungan buku Naom Chomsky, *Syntactic Structures* (1957). Penulisan buku ini didorong oleh percubaan Chomsky untuk membentuk satu teori am dengan peraturan-peraturan mengenai struktur bahasa dan meneroka asas-asas bagi teori berkenaan. Percubaan Chomsky untuk membentuk satu teori am melahirkan tiga model struktur bahasa. Model pertama ialah model komunikasi yang sederhana pada *finite state language* dengan kaedah menghasilkan ayat yang dinamakan *finite state machine*, berdasarkan teori komunikasi yang dihasilkan oleh Shannon dan Weaver. Teori ini didapati tidak dapat diterapkan kepada bahasa manusia.

Model kedua Chomsky ialah model transformasi. Untuk sampai kepada model ini, Chomsky bermula daripada struktur frasa, dengan mengadakan *parsing* berdasarkan unsur-unsur dalam ayat. Dengan ini lahir teori struktur frasa. Pada asasnya struktur frasa dapat memaparkan, dengan jelas, unsur-unsur bagi satu-satu nodus. Penanda frasa juga

dapat memaparkan untaian terminal, iaitu untaian yang paling akhir. Peringkat kedua dalam analisis ialah transformasi, yakni proses yang menunjukkan perubahan bentuk dari ayat inti kepada ayat-ayat terbitan. Setelah transformasi disempurnakan, maka lambang-lambang dalam nodus terakhir boleh dipadankan dengan perkataan yang sebenarnya, melalui proses morfonemik.

Model ketiga ialah transformasi-generatif (TG) yang bermula dengan penerbitan buku Chomsky yang bertajuk *Aspects of the Theory of Syntax* dalam tahun 1965. Buku ini dirujuk oleh ahli-ahli linguistik sebagai *Aspects* dan teori yang dikemukakan dalam buku ini pula dirujuk sebagai teori standard. Teori yang dikemukakan dalam buku ini berbeza daripada teori yang dikemukakan dalam *Syntactic Structures* (1957). Rumus struktur frasa dan istilah-istilah utama seperti transformasi, transformasi wajib dan transformasi tak wajib, simbol kategori dan morfonemik dikekalkan daripada teori *Syntactic Structures* (1957).

Dalam transformasi generatif terdapat dua aspek penting, yakni transformasi dan generatif. Transformasi dan generatif merujuk kepada dua konsep yang berbeza dari sudut istilah tetapi kedua-duanya saling berhubungan erat. Tatabahasa sedemikian dikatakan bersifat generatif dengan maksud bahawa tatabahasa ini boleh menjanakan ayat yang sempurna bentuknya dalam sesuatu bahasa tetapi tidak pula ayat yang tidak sempurna bentuknya (T. Bynon, 1994). Justeru, dengan adanya ciri generatif, sesuatu tatabahasa dapat menghasilkan semua ayat yang gramatis dalam bahasa tersebut (P. Intarachat, 1987). Sementara itu, transformasi ialah peraturan yang mengatur semula unsur-unsur dalam ayat. Berdasarkan itu, tatabahasa ini dapat menjelaskan segala bentuk hubungan antara ayat terbitan dengan ayat dasar (Goh O. S. dan The K. H., 1993).


Dari situ Chomsky mula memikirkan konsep nahu universal. Chomsky mula melihat kemungkinan teori minda yang dikemukakan oleh Descartes sesuai diterapkan untuk teori nahu universal yang kemudian diungkapkannya dalam TG. Berdasarkan itu, Chomsky menyatakan bahawa keupayaan manusia adalah *species-specific*, yakni khusus bagi manusia sahaja, yang kelihatan dalam aspek kreatif yang wujud dalam penggunaan bahasa. Berbangkit daripada aspek kreatif bahasa, Chomsky mengemukakan konsep *language acquisition device* (LAD), yang diperoleh oleh manusia sejak dari bayi lagi. Menurut beliau, manusia telah dirancangkan sebagai makhluk barbahasa yang membezakannya daripada haiwan kerana haiwan tidak mempunyai LAD. Dengan demikian, LAD membolehkan seseorang menerbitkan perkataan atau ayat yang tak terkira dalam otak (struktur dalaman) yang kemudian dilafaz atau ditulis (struktur permukaan).

Sesuatu nahu generatif merupakan hasil model pemerolehan bahasa. Dengan itu, perlulah dibina nahu yang tegas keupayaan generatif yang mempunyai *descriptive adequacy* (kesempurnaan huraihan) dan *explanatory adequacy* (kesempurnaan penjelasan). Dalam mencapai matlamat membina nahu seperti yang dinyatakan, Chomsky telah memperkenalkan beberapa konsep penting seperti membezakan pengetahuan peraturan bahasa yang diberi nama *kemampuan bahasa* dengan penggunaan bahasa yang sebenarnya, iaitu *perlakuan bahasa*. Penghasilan bahasa tidak seratus peratus atau keadaan tidak kesampaian seperti terbatuk, terbahak, kesakitan atau keletihan, gangguan fikiran dan emosi inilah yang dimaksudkan sebagai *perlakuan bahasa* (performance) (Nik Safiah Karim, 1998). Dalam nahu berkenaan, sesuatu ayat itu mempunyai aspek mental dan juga aspek fizikal yang dinyatakan oleh Chomsky sebagai *struktur dalaman* dan *struktur permukaan*.

Struktur dalaman, menurut teori transformasi, terletak di otak, iaitu tempat terjadinya proses berbahasa yang sesungguhnya secara mentalistik dan tidak semestinya dimanifestasi melalui bunyi atau ejaan. Struktur permukaan pula merujuk kepada apa-apa huriaian tentang bahasa dari struktur dasar kemudian dikeluarkan melalui bunyi dan ejaan, iaitu wujud secara lahiriah. Melalui transformasi, struktur dalaman akan muncul sebagai satu struktur permukaan atau lebih, bergantung pada jenis transformasi yang diaplikasi padanya (Nik Safiah Karim, 1998). Sejajar dengan itu, aliran TG telah memperkenalkan konsep rajah pohon bagi menggambarkan unit-unit bahasa dalam ayat pada struktur dalaman dan struktur permukaan dengan menggunakan nodus-nodus. Chomsky menggunakan teknik rajah pohon dalam penyelidikan bagi memudahkan analisis unsur-unsur bahasa dan untuk menggambarkan unit terkecil dalam bahasa dipaparkan secara eksplisit.


Untuk tujuan kajian ini, konsep rajah pohon digunakan untuk menganalisis unsur-unsur dalam ayat secara eksplisit. Dalam kajian ini, teknik rajah pohon daripada teori TG digunakan untuk memperlihatkan kehadiran kata adverba dalam binaan ayat kerana teknik rajah pohon sesuai untuk menggambarkan kedudukan kata adverba sama ada pada subjek atau predikat dan sebelum atau selepas sesuatu unsur bahasa dalam ayat secara jelas. Misalnya, kehadiran kata adverba dalam binaan ayat (7: 6: 1) dan (35:1: 1) dapat digambarkan dalam rajah pohon seperti yang berikut:

(7)



Representasi rajah pohon memaparkan bahawa dalam binaan ayat *Aini ketawa terkekeh-kekeh*, kata adverba hadir pada frasa predikat selepas kata kerja sebagai kata adverba cara.

(8)




Representasi rajah pohon memaparkan bahawa dalam binaan ayat *Dia akan segera pulih daripada demam panas*, kata adverba hadir pada frasa predikat sebelum kata kerja sebagai kata adverba masa.

Kesimpulannya, daripada kedua-dua contoh pemaparan rajah pohon, dapat dikatakan bahawa kata adverba dalam binaan ayat dapat hadir di hadapan atau di belakang perkataan yang diterangkannya.

2.3 Kerangka Konsepsi

Dalam kajian, pendekatan sintagmatik dan paradigmatis daripada teori struktural dan teknik rajah pohon daripada teori Transformasi-Generatif digunakan bersama metodologi kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks untuk mendapatkan

output kajian. Urutan proses yang menjana dapatan kajian dapat diperjelas melalui gambar rajah berikut:



Gambar rajah 2.1 : Kerangka Konsepsi

2. 4 Metodologi Kajian

Pada kebiasaannya, penyelidikan ialah suatu proses yang berlaku secara terus-menerus untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih mantap daripada yang terdahulu. Ini menunjukkan bahawa penyelidikan yang dilakukan tidak menghasilkan dapatan kajian yang bersifat muktamad. Sehubungan itu, Marzuki (1987) menjelaskan bahawa penyelidikan merupakan suatu usaha untuk mengumpulkan, mencatat dan menganalisis fakta-fakta tentang suatu masalah.

Penyelidikan menjurus kepada suatu penemuan secara sistematik berdasarkan ilmu pengetahuan mengenai sifat daripada kejadian-kejadian atau keadaan-keadaan dengan maksud akan menetapkan faktor-faktor pokok atau akan menemukan fahaman baharu dalam memperkembangkan kaedah baharu. Manusia sentiasa berusaha mencari kesempurnaan dan kebenaran yang didorong oleh hasrat ingin tahunya yang tidak pernah luput. Jujun S. Suriasumantri (1993) mengatakan bahawa setiap saat dari hidupnya, sejak dilahirkan sampai masuk liang lahat, ia tidak berhenti berfikir. Menurut beliau, berfikir itulah yang mencirikan hakikat manusia dan kerana berfikirlah dia menjadi manusia.

Pada dasarnya, berfikir ialah sebuah proses yang melahirkan pengetahuan. Ilmu pengetahuan pula merupakan kumpulan pengalaman dan pengetahuan sejumlah orang yang dipadukan secara teratur dan harmonis untuk mencari kebenaran bagi persoalan-persoalan yang timbul atau masalah-masalah yang muncul yang akhirnya membawa sebuah kesimpulan (penemuan) melalui penyelidikan. Dengan demikian, penyelidikan merupakan tindakan yang mengaplikasikan kaedah ilmiah untuk mencapai jalan penyelesaian atau jawapan bagi persoalan yang dikemukakan secara sistematik dan teratur. Namun, penyelidikan tidak terhad kepada pencarian dan pengumpulan

maklumat semata-mata malah merupakan satu aktiviti yang menyumbang kepada sesuatu yang baharu, sama ada dari segi ilmu ataupun amalan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kata adverba dalam teks novel yang dipilih di samping menguraikan ciri-ciri bentuk kata adverba dan menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat. Dalam kajian ini, metodologi kajian merangkumi reka bentuk kajian, bahan kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data.

2. 4. 1 Reka Bentuk Kajian

Punch (2001) berpendapat bahawa pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif harus meletakkan penyelidik dalam dunia empirikal yang menghubungkan persoalan penyelidikan dengan data. Menurut beliau, terdapat empat asas utama yang perlu dipertimbangkan apabila memilih reka bentuk yang sesuai untuk sesebuah kajian, iaitu:

- i) strategi yang melibatkan tujuan atau pendekatan menjalankan penyelidikan agar persoalan penyelidikan dapat dijawab;
- ii) kerangka konsepsi yang menunjukkan hubungkait antara satu boleh ubah dengan boleh ubah yang lain;
- iii) siapa dan apa yang akan diselidik; dan
- iv) peralatan dan prosedur yang akan digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis bahan empirikal.

Menurut Punch kajian yang jelas tentang subjek yang diselidik, hubungan antara subjek kajian dengan dirinya serta dari mana dan bagaimana harus mendapatkan data untuk menjawab persoalan kajian boleh dianggap telah menggunakan reka bentuk yang sesuai untuk melakukan kajian.

Sehubungan itu, dalam penyelidikan ini reka bentuk kajian berbentuk deskriptif. Menurut Mohd. Majid Konting (1998), reka bentuk kajian ialah teknik dan kaedah tertentu untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Dalam penyelidikan, pelbagai kaedah digunakan untuk mengkaji pelbagai aspek. Namun, tidak semua kaedah dapat diterapkan untuk menemukan hasil dalam pelbagai jenis disiplin ilmu. Kajian bidang morfologi yang berbentuk analisis data kata adverba memerlukan beberapa pendekatan agar kajian menjadi sistematik dan berkesan. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan dua kaedah, iaitu:

- i. Kaedah Kajian Kepustakaan
- ii. Kaedah Kajian Teks

2. 4. 1. 1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan kerana kaedah ini menyediakan seseorang pengkaji dengan pengetahuan asas mengenai bidang yang menjadi tumpuan kajian dan juga mengenai cara-cara untuk menjalankan kajian. Inilah yang dinyatakan oleh **C. A. Moser dan G.Kalton** (1971), sebagai “.... The reader was warned not to ‘hurry into the field’ without first consulting the necessary book, journal, literature, past and present investigations of relevance official reports and statistics ”.

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah terbaik dan berkesan untuk pengkaji membaca, menelaah dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang apa yang dicari. Kajian ini akan memperoleh maklumat daripada beberapa buah perpustakaan. Antaranya termasuklah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Pustaka Peringatan Za’ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya

dan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelbagai bahan akan dirujuk seperti makalah, jurnal, buku, prosiding dan tesis.

2. 4. 1. 2 Kaedah Kajian Teks

Kaedah kajian teks bersifat deskriptif dengan melakukan analisis linguistik untuk mengkaji data kata adverba. Dalam penyelidikan bersifat kualitatif, teknik ini menjadi alat pengumpulan data yang utama. Kaedah ini bertujuan memperoleh maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji. Data kata adverba untuk kajian teks akan diperoleh daripada novel yang dipilih, iaitu karya Halis Azhan Mohd Hanafiah berjudul *Azfa Hanani*, terbitan edisi pelajar 2010.

Teks ini dipilih memandangkan teks berkenaan ialah teks wajib yang harus dibaca oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 seluruh negara. Walaupun novel ini merupakan teks sastera tetapi tidak mengandungi unsur khayalan atau ilusi dan unsur keganasan yang boleh merosakkan minda pelajar. Di samping itu, novel ini juga mengandungi nilai-nilai murni seperti ketinggian budi, nilai kasih sayang, makna pengorbanan dan sebagainya sebagai pengajaran kepada pelajar. Novel ini juga telah memenangi hadiah utama kategori novel remaja, iaitu Hadiah Sastera anjuran Utusan Melayu dan Public Bank pada tahun 1994. Maka, novel ini sesuai diambil untuk membuat kajian.

2. 4. 2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang dipilih ialah jenis “kaedah analisis kandungan”. Kaedah ini akan membolehkan kandungan teks bahan yang dipilih dikaji secara terperinci. Kaedah pengumpulan data ini dilaksanakan secara bebas.

Dalam kaedah ini, setiap ayat bahan kajian yang dipilih harus dibaca dengan teliti untuk mengenal pasti kata adverba. Kemudian, kata adverba yang dikesan dikeluarkan bersama ayat di mana kata adverba itu hadir. Seterusnya, ayat tersebut harus dipastikan sama ada ayat gramatis atau tidak agar dapat dilabelkan sebagai data kajian. Ayat gramatis yang mengandungi kata adverba dikeluarkan dan diberi singkatan berdasarkan halaman, perenggan dan baris. Misalnya, ayat yang ditemukan daripada halaman dua, perenggan satu dan daripada baris lima, maka ditulis seperti (H2: P1: B5). Melalui kaedah analisis kandungan, langkah-langkah yang diikuti sebelum menjalankan kajian adalah seperti yang berikut:

- i) Pembacaan bahan kajian
- ii) Pemilihan data yang sesuai
- iii) Pembahagian data mengikut klasifikasi

2. 4. 2. 1 Pembacaan Bahan Kajian

Dalam kajian ini, pembacaan bahan kajian merupakan langkah pertama yang akan mendapatkan data untuk melakukan kajian. Oleh itu, bahan kajian hendaklah dibaca beberapa kali secara menyeluruh dan teliti. Bacaan bahan kajian dilakukan selama dua hingga tiga minggu untuk memahami teks sastera memandangkan teks sastera mengandungi banyak ayat panjang dan ayat tergantung.

Pembacaan bahan kajian dilakukan bab demi bab, iaitu dari bab pertama hingga bab kesembilan belas. Setiap bab terdiri daripada lebih kurang 12 halaman. Maka, seluruh 205 halaman wajar dibaca secara terperinci dalam tempoh yang ditetapkan agar peringkat seterusnya dalam kajian dapat dijalankan dengan lancar.

2. 4. 2. 2 Pemilihan Data yang Sesuai

Pemilihan data kata adverba dilakukan secara rapi dan sistematik selama empat minggu, iaitu setelah pembacaan menyeluruh bahan kajian selesai. Ayat demi ayat dibaca secara teliti untuk mengenal pasti data kata adverba. Setiap data kata adverba yang dikesan dipastikan ketepatannya dengan merujuk huraian tokoh-tokoh bahasa. Pandangan dan huraian tokoh bahasa dijadikan asas atau garis panduan dalam melakukan pemilihan data kata adverba. Sehubungan itu, perkataan yang padan dengan takrif kata adverba dan tidak tersenarai sebagai kata adverba dalam huraian sarjana-sarjana bahasa juga dipilih sebagai data kata adverba.

Pemilihan data dilakukan berdasarkan konsep kata adverba yang diutarakan oleh sarjana-sarjana bahasa tempatan. Maka, konsep kata adverba yang bertindih dengan golongan kata lain tidak dipilih sebagai data kata adverba dalam kajian ini. Misalnya, perkataan *sudah, pernah, sangat* dan lain-lain tidak dipilih sebagai data kata adverba kerana perkataan-perkataan tersebut sudah sedia ada golongan katanya sendiri.

Kegramatisan ayat juga dianggap sebagai satu ciri penting dalam pemilihan data kata adverba dalam kajian ini. Kata adverba yang terkandung dalam ayat yang gramatis sahaja akan dikeluarkan sebagai data kajian. Walaupun ayat yang tidak gramatis mengandungi kata adverba, namun kata adverba tersebut tidak akan dipilih sebagai data kerana akan menyulitkan proses menganalisis kehadiran kata adverba dalam binaan ayat. Semua data kata adverba yang telah dipilih akan disemak dan ditapis sebelum dilabelkan sebagai data kata adverba.

2. 4. 2. 3 Pembahagian Data Mengikut Klasifikasi

Data-data kata adverba yang telah dikenal pasti dan disemak ketepatannya dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan ciri-ciri bentuk dan jenis kata adverba. Sebanyak 303 data kata adverba diklasifikasi satu demi satu dengan meneliti secara khusus ciri-ciri bentuk dan jenisnya. Dalam usaha klasifikasi data kata adverba, buku-buku sarjana bahasa Melayu digunakan sebagai pegangan.

Pembahagian data kata adverba mengikut bentuknya mengambil masa selama dua minggu. Data kata adverba yang telah diklasifikasi akan dimasukkan dalam jadual berdasarkan bentuk dan jenis masing-masing. Akhirnya, jadual-jadual berkenaan akan dilabelkan berpandukan perincian pembahagian bentuk dan penjenisan kata adverba.

2. 5 Rumusan

Penyelidikan ini akan menggunakan pendekatan sintagmatik dan paradigmatis (teori struktural) untuk menghuraikan bentuk dan jenis kata adverba yang dikenal pasti daripada novel *Azfa Hanani*, edisi pelajar tahun 2010. Seterusnya, teknik rajah pohon (teori transformasi-generatif) juga digunakan untuk menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat.

BAB 3: BENTUK DAN JENIS KATA ADVERBA

3.1 Pendahuluan


Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang mengenal pasti bentuk dan jenis kata adverba, sekali gus menepati objektif kajian yang kedua, yakni menghuraikan bentuk dan jenis kata adverba. Kata adverba yang dikenal pasti dalam kajian akan dihuraikan menggunakan pendekatan sintagmatik dan paradigmatis, iaitu konsep yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure untuk mengkaji struktur bahasa pada semua peringkat bahasa seperti fonologi, morfologi dan sintaksis.

Dalam bab ini, perkaitan sintagmatik dan paradigmatis digunakan untuk menghuraikan kata adverba yang ditemukan dari segi morfologi. Kata adverba yang dikenal pasti dalam kajian digolongkan kepada bentuk kata adverba tertentu berasaskan perkaitan sintagmatik dan paradigmatis. Kedua-dua konsep ini amat berguna dalam memperjelas hubungan antara unsur-unsur bahasa supaya data kata adverba dapat diklasifikasikan kepada bentuk-bentuknya.

Bab ini juga merangkumi huraian ringkas berserta contoh-contoh relevan tentang kata adverba semu. Amnya, kata adverba semu ialah perkataan yang seakan-akan sama seperti kata adverba, yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa Melayu, khususnya penutur bukan asli, dalam mengenal pasti kata adverba. Oleh yang demikian, kata adverba semu dihuraikan sejelas-jelasnya dalam bab ini agar salah tafsiran kata adverba tidak berulang lagi dan menjelaskan penggunaannya.

3.2 Bentuk Kata Adverba

Kajian ini telah mengenal pasti empat bentuk kata adverba daripada bahan kajian. Penggolongan empat bentuk kata adverba berdasarkan bahan kajian selaras dengan penggolongan bentuk kata adverba dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008, p.290). Empat bentuk kata adverba yang dikenal pasti digambarkan dalam gambar rajah di bawah.



Rajah 3.1: Bentuk Kata Adverba Dalam Bahasa Melayu

Sebanyak 303 data kata adverba telah dikenal pasti dalam bahan kajian dan diteliti serta diperincikan kepada empat bentuk dengan jumlah kedudukan kata adverba dalam ayat seperti yang berikut:

Jadual 3.1: Perincian Bentuk Kata Adverba

BENTUK KATA ADVERBA	JUMLAH KEHADIRAN
Kata Adverba Jati	97
Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif	131
Kata Adverba Asalnya Kata Kerja	11
Kata Adverba Gandaan	84

Jadual 3.1 menunjukkan jumlah keempat-empat bentuk kata adverba ialah sebanyak 323. Jumlah ini melebihi jumlah kata adverba yang dikenal pasti dalam kajian (303 data kata adverba). Keadaan sedemikian terjadi kerana terdapat ayat yang mempunyai lebih daripada satu kata adverba yang boleh dikategorikan kepada bentuk-bentuk kata adverba yang berlainan. Dalam semua bentuk kata adverba, cuma satu kehadiran kata adverba yang dikenal pasti berfungsi menerangkan frasa sendi nama dalam bahagian frasa predikat. Tidak ditemui sebarang contoh kehadiran kata adverba yang menerangkan frasa sendi nama yang menjadi unsur inti frasa predikat. Keadaan ini seolah-olah selaras dengan penegasan Abdullah Hassan (2006), iaitu kata adverba tidak boleh menerangkan frasa sendi nama kerana frasa sendi itu sebenarnya berfungsi sebagai kata adverba yang menerangkan kata kerja.

Namun begitu, pada hakikatnya bahasa Melayu mempunyai kata adverba yang berfungsi menerangkan frasa sendi nama. Menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008, p.289), kata adverba berfungsi menerangkan frasa sendi nama, yakni salah satu unsur frasa predikat selain frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif. Memandangkan fungsi kata adverba adalah memberikan makna tambahan kepada kata atau frasa dalam frasa subjek atau predikat, maka frasa sendi nama sebagai salah satu unsur frasa

predikat dalam pola ayat dasar bahasa Melayu sudah semestinya menerima kehadiran kata adverba sebagai penerangnya. Lihat contoh kehadiran kata adverba sebagai penerang frasa sendi nama dalam ayat berikut:

- Ahli perniagaan itu *sering kali* ke London.

Seperti yang kelihatan dalam ayat contoh di atas, kata adverba *sering kali* berfungsi menerangkan frasa sendi nama *ke London* yang menjadi unsur inti dalam frasa predikat. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa dalam ayat contoh di atas kata kerja yang menjadi unsur inti frasa predikat telah mengalami pengguguran. Jika sesungguhnya kenyataan itu benar, apakah kata kerja yang telah digugurkan yang mungkin berupa *datang, pergi, melawat* atau *melancong*? Keadaan yang tidak dapat menentukan perkataan (kata kerja) yang mengalami pengguguran dikenali sebagai unsur *non-recoverability* oleh Noam Chomsky dalam aliran Transformasi-Generatif. Tegasnya, kata adverba dalam bahasa Melayu turut berfungsi menerangkan frasa sendi nama. Cuma dalam kajian yang dijalankan tidak dapat mengenal pasti sebarang data kata adverba yang berfungsi menerangkan frasa sendi nama yang menjadi unsur inti frasa predikat.

3.2.1 Kata Adverba Jati

Kata adverba jati terdiri daripada perkataan yang sememangnya berfungsi sebagai penerang kepada golongan kata yang terdiri daripada kata kerja dan frasa kerja, kata adjektif dan frasa adjektif atau frasa sendi nama, yang tidak termasuk ke dalam mana-mana golongan kata lain. Kajian telah mengenal pasti sebanyak 98 kali kehadiran kata adverba jati dalam berlainan ayat (Lampiran C). Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008, p.290), terdapat sebanyak 31 kata yang tergolong dalam kata adverba bentuk ini.

Namun, kajian ini hanya dapat mengenal pasti sebanyak 25 kata adverba jati daripada 31 kata adverba jati yang tersenarai dalam *Tatabahasa Dewan* (2008, p.290). Selebihnya enam kata adverba jati yang tersenarai dalam *Tatabahasa Dewan* seperti *kelmarin*, *tulat*, *kerap kali*, *julung kali*, *kadangkala* dan *nyaris* tidak dapat dikenal pasti dalam bahan kajian.

Walaupun kata adverba *sering* tidak tersenarai sebagai kata adverba jati (31 kata adverba jati) dalam *Tatabahasa Dewan*, namun penggunaannya kelihatan jelas sebagai kata adverba jati dalam ayat contoh 418 pada halaman 291 *Tatabahasa Dewan*. Lantaran itu, sebanyak 26 kata adverba jati yang menyamai atau sepadan dengan senarai dalam *Tatabahasa Dewan* adalah seperti yang berikut:

- | | | | | | |
|----|------------|-----|---------------|-----|---------------------------|
| 1. | semalam | 10. | sering kali | 19. | langsung |
| 2. | esok | 11. | acap kali | 20. | begitu/sebeginu |
| 3. | lusa | 12. | sentiasa | 21. | begini/sebegini |
| 4. | kelak | 13. | kadang-kadang | 22. | demikian/sedemikian |
| 5. | sekarang | 14. | saling | 23. | pertama kali/kali pertama |
| 6. | dahulu | 15. | sekali gus | 24. | agaknya |
| 7. | tadi | 16. | serentak | 25. | nanti |
| 8. | kemudian | 17. | jarang kali | 26. | sering |
| 9. | barangkali | 18. | sempat | | |


Kajian ini juga berjaya mengenal pasti sebanyak lima kata baharu yang dapat digolongkan sebagai kata adverba jati yang tidak tersenarai dalam *Tatabahasa Dewan* (2008, p.290). Mungkin ada banyak lagi kata adverba jati dalam bahasa Melayu tetapi

setakat lima kata sahaja dapat dikenal pasti dalam kajian ini. Kata-kata adverba jati yang baharu adalah seperti yang berikut:

1. selalu
2. akhir sekali
3. kini
4. semalam
5. semula

Maka, kajian ini sekali gus telah mengenal pasti sebanyak 31 kata adverba jati seperti yang disenaraikan di atas ($26 + 5$). Jadual 3.1 menunjukkan jumlah kehadiran kata adverba jati yang dikenal pasti daripada bahan kajian sebagai 97. Angka 97 bukan menunjukkan bilangan kata adverba jati malah merupakan jumlah kali kehadiran kata-kata adverba jati dalam ayat-ayat yang berlainan.

Bentuk kata adverba jati yang dikenal pasti dalam kajian memperlihatkan beberapa ciri tertentu, iaitu menjadi penerang kepada kata kerja, kata nama, kata adjektif dan kata adverba lain dengan kehadiran sama ada di hadapan atau dibelakang kata yang diterangkan. Di samping itu, bentuk kata adverba ini juga berfungsi menerangkan ayat atau bahagian ayat dalam binaan ayat. Perincian rajah yang menunjukkan unsur yang diterangkan oleh kata adverba jati adalah seperti yang terdapat di bawah:



Rajah 3.2: Perincian Kata Adverba Jati Sebagai Penerang Unsur Bahasa Tertentu

3.2.1.1 Bentuk Jati Sebagai Penerang kepada Kata Kerja

Data kajian menunjukkan bahawa kata adverba jati boleh mendahului atau mengikuti kata kerja yang diterangkannya. Contohnya, data kata adverba jati dalam lampiran H, iaitu (1: 1: 5), (1 : 2 : 7), (1: 3: 1), (3: 2: 1) dan (3: 5: 5)² menjadi penerang kepada kata kerja dapat diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

- (1) Masa / berlalu / *begitu* / sahaja.
 ↑
 ↑
- (2) ... membahagikan / tugas / *dahulu* / sebelum / berbuat/ apa-apa.
 ↑
 ↑
- (3) Aku / *sentiasa* / ingat.
 ↑
 ↑
- (4) Ujaran / demi / ujaran/ itu/ tidak / *segera* / kubalas.
 ↑
 ↑
- (5) Semua / orang / berhak / menghukum / aku / *sebeginu*.
 ↑
 ↑

Kata adverba *begitu*, *dahulu* dan *sebeginu* dalam ayat (1), (2) dan (5) ialah kata adverba jati yang hadir selepas kata kerja yang berfungsi menerangkan kata kerja *berlalu*, *membahagikan* dan *menghukum*. Seperkara lagi yang perlu ditekankan dalam ayat (2) dan (5) ialah kata adverba jati *dahulu* dan *sebeginu* tidak hadir sejurus selepas kata kerja malah hadir selepas objek. Keadaan ini terjadi kerana kata kerja *membahagikan* dan *menghukum* merupakan kata kerja transitif yang harus menerima objek.

Walaupun kata adverba jati *dahulu* dan *sebeginu* hadir selepas objek namun kedua-dua kata adverba jati tersebut masih menerangkan kata kerja *membahagikan* dan *menghukum* yang mendahuluinya. Dalam ayat (3) dan (4) pula kata adverba jati *sentiasa* dan *segera* masing-masing mendahului kata kerja *ingat* dan *balas* serta berfungsi menerangkan maksud kata kerja. Kata adverba jati *sentiasa* dan *segera* tidak

² Untuk penjelasannya, sila lihat Bab 2 halaman 26, para 2. 4. 3.

semestinya mendahului kata kerja malah boleh juga mengikuti kata kerja untuk menguatkan maksud kata kerja seperti yang berikut:

- Aku / ingat / *sentiasa* .
- Ujaran / demi / ujaran/ itu/ tidak / kubalas / *segera*.

Selain bentuk jati di atas, terdapat juga bentuk jati yang biasanya mendahului kata kerja yang diterangkannya. Keadaan ini dapat ditunjukkan dengan jelas melalui perbandingan paradigmatis seperti yang berikut:

(6) *saling* menyalahkan (8: 1: 4)

saling bertentang mata (80: 4: 5)

saling berpandangan (99: 2: 1)

(7) *sempat* mengambil (22: 1: 2)

sempat kutatap sebaik-baiknya (114: 2: 2)

sempat pulang (161: 2: 4)

Dalam contoh (6) dan (7) di atas, perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit-unit bahasa seperti *saling* dan *sempat* sebagai kata adverba jati yang boleh silih berganti menerangkan kata kerja *menyalahkan*, *bertentang mata*, *berpandangan* dan *mengambil*, *tatap*, *pulang*. Sebaliknya, ayat-ayat berikut, yang bentuk jati *saling* dan *sempat* mengikuti kata yang diterangkan, tidak dianggap gramatis.

(6) *menyalahkan *saling*

*bertentang mata *saling*

*berpandangan *saling*

- (7) *mengambil *sempat*
*kutatap *sempat* sebaik-baiknya
*pulang *sempat*

Terdapat juga bentuk jati dalam data yang hanya mengikuti kata kerja yang diterangkannya. Contohnya dapat diteliti menggunakan perbandingan secara paradigmatis seperti yang berikut:

- (8) diam *semula* (54: 6: 8)
dapat belajar *semula* (59: 3: 1)
menyerangku *semula* (68: 3: 4)
membuka bicara *semula* (98: 6: 1)

Dalam contoh (8), perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit bahasa *semula* sebagai kata adverba jati yang boleh silih berganti menerangkan kata kerja *diam*, *belajar*, *menyerangku* dan *membuka bicara*. Semua kata adverba jati dalam lampiran H memperlihatkan bahawa kata adverba jati *semula* mengikuti kata yang diterangkan dan tidak ada satu keadaan dalam data yang kata adverba jati *semula* mendahului kata yang diterangkan. Sekiranya, kata adverba jati *semula* mendahului kata kerja yang diterangkan, akan terbentuk ayat yang tidak gramatis seperti berikut:

- (8) * *semula* diam
*dapat *semula* belajar
* *semula* menyerangku
* *semula* membuka bicara

3.2.1.2 Bentuk Jati Sebagai Penerang kepada Kata Nama

Data kajian menunjukkan bahawa kata adverba jati boleh mendahului atau mengikuti kata nama yang diterangkannya. Contoh data kata adverba jati (3: 3: 3), (32: 4: 3) dan (49: 5: 2) yang menjadi penerang kepada kata nama dapat diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

- (9) luahan / Kamilah / di / dalam / kelas / pagi / *tadi* ...
- (10) Umur / Nani / 17 / tahun / sekarang.
- (11) Pagi / *semalam*

Data kata adverba jati, iaitu *tadi*, *sekarang* dan *semalam* dalam ayat (9), (10) dan (11) masing-masing menerangkan kata nama/frasa nama dalam ayat-ayat berkenaan, iaitu *pagi* dan *umur Nani 17 tahun*. Kata adverba jati *tadi* biasanya mengikuti kata yang diterangkannya. Keadaan ini dapat ditunjukkan dengan jelas melalui perbandingan paradigmatis seperti yang berikut:

- (12) Pagi *tadi* (6: 5: 1)
menghambur cerita *tadi* (7: 3: 4)
Pertemuan di bilik pengetua *tadi* (20: 3: 2)
- (13) pagi *lusa* (122: 3: 9)
malam *lusa* (177: 4: 6)

Dalam contoh (12) dan (13) di atas, perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit-unit bahasa seperti *pagi*, *cerita*, *pertemuan* dan *malam* sebagai kata nama yang boleh silih berganti diterangkan oleh kata adverba jati *tadi* dan *lusa*. Semua kata adverba jati dalam lampiran H memperlihatkan kata adverba

jati *tadi* dan *lusa* mengikuti kata yang diterangkan dan juga tidak ada satu keadaan dalam data kata adverba jati *tadi* dan *lusa* mendahului kata yang diterangkan. Sekiranya kata adverba jati *tadi* dan *lusa* mendahului kata yang diterangkan seperti yang berikut, maka ayat tersebut tidak dianggap gramatis, dan jika digunakan hanya dalam bahasa Melayu pasar, yakni bersifat tak formal. Lihat pada contoh (12) dan (13) berikut:

(12) **tadi pagi*

*menghambur *tadi cerita*

**tadi pertemuan di bilik pengetua*

(13) **lusa pagi* (122: 3: 9)

**lusa malam* (177: 4: 6)

3.2.1.3 Bentuk Jati Sebagai Penerang kepada Kata Adjektif

Data kajian menunjukkan bahawa kata adverba jati boleh mendahului atau mengikuti kata adjektif yang diterangkannya. Contoh data kata adverba jati (6: 5: 3), (30: 4: 5), (41: 5: 1), (78: 4: 1) dan (115: 2: 3) yang menjadi penerang kepada kata adjektif dapat diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

(14) Kamilah / *sering* / marah-marah ...

(15) Ada sebuah pun, *selalu* rosak.

(16) Mama / *selalu* / runsing / bila / teringatkan / Nini.

(17) Dia / *sering* / pening kepala / melayani / kererah / Laili.

(18) *Kadang-kadang* / aku / curiga ...

Kata adverba *sering* dalam ayat (14) dan *selalu* dalam ayat (15) ialah kata adverba jati yang masing-masing hadir di hadapan kata yang diterangkan, iaitu kata adjektif gandaan *marah-marah* dan kata adjektif *rosak*. Seterusnya, perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat (16) dan (17) terdiri daripada unit pertama subjek, iaitu *mama/dia* (KN) diikuti oleh unit kedua, frasa predikat yang terdiri daripada unit bahasa *selalu/sering* (Adv jati) yang menerangkan unit ketiga *runsing/pening* (KA). Dalam ayat (18) pula kata adverba *kadang-kadang* hadir mendahului kata adjektif *curiga* pada bahagian predikat ayat untuk menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif *curiga*.

Kata adverba jati *selalu* dan *kadang-kadang* dalam ayat contoh (15), (16) dan (18) boleh mendahului atau mengikuti kata yang diterangkannya. Ayat yang gramatis akan terbentuk walaupun kata adverba jati tersebut hadir di hadapan atau di belakang kata yang yang diterangkan. Seterusnya, seperkara yang perlu diteliti dalam ayat (14) dan (17) ialah kata adverba jati *sering* hanya boleh mendahului kata yang diterangkannya dan tidak sebaliknya. Kehadiran kata adverba jati *sering* di belakang kata yang diterangkan akan membentuk ayat tidak gramatis seperti yang berikut, dan tidak digunakan dalam bahasa formal maupun bahasa persuratan:

- (14) *Kamilah / marah-marah / *sering* ...
(17) *Dia / pening kepala / *sering* / melayani / kerena / Laili.

3.2.1.4 Bentuk Jati Sebagai Penerang kepada Kata Adverba Lain

Kajian dapat mengenal pasti hanya dua kata adverba jati yang menjadi penerang kepada kata adverba lain. Contoh data kata adverba jati (123: 5: 1) dan (187: 4: 2) yang menjadi

penerang kepada kata adverba lain dapat diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

(19) *Kali pertama*, / aku / gagal / mengawal / rasa / gugup.

(20) *kemudian* / aku / pantas / beredar / ke / dapur.

Ayat contoh (19) dan (20) masing-masing mempunyai dua kata adverba. Dalam ayat (19) kata adverba asalnya kata kerja, *gagal* berfungsi menerangkan frasa kerja *mengawal rasa gugup* kemudian kata adverba jati *kali pertama* berfungsi menerangkan frasa kerja *gagal mengawal* (predikat ayat) dalam ayat yang sama. Keadaan yang sama berlaku dalam ayat (20), iaitu kata adverba yang asalnya kata adjektif, *pantas* berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja *beredar* dan seterusnya kata adverba jati *kemudian* berfungsi menerangkan predikat ayat, iaitu *pantas beredar* dalam ayat yang sama. Kedua-dua ayat contoh di atas mengesahkan bahawa ayat bahasa Melayu mempunyai kata adverba yang berfungsi sebagai penerang kepada kata adverba lain.

3.2.1.5 Bentuk Jati Sebagai Penerang kepada Keseluruhan/Sebahagian Ayat

Data kajian menunjukkan bahawa kata adverba jati boleh berfungsi sebagai penerang kepada keseluruhan ayat atau sebahagian ayat. Kajian dapat mengenal pasti hanya 11 kali kehadiran kata adverba jati yang menjadi penerang kepada keseluruhan ayat atau sebahagian ayat. Contohnya dapat diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

(21) *Semalam* / aku / tidak dapat tidur lena. (24: 1: 3)

(22) *Kadang-kadang*, / kami / pun mati akal. (32: 3: 4)

(23) Umur Nani / 17 tahun / sekarang. (32: 4: 3)


(24) Barangkali / aku / murid baharu. (57: 1: 2)

Perbandingan sintagmatik menunjukkan bahawa ayat contoh (21), (22) dan (24) di atas terdiri daripada unit pertama kata adverba jati *semalam*, *kadang-kadang*, *barangkali* diikuti oleh unit kedua subjek *aku*, *kami* dan unit ketiga frasa predikat *tidak dapat tidur lena*, *mati akal* dan *murid baharu*. Perbandingan sintagmatik bagi ayat contoh (23) pula menunjukkan bahawa ayat bahasa Melayu terdiri daripada unit pertama frasa subjek *umur Nani* diikuti oleh unit kedua frasa predikat *17 tahun* dan unit ketiga kata adverba jati *sekarang*.

Seperti yang kelihatan dalam ayat (21), kata adverba jati *semalam* berfungsi menerangkan keseluruhan binaan ayat *aku tidak dapat tidur lena*. Kata adverba jati *kadang-kadang* dalam ayat (22) berfungsi sebagai penerang kepada binaan ayat *kami pun mati akal* manakala dalam ayat (23) kata adverba jati *sekarang* berfungsi menerangkan ayat *Umur Nani 17 tahun*. Dalam ayat (24) pula kata adverba jati *barangkali* berfungsi menerangkan ayat *aku murid baharu*. Perkara menarik yang harus diperhatikan dalam semua ayat di atas ialah kata adverba jati tidak hadir di hadapan atau di belakang perkataan atau frasa yang diterangkan atau hadir dalam frasa subjek atau frasa predikat malah hadir berasingan. Selanjutnya, perkara menarik ini akan dibincangkan dengan jelas dalam bab 4, yang menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat melalui teknik rajah pohon.

3.2.2 Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif

Seperti yang diketahui, fungsi lazim kata adjektif ialah sebagai penerang kata nama. Akan tetapi kata adjektif juga boleh menjalankan fungsi lain, iaitu sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama. Dalam bahasa Melayu, kehadiran kata adjektif sebagai penerang kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama dikenali dengan istilah kata adverba asalnya kata adjektif. Kehadiran kata adverba bentuk ini sebagai penerang kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama yang menjadi unsur inti frasa predikat boleh dijelaskan menerusi rajah yang berikut:



Gambar rajah 3.3: Unsur Inti dan Penerang

Menurut Nik Safiah Karim et al., dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, kata adverba jenis ini berasal daripada kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif atau frasa sendi nama. Berdasarkan hasil kajian, kata adverba asalnya kata adjektif merupakan kata adjektif yang berperanan menerangkan maksud kata kerja dan kata adjektif. Ini bermakna kata adjektif ini bukan lagi berfungsi sebagai kata adjektif malah berfungsi sebagai kata adverba. Keadaan ini terjadi kerana fungsi asal kata adjektif adalah menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama (*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, p.225). Perhatikan contoh ayat yang berikut:

(25) [Adik] KN [saya] KGN [tinggi] KA [juga] Peg

Dalam ayat (25), kata adjektif *tinggi* ialah unsur inti frasa predikat. Kata adjektif *tinggi* dalam ayat (25) berfungsi menerangkan frasa nama *adik saya* dalam frasa subjek. Keadaan ini mengesahkan bahawa perkataan *tinggi* ialah kata adjektif kerana menjalankan fungsi asalnya, iaitu penerang kepada kata nama atau frasa nama. Apabila fungsi asalnya tidak terlaksana dan fungsinya berubah, maka golongan katanya berubah menjadi kata adverba. Perhatikan contoh ayat yang berikut:

(26) [Aku] KGN [memegang] KK [erat] KAdv [lengan] KN [Kak Razan] KN

Seperti yang kelihatan dalam ayat (26), perkataan *erat* hadir dalam frasa predikat tetapi bukan menjadi unsur inti frasa predikat. Di samping itu, perkataan *erat* juga tidak berfungsi menerangkan kata nama, malah berfungsi menerangkan kata kerja *memegang* yang menjadi unsur inti frasa predikat. Apabila fungsi asal kata adjektif *erat* tidak terlaksana dan fungsinya berubah, maka golongan katanya berubah menjadi kata adverba. Maka, ternyata dalam ayat (26) perkataan *erat* yang asalnya kata adjektif berubah golongan katanya menjadi kata adverba asalnya kata adjektif.

Selain itu, hasil kajian tidak dapat mengenal pasti sebarang data yang menyokong pandangan para penulis Tatabahasa *Dewan Edisi Ketiga* yang mengatakan bahawa kata adverba jenis ini berfungsi juga sebagai penerang kepada frasa sendi nama. Kajian telah mengenal pasti sebanyak 131 kehadiran kata adverba asalnya kata adjektif (Lampiran D). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 125 kehadiran menunjukkan kata adverba jenis ini berfungsi menerangkan kata kerja sementara enam kehadiran kata adverba asalnya kata adjektif berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif manakala tiada sebarang kehadiran kata adverba jenis ini dicatatkan sebagai penerang kepada frasa sendi nama (Lampiran I). Perincian tersebut dipaparkan dalam jadual di bawah:

Jadual 3.2: Perincian Kehadiran Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif

Unsur yang Diterangkan	Kehadiran
Kata Kerja	125
Kata Adjektif	6
Frasa Sendi Nama	0

Kata adverba asalnya kata adjektif mencatatkan jumlah kehadiran yang paling tinggi berbanding kata adverba lain, iaitu sebanyak 131 daripada 303 keseluruhan data. Fungsi kata adverba asalnya kata adjektif sebagai penerang kepada golongan kata seperti kata kerja dan kata adjektif akan dibincangkan dalam subjudul-subjudul di bawah.

3.2.2.1 Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif Sebagai Penerang Kata Kerja

Sejumlah 125 kehadiran kata adverba yang asalnya kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja dapat dikenal pasti dalam kajian. Contoh kata adverba bentuk ini yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja dapat diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

- (27) Cikgu Sofea / amat / *tekun* / menulis. (1: 2: 3)
- (28) Kata-katanya / *jarang* / bertapis. (3: 1: 2)
- (29) Aku / tidak / *tangkas* / menyesuaikan diri / dengan keadaan. (90: 2: 1)
- (30) Mata / Cikgu Sofea / *liar* / meninjau / ke / sekitar / makmal. (12: 1: 4)
- (31) Kak Nani / akan / pergi / *jauh*. (28: 2: 1)

Perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat (27), (28), (29), (30) dan (31) terdiri daripada unit pertama subjek (kata nama) diikuti oleh unit kedua frasa predikat (frasa kata kerja) di mana dalam frasa predikat terletak kata adverba asalnya

kata adjektif seperti *tekun*, *jarang*, *tangkas*, *liar* dan *jauh* yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja atau frasa kerja *menulis*, *bertapis*, *menyesuaikan diri*, *meninjau* dan *pergi*. Dalam semua ayat (27) – (31), kata adverba asalnya kata adjektif yang berfungsi menerangkan kata kerja hadir dalam bentuk kata dasar.

Data kajian juga boleh diteliti menggunakan perbandingan secara paradigmatis untuk membuktikan bahasa Melayu mempunyai unit bahasa yang dikenali sebagai kata adverba asalnya kata adjektif sebagai penerang kepada kata kerja. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|------|-----------------------------------|-------------|
| (32) | <i>pantas menyongsong</i> | (2: 4: 2) |
| | <i>pantas bertindak</i> | (53: 3: 1) |
| | <i>pantas memotong</i> | (136: 6: 2) |
| | | |
| (33) | <i>segera membalikkan tubuh</i> | (22: 5: 2) |
| | <i>segera pulih</i> | (35: 1: 1) |
| | <i>segera mengucapkan kalimah</i> | (37: 1: 1) |
| | | |
| (34) | <i>memandang jauh</i> | (18: 5: 2) |
| | <i>pergi jauh</i> | (28: 2: 1) |
| | <i>mengelamun lebih jauh</i> | (158: 5: 1) |

Contoh (32) menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit bahasa *pantas* yang berfungsi menerangkan kata kerja *menyongsong*, *bertindak* dan *memotong*. Sementara itu, contoh (33) menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit bahasa *segera* yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja *membalikkan tubuh*, *pulih*, dan *mengucapkan kalimah* manakala contoh (34) pula menunjukkan bahasa Melayu mempunyai unit bahasa *jauh* yang berfungsi menerangkan kata kerja *memandang*, *pergi* dan *mengelamun*.

Kesemua kata adjektif dalam contoh (32), (33) dan (34) dikategorikan sebagai kata adverba asalnya kata adjektif kerana berfungsi menerangkan kata selain kata nama, iaitu kata kerja dan dalam semua contoh (32) – (34), kehadiran kata adverba asalnya kata adjektif adalah dalam bentuk kata dasar. Maka, ternyata bahawa kata adverba bentuk ini tidak hadir dalam bentuk kata terbitan bagi menjalankan fungsi sebagai penerang kata kerja.

Lazimnya, dalam bahasa Inggeris kebanyakan kata adverba terbentuk daripada kata adjektif dan menjadi penerang kepada kata kerja selain menerangkan kata adjektif dan kata adverba lain. Walaupun bahasa Inggeris mempunyai satu struktur frasa predikat sahaja, iaitu frasa kerja namun kata adverbanya mengikuti kata kerja yang diterangkannya dalam situasi formal. Kata adverba bahasa Inggeris mendahului kata kerja yang diterangkannya hanya dalam situasi informal seperti yang berikut:

*Quickly, he ran to the field. (situasi tak formal)

He ran quickly to the field. (situasi formal)

Sebaliknya, hasil kajian menunjukkan bahawa kata adverba asalnya kata adjektif dalam bahasa Melayu boleh mendahului atau mengikuti kata kerja yang diterangkannya. Berikut adalah jadual yang memaparkan perincian kedudukan tersebut:

Jadual 3.3: Kedudukan Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif Sebagai Penerang Kata Kerja

Bentuk Kedudukan	Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif
Mendahului kata kerja	82
Mengikuti kata kerja	43
Jumlah	125

Jadual 3.3 menunjukkan kata adverba asalnya kata adjektif mendahului kata kerja sebanyak 82 kali dan mengikuti kata kerja sebanyak 43 kali (daripada keseluruhan 125 kehadiran) untuk memberi makna tambahan kepadanya. Ini bermakna bahawa dalam bahasa Melayu, kebanyakan kata adverba asalnya kata adjektif mendahului kata kerja daripada mengikuti kata kerja untuk memberi makna tambahan kepadanya.

3.2.2.2 Kata Adverba Asalnya Kata Adjektif Sebagai Penerang Kata Adjektif

Sejumlah enam kehadiran kata adverba yang asalnya kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif dapat dikenal pasti dalam kajian. Lazimnya, kata penguat menguatkan maksud kata adjektif dalam bahasa Melayu tetapi kata adverba bentuk ini juga berfungsi memberi makna tambahan kepada kata adjektif. Sekiranya kita melihat soal fungsi semata-mata dan tidak melihat apa-apa yang diterangkan, maka konsep kata adverba tidak menyeluruh. Oleh yang demikian, contoh data dalam bentuk ini diteliti untuk melihat apa-apa yang diterangkan seperti yang berikut:

(35) Kali ini, / (Keadaan diam) / lebih lama / *sedikit*. (107: 2: 1)

(36) Keadaannya / *hampir* / sama. (30: 6: 4)

Perbandingan secara sintagmatik dalam ayat (35) memperlihatkan bahawa ayat bahasa Melayu terdiri daripada unit pertama subjek diikuti oleh unit kedua frasa adjektif *lebih lama* yang diterangkan oleh unit ketiga kata adverba asalnya kata adjektif *sedikit*, manakala ayat (36) pula terdiri daripada unit pertama subjek diikuti oleh unit kedua kata adverba asalnya kata adjektif *hampir* yang menerangkan unit ketiga kata adjektif *sama*. Hubungan sintagmatik juga telah memberi gambaran kedudukan kata adverba dalam kedua-dua ayat di atas, iaitu kata adverba *sedikit* dalam ayat (35) hadir di belakang kata yang diterangkan dan kata adverba *hampir* dalam ayat (36) hadir di hadapan kata yang

diterangkan. Seterusnya, lihat contoh (37) yang diteliti menggunakan perbandingan paradigmatis seperti yang berikut:

(37) *hampir* pasti (2: 3: 1)

hampir sebaya (41: 1: 3)

hampir serupa (66: 2: 1)

Perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit bahasa kata adverba asalnya kata adjektif *hampir* yang berfungsi menerangkan kata adjektif *pasti*, *sebaya* dan *serupa* dalam contoh (37). Ternyata, penelitian melalui hubungan paradigmatis telah mengesahkan bahawa kehadiran kata adjektif yang berfungsi menerangkan kata adjektif lain digolongkan sebagai kata adverba asalnya kata adjektif.

3.2.3 Kata Adverba Asalnya Kata Kerja

Dalam kajian yang dijalankan, kata adverba asalnya kata kerja merupakan bentuk yang paling kurang ditemui, iaitu hanya 11 kali kehadiran (Lampiran E). Menurut penulis *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, kata adverba jenis ini berasal daripada kata kerja yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif atau frasa sendi nama (2008, p.291). Akan tetapi, berdasarkan kajian yang dijalankan, kata adverba asalnya kata kerja merupakan kata kerja yang berfungsi menerangkan maksud kata kerja yang menjadi inti bagi binaan frasa kerja sahaja. Tidak ditemui sebarang kehadiran bentuk adverba ini yang menerangkan kata adjektif dan frasa sendi nama. Oleh yang demikian, kata kerja yang menerangkan kata kerja lain yang menjadi inti bagi binaan frasa kerja dalam satu ayat yang sama dikenali sebagai kata adverba asalnya kata kerja.

Ini dikatakan demikian kerana lazimnya kata kerja tidak menjadi penerang kepada mana-mana golongan kata malah terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen dan keterangan (Tatabahasa *Dewan Edisi Ketiga*, p.143). Perhatikan contoh-contoh ayat yang berikut:

- (38) [Mereka] _{KGN} [sedang] _{KB} [membaca] _{KK} [buku] _{Obj}
- (39) [Pemandu] _{KN} [itu] _{KGN} [membelok] _{KK} [ke kanan] _{Pelengkap}
- (40) [Nordin] _{KN} [tersenyum] _{KK} [meleret] _{KAdv}

Dalam ayat (38) dan (39), binaan frasa kerja seperti yang dinyatakan terlaksana tetapi apabila binaan frasa kerja disertai oleh suatu kata kerja yang berfungsi menerangkannya, maka identiti kata kerja tersebut berubah menjadi kata adverba asalnya kata kerja seperti yang terdapat dalam ayat (40).

Selain itu, hasil kajian juga tidak dapat mengenal pasti sebarang data yang dapat mengukuhkan pandangan para penulis Tatabahasa *Dewan Edisi Ketiga* yang mengatakan bahawa kata adverba jenis ini berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif atau frasa sendi nama. Jadual 3.1 menunjukkan bahawa hanya 11 kehadiran sahaja dapat dikategorikan sebagai kata adverba asalnya kata kerja. Daripada jumlah tersebut, kesebelas-sebelas kata adverba asalnya kata kerja berfungsi menerangkan kata kerja sahaja (Lampiran J).

3.2.3.1 Kata Adverba Asalnya Kata Kerja Sebagai Penerang kepada Kata Kerja

Dalam kajian, sejumlah 11 kata adverba yang asalnya kata kerja dapat dikenal pasti yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja. Contohnya:

- (41) Aku / mungkin / tidak / hidup / *melarat*. (11: 4: 5)
- (42) Keresahan / itu / mercup / *kembali* / dalam / dada. (24: 2: 2)
- (43) Jangan / dihina / *melulu* / seperti / ini. (195: 3: 5)
- (44) Nordin / tersenyum / *meleret*. (15: 2: 1)
- (45) Wajah / Ekran / tidak / *mendarak* / berubah. (106: 4: 1)

Perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat bahasa Melayu (41) hingga (44) terdiri daripada unit pertama subjek (ayat 43, subjek telah digugurkan) diikuti oleh unit kedua kata kerja *hidup*, *mercup*, *dihina*, *tersenyum* dan unit ketiga kata adverba asalnya kata kerja *melarat*, *kembali*, *melulu* dan *meleret*. Sebaliknya, ayat (45) terdiri daripada unit pertama, masih subjek diikuti oleh unit kedua kata nafi, diikuti oleh unit ketiga kata adverba *mendarak* yang menjadi penerang kepada unit keempat kata kerja *berubah*. Dalam setiap ayat di atas, kata adverba sama ada hadir di hadapan atau di belakang berfungsi menerangkan kata kerja yang menjadi unsur inti frasa predikat.

3.2.4 Kata Adverba Gandaan

Kata adverba bentuk gandaan ialah perkataan yang mengalami proses penggandaan yang berfungsi menerangkan kata kerja, kata adjektif atau frasa sendi nama. Menurut Nik Safiah Karim et al., terdapat tiga bentuk kata adverba berganda dalam bahasa Melayu, yakni kata adverba penggandaan penuh, kata adverba penggandaan separa dan kata adverba penggandaan berentak. Dalam kajian yang dijalankan sebanyak 84 kali kehadiran (Lampiran F) kata adverba gandaan telah dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut, tiga bentuk kata adverba berganda telah dikenal pasti (Lampiran K) seperti yang dinyatakan dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*.

Kajian juga telah mengenal pasti sebanyak 41 kehadiran kata adverba penggandaan penuh, sebanyak 39 kehadiran kata adverba penggandaan separa dan sebanyak lima kehadiran kata adverba penggandaan berentak. Jumlah kehadiran tiga bentuk kata adverba berganda ialah 85. Jumlah ini tidak setara dengan jumlah kata adverba gandaan (84 kali kehadiran) kerana terdapat satu data ayat yang mempunyai lebih daripada satu jenis kata adverba berganda. Perincian tiga bentuk kata adverba berganda adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.4.

Jadual 3.4: Jenis Kata Adverba Gandaan

Jenis Bentuk	Penggandaan Penuh	Penggandaan Separa		Penggandaan Berentak
		berawalan	berakhiran	
Kata Adverba Gandaan	41	38	1	5

(i) Kata Adverba Penggandaan Penuh

Penelitian terhadap 41 kehadiran menunjukkan bahawa kata adverba penggandaan penuh merujuk kepada perkataan yang terhasil daripada proses penggandaan seluruh kata dasarnya seperti yang dinyatakan dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*.

Contohnya:

pura-pura	sama-sama
cepat-cepat	benar-benar
sayup-sayup	rajin-rajin

Lazimnya, kata adverba penggandaan penuh terdiri daripada kata dasar khususnya kata kerja dan kata adjektif yang telah digandakan. Contoh kata adverba penggandaan penuh dalam ayat adalah seperti yang berikut:

- (46) (Aku) *pura-pura* mencari ayat-ayat yang kurang jelas keterangannya. (7: 2: 6)
- (47) Aku *benar-benar* takut kini. (12: 2: 3)
- (48) Adik belajar *rajin-rajin* macam Kak Nani. (28: 2: 2)

Hubungan sintagmatik memperlihatkan bahawa ayat bahasa Melayu (46) dan (47) di atas terdiri daripada unit pertama subjek (ayat 46, subjek telah digugurkan) diikuti oleh unit kedua kata adverba gandaan penuh *pura-pura* dan *benar-benar* yang masing-masing berfungsi menerangkan unit ketiga, frasa kerja *mencari ayat-ayat* dan kata adjektif *takut*. Ayat (48) pula terdiri daripada unit pertama subjek, diikuti oleh unit kedua kata kerja *belajar* yang diterangkan oleh unit ketiga kata adverba gandaan penuh *rajin-rajin*. Berdasarkan penelitian didapati bahawa kata adverba gandaan penuh *pura-pura*, *benar-benar* dan *rajin-rajin* tidak menjadi unsur inti frasa predikat malah berfungsi menerangkan unsur inti frasa predikat, iaitu frasa kerja *mencari ayat-ayat*, kata adjektif *takut* dan kata kerja *belajar*.

(ii) Kata Adverba Penggandaan Separa

Sejumlah 39 kata adverba penggandaan separa dikenal pasti dalam kajian. Berdasarkan kajian, kata adverba penggandaan separa berhasil daripada proses menggandakan kata dasarnya yang mengandungi imbuhan tanpa menggandakan imbuhan itu. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kata adverba penggandaan separa dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu penggandaan separa berawalan dan penggandaan separa berakhiran.

(a) Kata Adverba Penggandaan Separa Berawalan

Sejumlah 38 kata adverba penggandaan separa berawalan dapat dikenal pasti dalam kajian. Hasil penelitian data juga menunjukkan bahawa setelah menerima awalan *se-*, bentuk ini boleh juga menerima bentuk *-nya*. Contohnya:

bersungguh-sungguh	terkial-kial
berduyun-duyun	terkekeh-kekeh
setenang-tenang	selancar-lancar
sekurang-kurangnya	seboleh-bolehnya

Contoh dalam ayat:

- (49) Aini ketawa *terkekeh-kekeh*. (7: 6: 1)
- (50) Kawan-kawan yang kujemput mulai sampai, *berduyun-duyun*. (138: 2: 3)
- (51) *Setenang-tenang* yang boleh, aku menjawab setiap soalan. (166: 2: 2)
- (52) *Seboleh-bolehnya* aku diminta turut hadir. (114: 3: 6)

(b) Kata Adverba Penggandaan Separa Berakhiran

Kajian hanya dapat mengenal pasti satu contoh kata adverba penggandaan separa berakhiran, iaitu:

- (53) Saya dapat simpan duit dengan bermula *kecil-kecilan* macam ini.

(iii) Kata Adverba Penggandaan Berentak

Sebanyak lima kehadiran kata adverba bentuk ini sahaja yang dapat dikenal pasti dalam kajian. Kata adverba penggandaan berentak terhasil daripada proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu. Contohnya (Lampiran K):

serba-serbi kolot

lambat-laun terpaksa berhenti

meninggal dunia *serta-merta*

Selain itu, dalam kajian juga telah mengenal pasti kata adverba gandaan yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja dan kata adjektif tetapi tidak dapat mengenal pasti sebarang contoh bentuk ini yang berfungsi menerangkan frasa sendi nama. Sebaliknya telah mengenal pasti dua contoh bentuk ini yang berfungsi menerangkan kata adverba lain dan 11 contoh bentuk gandaan berfungsi menerangkan ayat. Lihat perincian fungsi kata gandaan pada jadual 3.5 di bawah (Lampiran L):

Jadual 3.5: Fungsi Kata Adverba Gandaan

Bentuk Jenis	Kata Adverba Gandaan
Penerang kepada kata kerja	63
Penerang kepada kata adjektif	9
Penerang kepada kata adverba lain	2
Penerang kepada ayat	11
Jumlah	85

Jumlah data kata adverba gandaan ialah sebanyak 84 tetapi dalam jadual 3.5 dicatatkan sebanyak 85 kerana terdapat satu ayat yang mengandungi dua data kata adverba gandaan yang berfungsi menerangkan kata kerja. Data tersebut boleh diteliti menggunakan perbandingan sintagmatik seperti yang berikut:

- (54) *Perlahan-lahan / aku / menarik nafas / dalam-dalam.* (1: 1: 2)

Perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat bahasa Melayu terdiri daripada unit pertama subjek *aku* (kata nama) diikuti oleh unit kedua frasa kerja *menarik nafas* yang diterangkan oleh unit ketiga kata adverba *dalam-dalam* dan seterusnya kata adverba *perlahan-lahan* berfungsi menerangkan frasa predikat *menarik nafas*. Perbandingan ini memperlihatkan bahawa frasa predikat dalam bahasa Melayu boleh diterangkan oleh dua kata adverba dalam bentuk yang sama, iaitu kata adverba gandaan.

3.2.4.1 Kata Adverba Gandaan Sebagai Penerang kepada Kata Kerja

Kajian dapat mengenal pasti 63 kehadiran kata adverba gandaan yang menjadi penerang kepada kata kerja. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- (55) Boleh / jumpa / Cikgu Zamin / *lama-lama*. (3: 1: 1)
(56) Agak *tergagap-gagap* / luahan / itu / kulafazkan. (4: 6: 2)
(57) Aku / serahkan / perkara / ini / *bulat-bulat* / kepada / mereka. (21: 2: 1)
(58) Adik / belajar / *rajin-rajin* / macam / Kak Nani. (28: 2: 2)
(59) Ibu / meninggal dunia / *serta-merta* / di / tempat / kejadian. (30: 2: 3)

Perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat-ayat bahasa Melayu (ayat 55, subjek telah digugurkan), (56), (57), (58) dan (59) terdiri daripada unit

pertama subjek diikuti oleh unit kedua frasa kerja *jumpa*, *lafazkan*, *serahkan*, *belajar*, *meninggal dunia* yang masing-masing diterangkan oleh unit ketiga kata adverba gandaan *lama-lama*, *tergagap-gagap*, *bulat-bulat*, *rajin-rajin* dan *serta-merta*.

Kajian juga menggunakan pendekatan paradigmatis untuk membuktikan bahawa Melayu mempunyai unit bahasa yang dikenali sebagai kata adverba gandaan sebagai penerang kepada kata kerja. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- | | | |
|------|------------------------------------|-------------|
| (60) | <i>sama-sama</i> pergi melawat | (40: 4: 1) |
| | <i>sama-sama</i> berkorban | (107: 3: 5) |
| | <i>sama-sama</i> bersyukur | (167: 3: 2) |
| | | |
| (61) | muncul <i>bersama-sama</i> | (36: 3: 1) |
| | menjawab dengan <i>takut-takut</i> | (94: 3: 1) |
| | menjawab <i>samar-samar</i> | (105: 3: 2) |

Dalam contoh (60), perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unsur bahasa *sama-sama* sebagai kata adverba gandaan yang berfungsi menerangkan kata kerja *melawat*, *berkorban* dan *bersyukur*, sementara dalam contoh data (61) pula, perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unsur bahasa *bersama-sama*, *takut-takut* dan *samar-samar* sebagai kata adverba gandaan yang berfungsi menerangkan kata kerja *muncul* dan *menjawab*. Contoh (60) dan (61) mengukuhkan lagi pernyataan Nik Safiah Karim et al. yang mengatakan bahawa kata adverba tidak boleh menjadi unsur inti kepada konstituen frasa predikat.

3.2.4.2 Kata Adverba Gandaan Sebagai Penerang kepada Kata Adjektif

Sebanyak sembilan kehadiran kata adverba gandaan jenis ini sahaja dapat dikenal pasti dalam kajian. Contohnya:

- (62) Makmal kimia / sudah / *beransur-ansur* / lengang. (1 : 2: 1)
- (63) *Sekurang-kurangnya*, / Cikgu Yazid / dah / senang hati. (7: 3: 1)
- (64) Aku / *benar-benar* / takut / kini. (12: 2: 3)

Dalam ayat (62) dan (64), perbandingan secara sintagmatik memperlihatkan bahawa ayat bahasa Melayu terdiri daripada unit pertama subjek (kata nama) diikuti oleh unit kedua kata adverba gandaan *beransur-ansur* dan *benar-benar*, diikuti oleh unit ketiga kata adjektif, manakala ayat (63) pula terdiri daripada unit pertama subjek (kata nama) diikuti oleh unit kedua kata adjektif dan unit ketiga kata adverba gandaan *sekurang-kurangnya*. Ini bermakna bahawa dalam bahasa Melayu terdapat kata adverba gandaan yang boleh mendahului atau mengikuti kata yang diterangkannya, kata adjektif.

Perbandingan secara paradigmatis juga dapat mengesahkan bahawa kata adverba gandaan berfungsi sebagai penerang kepada kata adjektif. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- (65) *benar-benar* takut kini (12: 2: 3)
benar-benar bingung (21: 2: 1)

- (66) *serba-serbi* kolot (21: 2: 4)
betul-betul sihat (32: 3: 3)
seolah-olah sudah pasti (86: 3: 4)

Dalam contoh (65), perbandingan paradigmatis menunjukkan bahawa ayat bahasa Melayu mempunyai unit bahasa *benar-benar* sebagai kata adverba gandaan yang

berfungsi menerangkan kata adjektif *takut* dan *bingung* sementara itu contoh (66) pula, mempunyai unsur bahasa *serba-serbi*, *betul-betul* dan *seolah-olah* sebagai kata adverba gandaan yang berfungsi menerangkan kata adjektif. Jelaslah, penelitian secara paradigmatis membuktikan bahawa kata adverba gandaan juga boleh berfungsi menerangkan kata adjektif.

3.2.4.3 Kata Adverba Gandaan Penerang kepada Kata Adverba Lain

Kajian yang dijalankan hanya dapat mengenal pasti dua kehadiran kata adverba bentuk ini. Contohnya ialah perkataan yang dicetak miring di bawah:

(67) *seelok-eloknya begitulah ...* (33: 5: 4)

(68) *sama-sama ikhlas* berkawan (189: 4: 4)


Seperti yang kelihatan dalam contoh di atas, kata adverba dapat hadir secara berturut-turut dalam ayat. Tegasnya, dalam contoh (67) dua kata adverba hadir secara berturut-turut, iaitu kata adverba gandaan *seelok-eloknya* berfungsi menerangkan kata adverba jati *begitu*, manakala dalam contoh (68) kata adverba gandaan *sama-sama* berfungsi menerangkan kata adverba asalnya kata adjektif *ikhlas* kemudian berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja *berkawan*.

3. 3 JENIS KATA ADVERBA

Dalam dunia tatabahasa bahasa Melayu, ramai tokoh bahasa tempatan telah menjeniskan kata adverba kepada jenis-jenisnya mengikut pandangan masing-masing. Antara mereka termasuklah Za'ba (1965, p.165) yang telah membahagikan kata

adverba dalam bahasa Melayu kepada lima jenis, Asmah Haji Omar (1993, p.205) yang membahagikan kata adverba kepada 29 jenis, Arbak Othman, (1981, p.157) yang membahagikan kata adverba kepada enam jenis, Abdullah Hassan (2006, p.169) yang membahagikan kata adverba kepada 15 jenis dan Nik Safiah Karim et al. (2008, p.289) yang telah membahagikan kata adverba kepada tiga jenis.

Antara barisan tokoh bahasa Melayu, Nik Safiah Karim et al. merupakan tokoh bahasa yang telah menjeniskan kata adverba kepada bilangan yang paling kecil (3 jenis) manakala Asmah Haji Omar telah menjeniskan kata adverba kepada bilangan yang paling banyak (29 jenis). Dapatan kajian pula mengkategorikan kata adverba dalam bahasa Melayu kepada tujuh jenis, yakni kata adverba cara, kata adverba masa, kata adverba kekerapan, kata adverba kesungguhan, kata adverba sifat perasaan, kata adverba ketidakpastian dan kata adverba jarak. Lihat penjenisannya di bawah:



Gambar rajah 3.4: Jenis Kata Adverba

Data kajian yang dikumpulkan dalam kajian ini dikategorikan kepada jenis kata adverba berdasarkan asas-asas yang digunakan oleh tokoh-tokoh bahasa Melayu tempatan dalam karya mereka. Huraian dan pengertian yang diberikan oleh tokoh bahasa Melayu digunakan sebagai panduan untuk mengkategorikan data kata adverba kepada jenisnya. Misalnya, penjenisan kata adverba berserta contoh-contoh yang dibincangkan oleh Za'ba, Asmah haji Omar, Arbak Othman, Lutfi Abas, Sanat Md. Nasir, Nik Safiah Karim et al. dan Liaw Yock Fang diteliti terlebih dahulu untuk melakukan pengklasifikasian kata adverba kepada jenisnya. Huraian tentang penjenisan kata adverba akan dijelaskan dalam setiap subjudul.

3.3.1 Kata Adverba Cara

Kata adverba cara ialah perkataan yang menunjukkan gaya atau cara bagaimana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Misalnya, dalam ayat *Nordin tersenyum meleret*, kata *meleret* menerangkan cara *Nordin tersenyum*. Sebanyak 157 kehadiran jenis ini telah dikenal pasti dalam kajian (Lampiran M). Penjenisan ini juga dikenal pasti oleh tokoh-tokoh bahasa Melayu seperti Za'ba (1965, p.163), Liaw Yock Fang (1994, p.73), Asmah Haji Omar (1993, p.363), Arbak Othman (1981, p.163), Sanat Md. Nasir (Kertas Kerja, 2000), Nik Safiah Karim et al. (2008, p.289) dan Abdullah Hassan (2006, p.181).

Berdasarkan hasil kajian, kata adverba cara lazimnya didukung oleh kata adjektif, kata kerja, kata adverba jati dan kata adverba gandaan (lampiran T). Perincian tersebut ditunjukkan dalam jadual 3.6: Kata Adverba Cara, seperti yang berikut:

Jadual 3.6: Perincian Kata Adverba Cara

Jenis Didukung oleh	Kata Adverba Cara (Bil. Kehadiran)
Kata adjektif	122
Kata kerja	19
Kata Adverba Jati	13
Kata Adverba Gandaan	8
Jumlah	163

Jadual 3.6 menunjukkan bahawa kata adverba cara banyak didukung oleh kata adjektif, iaitu sebanyak 122, diikuti oleh kata kerja (19 kehadiran), kata adverba jati (13 kehadiran) dan kata adverba gandaan (8 kehadiran). Dalam kajian telah dikenal pasti sebanyak 157 kehadiran kata adverba cara tetapi jadual 3.6 menunjukkan jumlah kata jenis ini sebanyak 163 (Lampiran T). Keadaan ini sedemikian kerana terdapat enam ayat yang masing-masing mempunyai dua kata adverba cara.

Seperkara yang perlu diketengahkan di sini ialah kata adverba cara yang dikenal pasti dalam kajian berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja. Kajian juga memperlihatkan bahawa kehadiran kata adverba cara dalam ayat boleh di hadapan atau di belakang kata yang diterangkannya itu. Dalam kajian juga didapati bahawa kata adverba cara yang didukung oleh kata adjektif dan kata kerja boleh hadir dalam beberapa bentuk kata seperti yang berikut:

- | | |
|------------------------------|---------------------------------|
| (a) kata dasar | (d) gandaan separa |
| (b) kata terbitan | (e) <i>se- + gandaan + -nya</i> |
| (c) gandaan penuh kata dasar | |

3. 3. 1.1 Kata Adverba Cara diwakili oleh Kata Adjektif

Kata adverba cara boleh didukung oleh kata adjektif bagi melaksanakan fungsinya.

Sebanyak 122 kehadiran kata adverba jenis ini yang didukung oleh kata adjektif telah ditemui dalam kajian (Lampiran T). Contohnya:

- (69) Cikgu Sofea pula, amat *tekun* menulis. (1 : 2: 3)
- (70) Falina yang terdengar cetusan kurang enak itu *pantas* menyongsong soal. (2: 4: 2)
- (71) Kepalanya cedera *teruk*. (30: 2: 5)
- (72) Kulafazkan luahan itu agak *tergagap-gagap*. (4: 6: 2)
- (73) Nordin tersenyum *meleret*. (15: 2: 1)
- (74) Aku serahkan perkara ini *bulat-bulat* kepada mereka. (25: 3: 2)
- (75) Saya dapat simpan duit dengan bermula *kecil-kecilan* macam ini.
- (76)wajahnya tidak sempat kutatap *sebaik-baiknya*. (114: 2: 2)
- (77) *Setenang-tenang* yang boleh, aku menjawab setiap soalan yang terpapar di dada kertas. (166: 2: 2)

Dalam ayat (69) – (77) di atas, perkataan *tekun*, *pantas*, *teruk*, *tergagap-gagap*, *meleret*, *bulat-bulat*, *kecil-kecilan*, *sebaik-baiknya* dan *setenang-tenang* ialah kata adverba cara kerana apabila ditanya cara perbuatan-perbuatan itu dilakukan, maka terjawab dengan jawapan-jawapan yang berhuruf miring (adverba cara) di atas.

Dalam contoh ayat (69) – (71), kata adverba cara yang digambarkan ialah kata adjektif bentuk dasar, iaitu *tekun*, *pantas* dan *teruk* yang berfungsi menerangkan kata kerja *menulis*, *menyongsong* dan *cedera*. Kata adverba cara *tekun* dan *pantas* dalam ayat (69) dan (70) hadir di hadapan kata kerja *menulis* dan *menyongsong* manakala kata adverba cara *teruk* dalam ayat (71) hadir di belakang kata kerja *cedera*. Kata adverba

cara *bulat-bulat* dalam ayat (74) merupakan kata adjektif dasar gandaan penuh yang berfungsi menerangkan kata kerja *serahkan*. Dalam contoh tersebut, kehadiran kata adverba cara *bulat-bulat* adalah di belakang kata kerja.

Contoh-contoh ayat (72) dan (77) menunjukkan bahawa kata adverba cara *tergagap-gagap* dan *setenang-tenang* merupakan kata adjektif gandaan separa berawalan yang berfungsi menerangkan kata kerja *lafazkan* dan *menjawab* manakala kata adverba cara *kecil-kecilan* dalam ayat (75) pula merupakan kata adjektif gandaan separa berakhiran yang berfungsi menerangkan kata kerja *berniaga*. Dalam ayat (76) kata adverba cara yang kelihatan ialah kata adjektif bentuk *se- + gandaan + -nya*, iaitu *sebaik-baiknya* yang berfungsi menerangkan kata kerja *tatap*. Seterusnya, kata adverba cara *meleret* dalam ayat (80) merupakan kata adjektif bentuk terbitan yang berfungsi menerangkan kata kerja *ketawa*.

3. 3. 1. 2 Kata Adverba Cara diwakili oleh Kata Kerja

Kata adverba cara boleh juga didukung oleh kata kerja. Kajian telah mengenal pasti sebanyak 19 kehadiran kata adverba cara yang diwakili oleh kata kerja. Contohnya:

- (78) aku mungkin tidak hidup *melarat*. (11: 4: 5)
- (79) Aini ketawa *terkekeh-kekeh*. (7: 6: 1)
- (80) Peristiwa semalam yang masih belum berkesudahan juga *mendarak* menerpa. (24: 1: 4)
- (81) Abang Mazran muncul *bersama-sama* dengan pembantu rumah. (36:3:1)
- (82) aku *terkial-kial* membuat keputusan. (93: 3: 2)
- (83) Kawan-kawan yang kujemput mulai sampai, *berduyun-duyun*. (138: 2: 3)
- (84) Kasihan melihatkan aku *melolong-lolong* menangis. (203: 3: 8)

Kelihatan jelas dalam ayat (78) – (84), kata adverba cara *melarat*, *terkekeh-kekeh*, *mendarak*, *bersama-sama*, *terkial-kial*, *berduyun-duyun* dan *melolong-lolong* diwakili oleh kata kerja. Kata adverba cara yang digambarkan dalam ayat-ayat di atas berfungsi menerangkan cara bagaimana perbuatan-perbuatan *hidup*, *ketawa*, *menerpa*, *muncul*, *membuat keputusan*, *sampai* dan *menangis* dilakukan.

Dalam contoh ayat (78) dan (80) kata adverba cara *melarat* dan *mendarak* merupakan kata kerja bentuk terbitan yang berfungsi menerangkan kata kerja *hidup* dan *menerpa*. Dalam contoh ayat (79) dan (81) – (84) kata adverba cara *terkekeh-kekeh*, *bersama-sama*, *terkial-kial*, *berduyun-duyun* dan *melolong-lolong* terdiri daripada kata kerja bentuk gandaan separa berawalan yang berfungsi menerangkan kata kerja *ketawa*, *muncul*, *membuat*, *sampai* dan *menangis*. Tegasnya, dalam ayat (78) – (84) kata adverba cara dapat hadir di hadapan dan juga di belakang frasa kerja.

3. 3. 1. 3 Kata Adverba Cara diwakili oleh Kata Adverba Jati

Terdapat kata adverba jati seperti *begitu*, *serentak*, *sekali gus*, *serentak* dan *sebeginu* yang boleh mewakili kata adverba cara untuk menunjukkan cara bagaimana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Berikut adalah antara contoh kata adverba cara yang diwakili oleh kata adverba jati yang didapati dalam kajian (Lampiran T):

- (85) Masa berlalu *begitu* sahaja. (1: 1: 5)
- (86) Semua orang berhak menghukum aku *sebeginu*. (3: 5: 5)
- (87) *sekali gus* merawat gusarku. (64: 4: 4)
- (88) Kami *saling* bertentang mata. (80: 4: 5)
- (89) Zurina dan Zahir *serentak* mengangguk. (201: 1: 1)

Seperti yang kelihatan dalam ayat contoh (85) – (89) di atas, kata adverba cara juga diwakili oleh kata adverba jati, iaitu begitu, *sebeginu*, *sekali gus*, *saling* dan *serentak* untuk menunjukkan gaya bagaimana perbuatan-perbuatan *berlalu*, *menghukum*, *merawat*, *bertentang mata* dan *mengangguk* dilakukan.

3. 3. 1. 4 Kata Adverba Cara diwakili oleh Kata Adverba Gandaan

Kata adverba yang telah dikategorikan sebagai kata adverba cara boleh juga didukung oleh kata adverba gandaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya tiga contoh kata adverba gandaan, iaitu *pura-pura* dan *tiba-tiba* mewakili kata adverba cara. Berikut ialah kata adverba cara yang diwakili oleh kata adverba gandaan *pura-pura* dan *tiba-tiba* yang didapati dalam kajian:

- (90) *Pura-pura* mencari ayat-ayat yang kurang jelas keterangannya. (7: 2: 6)
- (91) Mak long *tiba-tiba* membuka mulut. (32: 4: 1)
- (92) Kami *sama-sama* terpaksa berkorban. (107: 3: 5)

Dalam ayat contoh (90), (91) dan (92) kata adverba cara *pura-pura*, *tiba-tiba* dan *sama-sama* tidak didukung oleh kata adjektif, kata kerja maupun kata adverba jati malah didukung oleh kata adverba penggandaan penuh. Ketiga-tiga kata adverba cara *pura-pura*, *tiba-tiba* dan *sama-sama* menunjukkan cara bagaimana perbuatan *mencari ayat*, *membuka mulut* dan *berkorban* dilakukan. Maka, jelaslah kata adverba cara *pura-pura*, *tiba-tiba* dan *sama-sama* didukung oleh kata adverba gandaan.

Daripada semua contoh yang bincangkan dalam ceraian 3.3.1, didapati bahawa kata adverba cara diwakili oleh kata adjektif, kata kerja, kata adverba jati dan kata adverba

gandaan yang berfungsi menerangkan cara bagaimana kata kerja atau frasa kerja itu dilakukan dalam ayat.

3. 3. 2 Kata Adverba Masa

Kata adverba jenis ini ialah kata yang menerangkan waktu, iaitu bilakah berlaku sesuatu perbuatan, sama ada lama atau sekejap, sentiasa atau kadang-kadang atau sudah selesai atau akan dilakukan kemudian. Za'ba dalam bukunya *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (1965, p.163) telah membahagikan sifat kata masa kepada tiga subjenis, iaitu (i) kata yang menentukan bila, (ii) kata yang menentukan lama dan (iii) kata yang menentukan kali atau ulangan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian hanya sepadan dengan dua daripada subjenis yang dibincangkan oleh Za'ba. Sementara itu, satu lagi subjenis kata adverba masa yang baharu diterbitkan berdasarkan penelitian data kajian. Subjenis kata adverba masa berdasarkan hasil kajian adalah seperti yang berikut:

- (a) kata yang menentukan bila berlakunya sesuatu perbuatan itu;
- (b) kata yang menentukan berapa lama berlakunya sesuatu perbuatan itu.
- (c) kata yang menentukan sudah selesai atau belumnya sesuatu perbuatan itu

Berdasarkan penelitian data kajian, didapati bahawa subjenis ketiga sifat kata masa (kata adverba masa) yang dibincangkan oleh Za'ba lebih sesuai dilihat sebagai satu jenis kata adverba tersendiri dan bukannya sebagai subjenis kata adverba masa. Ini dikatakan sedemikian kerana tugas yang didukungnya berfokus kepada frekuensi sesuatu perbuatan, dan wajar dikategorikan sebagai kata adverba kekerapan.

Seterusnya, kajian telah mengenal pasti sebanyak 69 data yang dapat dikategorikan sebagai kata adverba masa (Lampiran N). Penjenisan kata adverba masa ini juga telah

dikenal pasti oleh beberapa tokoh bahasa Melayu dalam karya mereka. Antara mereka termasuklah Za'ba (1965, p.163), Liaw Yock Fang (1994, p.74), Asmah Haji Omar (1993, p.361), Arbak Othman (1981, p.160), Sanat Md. Nasir (Kertas Kerja, 2000), Nik Safiah Karim et al. (2008, p.289) dan Abdullah Hassan (2006, p.181).

Daripada 69 data kata adverba masa, sebanyak 40 kehadiran dapat dikategorikan sebagai subjenis kata adverba yang menentukan bila berlakunya sesuatu perbuatan itu, sebanyak 20 kehadiran lagi dapat disenaraikan sebagai kata yang menentukan berapa lama berlakunya sesuatu perbuatan itu dan sebanyak sembilan kehadiran dikategorikan sebagai subjenis kata adverba masa yang menentukan selesai atau belumnya sesuatu perbuatan itu (Lampiran U). Perincian tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.7 seperti yang berikut:

Jadual 3.7: Perincian Subjenis Kata Adverba Masa

Subjenis	Perkara	Jumlah Kehadiran Kata Adverba Masa
Kata yang menentukan bila berlaku perbuatan		40
Kata yang menentukan berapa lama berlaku perbuatan		20
Kata yang menentukan selesai atau belumnya sesuatu perbuatan		9
Jumlah		69

3. 3. 2. 1 Kata Adverba Masa ‘Bila’

Kata adverba jenis ini menerangkan masa bila berlakunya sesuatu perbuatan atau kejadian. Data kajian menunjukkan bahawa perkataan yang ditandai oleh kata adverba

jenis ini ialah *sekarang, kini, tadi, dahulu, kemudian, esok, semalam, lusa, kelak, mula-mula* dan *awal-awal*. Jika diteliti, kebanyakan perkataan yang mewakili kata adverba jenis ini merujuk secara langsung kata adverba jati. Namun demikian, didapati kata adjektif seperti *mula-mula, awal-awal* dan *lewat* juga berfungsi menerangkan masa (Lampiran U). Berikut adalah antara kata adverba masa subjenis ini yang diwakili oleh kata adverba jati:

- (93) Dia menghambur cerita *tadi* kerana mahu melepaskan geram yang bersarang. (7: 3: 4)
- (94) Aku benar-benar takut *kini*. (12: 2: 3)
- (95) Di sana *kelak*, aku akan membuat pengakuan. (12: 4: 2)
- (96) Umur Nani 17 tahun *sekarang*. (32: 4: 3)
- (97) Peristiwa *semalam* yang masih belum berkesudahan juga mendadak menerpa. (24: 1: 4)
- (98) Dia terpaksa bertugas semula *esok*. (163: 4: 2)

Dalam ayat (93) – (98) di atas, perkataan *tadi, kini, kelak, sekarang, semalam* dan *esok* ialah subjenis kata adverba masa kerana masing-masing apabila ditanya bila berlakunya perbuatan atau kejadian itu, maka terjawab dengan jawapan-jawapan yang berhuruf miring (kata adverba masa) di atas.

Seperti yang kelihatan dalam ayat (93), (95) dan (98), kata adverba masa diwakili oleh kata adverba jati *tadi, kelak* dan *esok* yang berfungsi menerangkan bila berlakunya perbuatan *menghambur cerita, membuat pengakuan* dan *bertugas semula*. Demikian juga dalam ayat (94), (96) dan (97) kata adverba masa *kini, sekarang* dan *semalam* merupakan perkataan kata adverba jati yang masing-masing berfungsi menerangkan bila berlakunya kejadian (kata adjektif) *takut, umur Nani* (frasa nama) dan *peristiwa* (kata nama).

Dalam kajian didapati bahawa kata adverba masa juga boleh diwakili oleh kata adjektif. Contohnya:

(99) Ah, *awal-awal* lagi, aku sudah melakukan kesilapan! (17: 7: 1)

(100) Aku *mula-mula* tiba di situ. (36: 1: 2)

(101) Mereka mungkin sampai *lewat* sikit. (139: 4: 2)

Seperti yang kelihatan dalam ayat-ayat di atas, perkataan *awal-awal*, *mula-mula* dan *lewat* ialah kata adverba masa ‘bila’ kerana masing-masing akan terjawab dengan jawapan-jawapan yang berhuruf miring (kata adverba masa) di atas apabila ditanya bila berlakunya perbuatan-perbuatan itu, yakni *bila melakukan kesilapan?*, *bila tiba?* dan *bila sampai?*.

Selain itu, kata adverba masa yang bercetak miring dalam ayat (99) – (101) didukung oleh kata adjektif dan masing-masing berfungsi sebagai penerang kepada frasa kerja *menggunakan kesilapan* dan kata kerja *tiba* dan *sampai*. Berdasarkan contoh-contoh yang dibincangkan dalam ceraian 3.3.2.1, ternyata kata adverba masa ‘bila’ diwakili oleh kata adverba jati atau kata adjektif dalam bentuk dasar atau gandaan penuh dan berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja, kata nama dan kata adjektif.

3.3.2.2 Kata adverba Masa ‘Berapa Lama’

Kata adverba jenis ini menentukan masa berapa lama berlakunya sesuatu perbuatan itu. Data kajian menunjukkan bahawa kata adverba jenis ini didukung oleh perkataan-perkataan tertentu seperti *sentiasa*, *segera*, *lama*, *lama-lama*, *semalam* dan *selama-lamanya*. Hasil penelitian memperlihatkan bahawa daripada perkataan-perkataan yang

tersenarai di atas, hanya satu perkataan, *semalam* tergolong dalam kata adverba jati tetapi yang selebihnya tergolong dalam kata adjektif. Contohnya:

- (102) Boleh jumpa Cikgu Zamin *lama-lama*. (3: 1: 1)
- (103) Kak Finaz *segera* membalikkan tubuh ke belakang. (22: 5: 2)
- (104) *Semalam* aku tidak dapat tidur lena. (24: 1: 3)
- (105) Nini akan tinggal *lama* di sini. (39: 1: 1)
- (106) Aku tidak mahu *selama-lamanya* berselindung di sebalik ... (50: 5: 4)

Dalam ayat (102) – (106), kata adverba masa *lama-lama*, *segera*, *semalam*, *lama* dan *selama-lamanya* mendukung maksud masa *berapa lama* dan masing-masing berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja *jumpa*, *membalikkan tubuh*, *tidur*, *tinggal* dan *berselindung*.

Seperti yang kelihatan dalam ayat (102), (103), (105) dan (106) kata adverba masa subjenis ini, iaitu *lama-lama*, *segera*, *lama* dan *selama-lamanya* diwakili oleh kata adjektif tetapi bentuk katanya berlainan. Misalnya, kata adverba masa *lama-lama* (ayat 102) ialah gandaan penuh, kata adverba masa *segera* (ayat 103) dan *lama* (ayat 105) ialah kata dasar dan kata adverba masa *selama-lamanya* (ayat 106) ialah gandaan separa (*se-...-nya*). Dalam ayat (104) kata adverba masa subjenis *semalam* diwakili oleh kata adverba jati.

Penelitian terhadap data-data dalam Lampiran U menunjukkan bahawa subjenis kata adverba masa ‘berapa lama’ ternyata diwakili oleh kata adjektif dalam bentuk dasar, gandaan penuh atau gandaan separa atau diwakili oleh kata adverba jati dan berfungsi menerangkan kata kerja sahaja.

3. 3. 2. 3 Kata adverba Masa ‘Selesai/Belum’

Umumnya, kata adverba subjenis masa ini boleh diertikan sebagai perkataan yang menentukan aspek masa, sudah atau belumnya sesuatu perbuatan atau kejadian itu. Ini bermakna bahawa kata adverba jenis ini merujuk kepada perkataan yang menentukan kala selesai atau akan selesai sesuatu perbuatan atau kejadian itu tetapi tegasnya tidak merujuk kepada kata bantu aspek seperti *akan*, *sudah*, *telah*, *sedang* dan *belum*. Kajian telah mengenal pasti sebanyak sembilan kehadiran kata adverba jenis ini yang terdiri daripada perkataan *sempat*, *nanti* dan *lambat-laun* (Lampiran U). Contohnya adalah seperti yang berikut:

- (107) Aku hanya *sempat* mengambil beg sekolah ... (22: 1: 2)
- (108) “*Nanti* datin tu perasan, teruklah Nani,” ... (23: 1: 1)
- (109) *lambat-laun* aku terpaksa berhenti sekolah. (28: 4: 1)
- (110) Bila dia betul-betul sihat *nanti*, mahu ... (32: 3: 3)

Dalam ayat (107) – (110), perkataan *sempat*, *nanti* dan *lambat-laun* menyatakan sama ada selesai atau belum perbuatan dan kejadian itu. Ternyata, perkataan-perkataan tersebut ialah kata adverba masa. Kata adverba subjenis masa *sempat*, *nanti* dan *lambat-laun* dalam contoh ayat (107) – (109) masing-masing berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja *mengambil beg*, *perasan* dan *berhenti sekolah* manakala kata adverba subjenis masa *nanti* dalam ayat (110) pula berfungsi menerangkan kata adjektif *sihat*. Maka, boleh dikatakan bahawa kata adverba subjenis masa ini berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif.

3. 3. 3 Kata Adverba Kekerapan

Kata adverba kekerapan ialah perkataan yang menentukan frekuensi berlakunya sesuatu perbuatan, kejadian atau peristiwa. Secara ringkasnya, kata adverba kekerapan menunjukkan ke sekian kali sesuatu perbuatan dilakukan. Perkataan-perkataan yang tergolong dalam kata adverba jenis ini adalah seperti *sentiasa, selalu, sering, kerap, kerap kali, acap kali* dan sebagainya.

Kajian telah mengenal pasti sejumlah 50 kehadiran yang dapat diklasifikasikan sebagai kata adverba kekerapan (Lampiran O). Terdapat tiga orang tokoh bahasa Melayu, iaitu Asmah Haji Omar (1993, p.364), Abdullah Hassan (1981, p.183) dan Sanat Md. Nasir (Kertas Kerja, 2000) telah mengenal pasti penjenisan ini. Abdullah Hassan pula menggunakan istilah *kata adverba kelaziman* untuk merujuk penjenisan ini. Kata adverba jenis ini yang dikenal pasti dalam kajian adalah seperti *sentiasa, jarang, sering, selalu, biasa, kerap, semula, acap kali, pertama kali, akhir sekali* dan *berulang-ulang kali*. Lazimnya, kata adverba kekerapan berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja dan kata adjektif. Contoh kata adverba jenis ini yang berfungsi menerangkan kata kerja adalah seperti yang berikut:

- (111) Aku *sentiasa* ingat. (1: 3: 1)
- (112) Kata-katanya *jarang* bertapis. (3: 1: 2)
- (113) *Kadang-kadang*, kami pun mati akal. (32: 3: 4)
- (114) Izinkanlah dia balik *sese kali* ke sini. (33: 4: 1)
- (115) Mama *selalu* runsing bila teringatkan Nini. (46: 1: 4)
- (116) sudah *berulang-ulang kali* kubaca tanpa rasa jemu. (169: 1: 2)
- (117) Nini seronok dapat belajar *semula* bersama kawan-kawan. (59: 3: 1)
- (118) aku sudah mulai *biasa* diseru sebagai Nini. (83: 5: 3)

Dalam ayat (111) – (118), jelas kelihatan perkataan *sentiasa*, *jarang*, *kadang-kadang*, *sese kali*, *selalu* dan *berulang-ulang kali* ialah kata adverba kekerapan kerana masing-masing mendukung maksud ke sekian kali sesuatu perbuatan dilakukan. Misalnya, kata adverba kekerapan *sentiasa*, *jarang*, *kadang-kadang*, *sese kali*, *selalu* dan *berulang-ulang kali* masing-masing membawa maksud ke sekian kali perbuatan-perbuatan *ingat*, *bertapis*, *mati akal*, *balik*, *runsing* dan *baca* dilakukan.

Seperkara yang boleh menimbulkan persoalan ialah perkataan *semula* dalam ayat (117) dan perkataan *biasa* dalam ayat (118). Sekiranya kita meneliti maksud perkataan *semula*, ternyata jelas *semula* ialah perbuatan atau perkara ulangan yang bukan terjadi pada kali pertama. Demikian juga perkataan *biasa* dalam ayat (118) membawa maksud *kerap/lazim*. Kedua-dua kata adverba *semula* dan *biasa* masing-masing mendukung maksud kelaziman perbuatan *belajar* dan *diseru* dilakukan. Maka, jelaslah kedua-dua perkataan *semula* dan *biasa* juga ialah perkataan yang mendukung maksud frekuensi dan memang wajar dikategorikan sebagai kata adverba kekerapan.

Seterusnya, kata adverba kekerapan juga berfungsi menerangkan kata adjektif tetapi hanya satu contoh kata adverba kekerapan jenis ini sahaja dapat dikenal pasti dalam kajian. Contohnya:

(119) *Kadang-kadang* aku curiga dan gerun ... (115: 2: 3)

Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa kata adverba kekerapan hadir dalam tiga bentuk, yakni bentuk kata dasar, kata gandaan penuh dan kata gandaan separa. Contohnya adalah seperti yang berikut:

(120) Kata-katanya *jarang* bertapis. (3: 1: 2)

(121) Aku sudah *jarang-jarang* sangat masuk ke dapur. (197: 3: 1)

(122) sudah *berulang-ulang kali* kubaca tanpa rasa jemu. (169: 1: 2)

Dalam ayat (120) – (122), kata adverba kekerapan *jarang* dan *jarang-jarang* diwakili oleh kata adjektif tetapi bentuk katanya berbeza, iaitu kata adverba kekerapan *jarang* ialah bentuk kata dasar sedangkan kata adverba kekerapan *jarang-jarang* ialah kata penggandaan penuh. Kata adverba kekerapan *berulang-ulang kali* dalam ayat (122) pula diwakili oleh kata kerja bentuk gandaan separa. Berdasarkan perbincangan dalam ceraian 3.3.3 didapati bahawa kata adverba kekerapan lazimnya berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif dan boleh hadir dalam bentuk kata dasar, kata gandaan penuh dan gandaan separa.

3. 3. 4 Kata Adverba Kesungguhan

Kata adverba kesungguhan ialah perkataan yang mengusahakan ketekunan atau penegasan kepada sesuatu perbuatan atau kejadian. Kajian hanya dapat mengenal pasti tujuh kata adverba jenis ini, iaitu *langsung*, *benar-benar*, *betul-betul*, *seboleh-bolehnya*, *sama sekali*, *sekali-kali* dan *wajar* yang jumlah kehadiran adalah sebanyak 18 kali (Lampiran P). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kata adverba jenis ini berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif. Contoh kata adverba kesungguhan yang menjadi penerang kepada kata kerja adalah seperti yang di bawah:

- (123) Aku *langsung* tidak mahu terlibat dalam perselisihan itu. (56: 5: 1)
- (124) ... *seboleh-bolehnya* aku diminta turut hadir. (114: 3: 6)
- (125) Aku belum *benar-benar* bersedia (124: 3: 2)
- (126) Tindakan itu bukan *sama sekali* didorong oleh (4: 1: 3)
- (127) Hidup menumpang, jangan *sekali-kali* melampau. (39: 6: 2)
- (128) Aku tidak *wajar* menyesali kesanggupanku ... (116: 1: 1)

Dalam ayat (123) – (128) di atas, perkataan yang bercetak miring *langsung*, *seboleh-bolehnya*, *benar-benar*, *sama sekali*, *sekali-kali* dan *wajar* ialah kata adverba kesungguhan kerana masing-masing menunjukkan suatu ketekunan atau penegasan terhadap kata kerja *terlibat*, *hadir*, *bersedia*, *didorong*, *melampau* dan *menyesali kesanggupan* yang diterangkannya.

Kata adverba jenis ini juga berfungsi menerangkan kata adjektif. Contohnya:

(129) Aku *benar-benar* takut kini. (12: 2: 3)

(130) Bila dia *betul-betul* sihat nanti, ... (32: 3: 3)

Seperti yang kelihatan dalam ayat di atas, kata adverba kesungguhan *benar-benar* dan *betul-betul* berfungsi menerangkan kata adjektif *takut* dan *sihat*. Tegasnya, kata adverba kesungguhan hanya berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja dan kata adjektif.

Ayat-ayat di atas memperlihatkan bahawa kata adverba kesungguhan dapat hadir dalam tiga bentuk kata, yakni bentuk kata dasar, kata gandaan penuh dan kata gandaan separa. Antara contohnya termasuklah kata adverba kesungguhan *langsung* dan *wajar* (ayat 123 dan 128) ialah bentuk kata dasar, *benar-benar* dan *betul-betul* (ayat 125, 129 dan 130) ialah kata gandaan penuh dan *seboleh-bolehnya* dan *sekali-kali* (ayat 124 dan 127) pula ialah bentuk gandaan separa. Maka, jelaslah kata adverba kesungguhan dapat hadir dalam bentuk kata dasar, kata gandaan penuh dan kata gandaan separa serta berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif.

Walaupun pembahagian jenis kata adverba kesungguhan dilakukan berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian namun penjenisan ini telah lama wujud dalam tatabahasa bahasa Melayu. Tokoh bahasa Melayu seperti Asmah Haji Omar (1993, p.368) dan Abdullah Hassan (1981, p.182) telah lama mengenal pasti dan memberi penjelasan

tentang penjenisan ini. Kedua-dua tokoh bahasa ini juga telah menggunakan istilah yang sama untuk merujuk penjenisan ini.

3. 3. 5 Kata Adverba Sifat Perasaan

Kata adverba jenis ini ialah perkataan yang menyatakan perasaan apabila perbuatan atau kejadian itu berlaku. Daripada 303 data kata adverba, hanya sebanyak lima kehadiran telah diklasifikasikan sebagai kata adverba sifat yang berfungsi menerangkan kata kerja (Lampiran Q). Contohnya adalah seperti yang berikut:

- (131) Dia dan Kak Finaz tersenyum *puas*. (40: 5: 2)
- (132) Sedang *seronok* bercerita sambil buka-buka album, .. (109: 1: 1)
- (133) Abang Mazran tersenyum *senang* tetapi (46: 1: 3)
- (134) Aku sudah *jemu* makan menggunakan sudu dan garpu. (102: 4: 2)
- (135) Ekran tersenyum *kelat*. (110: 3: 1)

Dalam ayat (131) – (135) perkataan *puas*, *seronok*, *senang*, *jemu* dan *kelat* jelas menyatakan sesuatu perasaan apabila perbuatan dilakukan. Ternyata perkataan-perkataan tersebut ialah kata adverba sifat perasaan. Semua ayat di atas menunjukkan bahawa kata adverba jenis ini *puas*, *hiba*, *silu*, *seronok* dan *jemu* berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja *tersenyum*, *ditusuk*, *disergap*, *bercerita* dan *makan menggunakan sudu*. Berdasarkan huraian dan perbincangan di atas, boleh disimpulkan bahawa kata adverba sifat perasaan berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja sahaja.

Abdullah Hassan juga telah mengenal pasti penjenisan ini dalam penulisannya. Huraian beliau tentang penjenisan ini juga selaras dengan dapatan kajian, iaitu kata adverba jenis ini berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja.

3. 3. 6 Kata Adverba Ketidakpastian

Kata adverba ketidakpastian merupakan perkataan yang menerangkan situasi ketidaktentuan sesuatu perbuatan sama ada benar atau tidaknya. Lazimnya, kata adverba jenis ini ialah perkataan seperti *barangkali*, *agaknya*, *seolah-olah* dan *seelok-eloknya*. Penjenisan ini juga telah dikenal pasti oleh Za'ba dalam karya beliau (1965, p.165), Liaw Yock Fang (1994, p.75) dan Sanat Md. Nasir dalam kertas kerjanya (2000). Namun, mereka tidak menggunakan istilah penjenisan ini malah menggunakan istilah *kata sifat penentu/tak tentu* untuk merujuknya. Walaupun istilah penjenisan ini tidak selaras dengan dapatan kajian tetapi penjenisan ini memperlihatkan keselarasan dari segi huraian dan penjelasan.

Kajian telah mengenal pasti sejumlah 13 kehadiran kata adverba yang boleh dikategorikan sebagai kata adverba ketidakpastian (Lampiran R). Penelitian terhadap contoh data menunjukkan bahawa kata adverba ketidakpastian menerangkan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba lain. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- (136) Kerana itulah *agaknya*, aku menerima perhatian istimewa.. (5: 1: 3)
- (137) , *agaknya* dapatlah mengubah tumpuan bicara? (7: 2: 7)
- (138) *Sekurang-kurangnya*, Cikgu Yazid dah senang hati. (7: 3: 1)
- (139) Keruh air mukanya, *seolah-olah* dilanda kekesalan. (32: 1: 2)
- (140) *Seelok-eloknya* pun *begitulah*, dihadapan pak long .. (33: 5: 4)
- (141) *Barangkali* juga dia menghambur cerita tadi ... (7: 3: 4)

(142) *Barangkali* aku murid baharu, Cikgu Sani bertanya ... (57: 1: 2)

Setiap ayat di atas, jelas menggambarkan bahawa perkataan *agaknya*, *sekurang-kurangnya*, *seolah-olah*, *seelok-eloknya* dan *barangkali* ialah kata adverba ketidakpastian kerana masing-masing menerangkan ketidaktentuan perbuatan sama ada benar atau tidak. Seperti yang kelihatan dalam ayat (136), kata adverba ketidakpastian *agaknya* berfungsi menerangkan suatu *kata nama (digugurkan)* manakala dalam ayat (137) pula berfungsi menerangkan kata kerja *mengubah*.

Seterusnya, dalam ayat (138) kata adverba ketidakpastian *sekurang-kurangnya* berfungsi menerangkan kata adjektif *senang hati*, dalam ayat (139) kata adverba ketidakpastian *seolah-olah* berfungsi menerangkan kata kerja tak transitif berpelengkap *dilanda kekesalan* dan dalam ayat (140) kata adverba *seelok-eloknya* berfungsi menerangkan kata adverba *begitu*. Kata adverba ketidakpastian *barangkali* berfungsi menerangkan frasa kerja *menghambur cerita* dalam ayat (141) manakala dalam ayat (142) berfungsi menerangkan kata nama *aku*. Berdasarkan penelitian, jelas bahawa kata adverba ketidakpastian berfungsi menerangkan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba lain.

3.3.7 Kata Adverba Jarak

Kata adverba jarak ialah perkataan yang menerangkan kejauhan berhubungan dengan kata kerja yang diterangkannya. Data dalam Lampiran A langsung tidak dapat dikategorikan kepada jenis kata adverba tempat kerana kata adverba tempat harus menggunakan kata sendi nama *di*, *ke*, *dari* untuk menyatakan tempat. Maka, kata adverba tempat adalah seperti *di sana*, *di situ*, *ke sini*, *dari sana*, *di atas*, *dari bawah*, *di tengah*, *di mana-mana* dan *di semua tempat*. Asmah Haji Omar (1993, p.359), Abdullah

Hassan (2006, p.180) dan Arbak Othman (1981, p.161) juga telah membincangkan kata adverba tempat dengan penjelasan yang sama.

Za'ba (1965, p.164) turut memberi penerangan berkenaan sifat kata tempat (adverba tempat) tetapi dengan sedikit tambahan huraian daripada tokoh-tokoh bahasa yang lain. Beliau mengatakan bahawa selain perkataan-perkataan *dahulu*, *kemudian*, *jauh*, *hampir* dan *dekat*, perkataan lain harus menggunakan sendi nama *di*, *ke* dan *dari* bersama-sama kata nama atau gantinya bagi menerangkan tempat. Pembahagian istilah kata adverba tempat bukanlah salah, malah boleh diterima kebenarannya. Akan tetapi tatabahasa bahasa Melayu telah mengkelaskan perkataan-perkataan yang tersenarai di atas sebagai frasa sendi nama.

Dalam keadaan sebegini lebih sesuai dibuat pembahagian kata adverba jarak daripada dibuat pembahagian kata adverba tempat. Selain itu, perkataan-perkataan yang disenaraikan oleh Za'ba dalam huraianya, iaitu *jauh*, *hampir*, *dekat*, *dahulu* dan *kemudian* juga lebih menyelahi kata adverba jarak (1965, p.164).

Berdasarkan kajian, tidak banyak data kata adverba tempat dapat dikenal pasti. Data yang dapat dikenal pasti ialah sebanyak sepuluh sahaja (Lampiran S). Walaupun pada hakikatnya terdapat beberapa kata adverba jarak, namun data yang diperoleh hanya menunjukkan penggunaan perkataan *jauh*, *hampir* dan *kembali* sahaja. Contohnya:

- (143) Keresahan itu mercup *kembali* dalam dada. (24: 2: 2)
- (144) Kak Nani akan pergi *jauh*. (28: 2: 1)
- (145) Setelah dia agak *jauh* meninggalkan kami, (98: 5: 2)
- (146) Aku *hampir* hanyut dalam arus lamunan. (107: 5: 2)
- (147) Keadaannya *hampir* sama. (30: 6: 4)

Ayat (143) – (146) jelas menampakkan kata adverba jarak *kembali*, *jauh* dan *hampir* berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja *mercup*, *pergi*, *meninggalkan kami* dan *hanyut*. Akan tetapi dalam ayat (147), kata adverba jarak *hampir* berfungsi menerangkan kata adjektif *sama*. Memandangkan analisis ayat (143) – (147) boleh dikatakan bahawa kata adverba jarak dapat berganding dengan golongan kata kerja dan kata adjektif di mana kata kerja dan kata adjektif berperanan sebagai unsur inti dalam frasa predikat.

Seterusnya, seperkara yang menarik dalam ayat (143), iaitu perkataan *kembali*, yang harus diperjelas supaya pengguna bahasa tidak terkeliru dengan penggunaannya sebagai kata adverba jarak. Perkataan *kembali* jika diteliti memberi makna *datang balik* (*again* dalam bahasa Inggeris) yang mendukung makna tersirat, *balik dari suatu tempat*. Kadangkala perkataan *kembali* seolah-olah merujuk kepada kata kekerapan tetapi perkataan tersebut langsung tidak boleh dianggap sebagai kata kekerapan kerana tidak melibatkan pengulangan. Maka, perkataan *kembali* ternyata melibatkan jarak. Oleh yang demikian, perkataan *kembali* ialah kata adverba jarak.


Walaupun data hanya menunjukkan kata adverba jarak, iaitu *jauh*, *kembali* dan *hampir* dalam bentuk dasar, namun kata adverba jarak boleh juga hadir dalam bentuk gandaan penuh dan bentuk apitan *ber-...-an*. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- Adik-adik Siti duduk *dekat-dekat*.
- Siti melemparkan cakera *jauh-jauh*.
- Adik bongsu Siti berdiri *berhampiran* dengan ibunya.

Penjenisan ini juga dikenal pasti oleh Sanat Md. Nazir (2000) dalam kertas kerjanya yang berjudul *Kata Adverba dalam Bahasa Melayu III*. Ahli bahasa Melayu seperti Za'ba, Asmah Haji Omar, Lufti Abas, Liaw Yock Fang, Arbak Othman, Nik Safiah

Karim et al., dan Abdullah Hassan juga turut mengenal pasti penjenisan ini dengan istilah kata adverba tempat. Penggunaan istilah kata adverba tempat oleh ahli-ahli bahasa yang tersenarai di atas ada kebenarannya memandangkan contoh-contoh yang dibincangkan dan huraian lebih mewakili kata sendi nama *di*, *ke*, *dari* bersama-sama kata nama atau gantinya bagi menyatakan tempat.

Kesimpulannya, berdasarkan penelitian terhadap kesemua jenis kata adverba didapati bahawa kata adverba cara mencatatkan jumlah kehadiran yang paling tinggi, iaitu 157 kehadiran manakala kata adverba sifat perasaan mencatatkan jumlah kehadiran yang paling rendah, iaitu sebanyak lima kehadiran. Kata adverba masa mencatatkan sebanyak 69 kehadiran, kata adverba kekerapan mencatatkan 50 kehadiran, kata adverba kesungguhan pula sebanyak 18 kehadiran. Sementara itu, kata adverba ketidakpastian dan kata adverba jarak masing-masing mencatatkan sebanyak tiga belas kehadiran dan sepuluh kehadiran. Jumlah kehadiran kata adverba mengikut jenisnya dapat diperjelas melalui rajah berikut:



Rajah 3.5: Jenis Kata Adverba Mengikut Jumlah Kehadiran

3.4 Kata Adverba Semu

Kata adverba semu ialah perkataan yang kelihatan seakan-akan kata adverba tetapi pada hakikatnya bukan. Bentuk ini terdapat dalam kata ganda semu. Berdasarkan analogi itu, perkataan yang kelihatan seperti kata adverba yang ditemukan dalam kajian dinamakan dengan istilah kata adverba semu. Istilah semu bukan sesuatu yang baharu dalam bahasa Melayu kerana ungkapan kata ganda semu memang sudah lama wujud dalam bahasa Melayu. Contohnya:

anai-anai	serangga
labah-labah	serangga yang berkaki lapan
onde-onde	kuih orang Melayu

Dalam contoh di atas, *anai-anai*, *labah-labah* dan *onde-onde* kelihatan seperti kata ganda tetapi sebenarnya ketiga-tiga perkataan tersebut mewakili bentuk kata dasar. Kata ganda semu *anai-anai* bukanlah terhasil daripada penggandaan kata dasar *anai*, malah perkataan *anai-anai* itu sendiri ialah kata dasar yang merujuk kepada sejenis serangga perosak berupa semut putih. Demikian juga perkataan *labah-labah* dan *onde-onde* bukan terbentuk daripada proses penggandaan tetapi mempunyai bentuk kata ganda. Maka, perkataan yang bukan terhasil daripada proses penggandaan dan kelihatan seperti kata ganda dinamakan sebagai kata ganda semu.

Keadaan sedemikian juga wujud berkaitan dengan kata adverba. Maka dinamakannya sebagai kata adverba semu. Perkara yang boleh menimbulkan persoalan, kemusykilan dan keraguan harus diperjelas terutama kepada bukan penutur asli bahasa Melayu, supaya para pengguna bahasa Melayu, khususnya golongan pendidik dan murid-murid, tidak membuat tafsiran yang salah. Oleh itu, perkataan yang kelihatan

seperti kata adverba, yakni kata adverba semu, akan dibincang berserta contoh data yang dipetik daripada bahan kajian, novel *Azfa Hanani*.

3. 4. 1 Objek Kata Kerja Transitif

Dalam bahasa Melayu, kata nama yang berfungsi sebagai objek wajib hadir sesudah kata kerja transitif bagi melengkapkan maksud. Kadang-kala kehadiran objek dalam binaan ayat menimbulkan kekeliruan dalam pemahaman pengguna bahasa. Lantaran itu, objek disalah anggap sebagai kata adverba. Contohnya:

- (149) Sepucuk surat akan kukarang, menceritakan *segala-galanya*. (p. 44)
- (150) Datin Maziah masih belum menunjukkan *tanda-tanda* ... (p. 83)

Dalam ayat (149) dan (150), perkataan *segala-galanya* dan *tanda-tanda* masing-masing kelihatan seperti kata adverba gandaan separa dan kata adverba gandaan penuh tetapi pada hakikatnya perkataan-perkataan tersebut merupakan objek (kata nama) yang diperlukan untuk melengkapkan maksud kata kerja transitif *menceritakan* dan *menunjukkan*. Sesiapa yang faham akan hukum tatabahasa bahasa Melayu tidak akan membuat tafsiran yang salah ini.

3. 4. 2 Deretan Dua Kata Kerja

Ayat bahasa Melayu, khususnya ayat majmuk, biasanya mempunyai deretan dua kata kerja. Besar kemungkinan deretan dua kata kerja dalam ayat dapat mengaburi mata pengguna bahasa lalu diistilahkan salah satu kata kerja sebagai kata adverba. Ayat sedemikian adalah seperti yang berikut:

(151) Aku *terharu* menerima pelawaan ikhlas itu. (p. 55)

(152) Datin Maziah tidak *bersungut* mendengar alasan itu. (p. 63)

Dalam ayat (151), perkataan *terharu* kelihatan seperti kata adverba asalnya kata adjektif tetapi pada hakikatnya perkataan *terharu* ialah predikat ayat pertama dan perkataan *menerima* pula predikat ayat kedua. Ayat tersebut adalah seperti yang berikut:

(151) a. Aku terharu.

(151) b. Aku menerima pelawaan ikhlas itu.

Demikian juga dalam ayat (152) terdapat dua predikat ayat, iaitu perkataan *bersungut* ialah predikat ayat pertama (bukan kata adverba) dan perkataan *mendengar* ialah predikat ayat kedua. Ini dikatakan sedemikian kerana perkataan *bersungut* bukan kata adverba asalnya kata kerja yang berfungsi menerangkan kata kerja *menerima*. Ayat tersebut adalah seperti yang berikut:

(152) a. Datin Maziah tidak bersungut.

(152) b. Datin Maziah mendengar alasan itu.

3. 4. 3 Kata Bantu Ragam di Hadapan Kata Adjektif

Umumnya, kata adjektif menjadi penerang kepada kata nama. Kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang selain kata nama dikenali sebagai kata adverba. Akan tetapi, apakah kata adjektif perasaan seperti *suka*, *benci* dan *gemar* apabila bergabung dengan kata kerja dan bukan berfungsi menerangkannya masih dianggap sebagai kata adverba?

Contohnya adalah seperti yang di bawah:

(153) Ini tentu fasal *suka sangat* makan masakan orang Jepun. (p. 61)

- (154) Murni *gemar* berpakaian kasual. (p. 71)
- (155) Aku tidak *gemar* memamah makanan segera.... (p. 99)

Dalam ayat (153) – (155), perkataan *suka* dan *gemar* tidak boleh dianggap sebagai kata adverba kerana masing-masing tidak berfungsi menerangkan kata kerja *makan*, *berpakaian* dan *memamah*. Memandangkan kehadiran perkataan-perkataan tersebut tidak berfungsi menerangkan kata kerja malah bertugas membantu frasa kerja menimbulkan makna tambahan dari segi ragam perasaan, maka perkataan *suka* dan *gemar* dalam ayat (153) – (155) dianggap sebagai kata bantu ragam.

Walaupun dalam ayat (153) perkataan *suka* mengesahkan golongannya kata adjektif dengan kehadiran kata penguat *sangat* namun dalam *Tatabahasa Dewan* (2008, p.396) dinyatakan bahawa kata bantu boleh diikuti oleh kata penguat seperti binaan *kata bantu + kata penguat*. Ternyata perkataan *suka* bertugas sebagai kata bantu dalam ayat (151). Tegasnya, perkataan *suka* dan *gemar* dalam ayat (153) – (155) bukan kata adverba.

3. 4. 4 Kata Adjektif Sebagai Pelengkap

Bahasa Melayu mempunyai kata kerja yang dibentuk dengan awalan *beR-* yang bersifat tak transitif. Terdapat dua jenis kata kerja berawalan *beR-* tak transitif, iaitu kata kerja tak transitif tanpa pelengkap dan kata kerja tak transitif berpelengkap. Apabila kata adjektif menjadi pelengkap bagi kata kerja tak transitif berpelengkap, kata adjektif itu kelihatan seperti kata adverba. Contohnya:

- (156) Gadis itu berjiwa *murni*. (p. 66)
- (157) Rupa-rupanya, anak muda ini berfikiran *jauh*. (p. 101)
- (158) Zuraini bercerita *panjang lebar* dalam surat itu. (p. 124)

(159) Mujur juga Kak Finaz berakal *panjang* dan ... (p. 53)

Perkataan *murni*, *jauh*, *panjang lebar* dan *panjang* dalam ayat di atas kelihatan seperti kata adverba tetapi pada hakikatnya perkataan-perkataan tersebut ialah pelengkap bagi kata kerja tak transitif berpelengkap *berjiwa*, *berfikiran*, *bercerita* dan *berakal*.

3. 4. 5 Kata Adjektif Sebagai Penerang Kata Nama

Dalam ayat bahasa Melayu, fungsi asal kata adjektif ialah sebagai penerang kepada kata nama. Namun, susunan dan urutan perkataan dalam sesbuah ayat boleh mengaburi mata pengguna bahasa untuk mengenal pasti kata nama dan kata adjektif. Contoh ayat sedemikian adalah seperti yang berikut:

(160) Serkap *jarang* tak elok. (p. 7)

(161) ... kata mak long dalam tangis *pilunya*. (p. 35)

Sekali pandang, perkataan *serkap* dan *tangis* kelihatan seperti kata kerja dan perkataan *jarang* dan *pilu* pula kelihatan seperti kata adverba. Akan tetapi, perkataan *jarang* dan *pilu* dalam ayat (160) dan (161) ialah kata adjektif yang berfungsi menerangkan kata nama *serkap* dan *tangis*. Tegasnya, perkataan-perkataan yang bercetak miring dalam ayat di atas bukan kata adverba.

3. 4. 6 Salah Tafsir Kata Nama Objek Ayat Pasif

Dalam bahasa Melayu terdapat kejadian ayat aktif dan ayat pasif. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul, manakala ayat

pasif pula mengutamakan subjek terbitan sebagai judul. Dalam ayat pasif, perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan sering kali menimbulkan kekaburan. Lihat contoh ayat di bawah:

(162) Hati ini ditusuk **hiba**. (p. 68)

(163) Aku diserkap **silu**. (p. 92)

Ayat (162) dan (163) merupakan ayat pasif yang telah mengalami perpindahan tempat frasa subjek *hiba* dan *silu* dan objek, *hati ini* dan *aku*. Dalam ayat (162) dan (163), perkataan *hiba* dan *silu* bukan kata adverba yang berfungsi menerangkan kata kerja pasif *ditusuk* dan *diserkap* malah merupakan frasa nama yang berfungsi sebagai judul ayat dalam ayat aktif. Lihat ayat aktifnya di bawah:

(162) a. *Perasaan hiba* menusuk hati ini.

(163) b. *Perasaan silu* menerkap aku.

Kesalahtafsiran *hiba* dan *silu* sebagai kata adverba berlaku kerana frasa nama sebagai frasa subjek telah mengalami pengguguran kata nama (perasaan) dan yang tinggal ialah kata adjektif *hiba* dan *silu*. Apabila ayat aktif di atas dipasifikkan kelihatan kedua-dua perkataan tersebut sebagai kata adverba asalnya kata adjektif yang menerangkan kata kerja. Lazimnya, kesalahtafsiran sebegini dilakukan oleh penutur bukan asli bahasa Melayu kerana kurang memahami rumus yang mendasari proses urutan perkataan untuk membentuk ayat dan susunan unsur-unsur dalam frasa subjek.

3. 4. 7 Kata Penguat Sebelum Kata Kerja yang Berfungsi Sebagai Kata Adjektif

Lazimnya, kata penguat berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif. Akan tetapi, dalam bahasa Melayu terdapat ayat yang mengandungi kata

penguat yang seolah-olah berfungsi menguatkan maksud kata kerja. Kata penguat dalam ayat sedemikian disalah tafsir sebagai kata adverba oleh masyarakat pengguna bahasa Melayu. Sila lihat contoh ayat berikut:

- (164) Aku terperangkap dalam keadaan yang *agak menggamamkan*. (p. 68)
- (165) Murni *amat menggemari* kenderaan pacuan empat roda. (p. 71)
- (166) Hasil pungutan tiket *amat menggalakkan*. (p. 86)
- (167) Tulisan Murni *lebih mengiring* ke kanan. (p. 115)

Dalam ayat (164) – (167), perkataan *agak*, *amat* dan *lebih* ialah kata penguat dan bukannya kata adverba. Ini dikatakan demikian kerana dalam bahasa Melayu terdapat sejumlah perkataan yang berbentuk kata kerja tetapi berfungsi sebagai kata adjektif dalam ayat dan perkataan ini boleh menerima kata penguat serta boleh digugurkan objeknya jika objeknya terdiri daripada orang pertama, sama ada berbentuk tunggal atau majmuk (Tatabahasa Dewan, p.391). Kata kerja dalam ayat-ayat di atas sebenarnya merupakan terjemahan bagi bentuk ‘gerund’ dalam bahasa Inggeris, iaitu bentuk bahasa dalam bahasa Inggeris yang berbentuk ‘ing’. Misalnya, *frightening*, *disappointing*, *shocking* dan *exciting*.

Kesimpulannya, perbincangan di atas mengingatkan pengguna bahasa supaya harus meneliti penggunaan atau kedudukan unsur-unsur bahasa dalam ayat sebelum mengklasifikasi unsur bahasa kepada golongan-golongan kata tertentu. Ini akan membolehkan pengguna bahasa menggunakan bahasa Melayu dengan lebih efisien tanpa ragu-ragu.

3.5 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan bentuk kata adverba, jenis kata adverba dan kata adverba semu dalam bahasa Melayu. Berdasarkan analisis, terdapat empat bentuk kata adverba dalam bahasa Melayu, iaitu bentuk kata adverba jati, kata adverba asalnya kata adjektif, kata adverba asalnya kata kerja dan kata adverba gandaan.

Dari segi fungsi, kata adverba dalam bahasa Melayu berfungsi menerangkan golongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba lain. Dalam semua bentuk kata adverba, cuma satu kehadiran kata adverba yang dikenal pasti berfungsi menerangkan frasa sendi nama dalam bahagian frasa predikat. Tidak ditemui sebarang contoh kehadiran kata adverba yang menerangkan frasa sendi nama yang menjadi unsur inti frasa predikat. Ini tidak bermakna bahawa kata adverba dalam bahasa Melayu tidak menerangkan frasa sendi nama. Cuma, dalam kajian yang dijalankan tidak dapat ditemui sebarang data kata adverba yang berfungsi menerangkan frasa sendi nama yang menjadi unsur inti frasa predikat.

Penjenisan kata adverba dilakukan berdasarkan huraian dan panduan yang dikemukakan dalam hasil karya tokoh-tokoh bahasa Melayu tempatan. Sebanyak tujuh jenis kata adverba telah dikenal pasti dalam kajian, iaitu kata adverba cara, kata adverba masa, kata adverba kekerapan, kata adverba kesungguhan, kata adverba aspek, kata adverba sifat perasaan, kata adverba keadaan dan kata adverba jarak. Berdasarkan dapatan kajian, kata adverba cara telah mencatatkan kehadiran yang tinggi berbanding dengan jenis kata adverba yang lain.

Akhirnya, perbincangan dan huraian mengenai kata adverba semu disertakan dalam bab ini untuk makluman pengguna bahasa, terutama penutur asli bahasa Melayu. Pengguna bahasa diberi panduan berkaitan kata adverba semu dari segi penggunaan

objek (kata nama) bagi kata kerja transitif, penggunaan deretan dua kata kerja dalam ayat, kata kerja tak transitif berpelengkap dengan awalan *beR-*, penggunaan perkataan *suka* dan *gemar* sebelum kata kerja, perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat dalam ayat pasif dan penggunaan kata penguat bagi perkataan yang berbentuk kata kerja tetapi membawa fungsi adjektif.

BAB 4: KATA ADVERBA DALAM BINAAN AYAT

4 . 1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kehadiran kata adverba dalam ayat, sekali gus memenuhi objektif kajian yang ketiga, iaitu menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat dengan menggunakan teknik rajah pohon. Kata adverba merupakan konsep yang masih baharu dalam masyarakat pengguna bahasa Melayu yang sering menimbulkan pertikaian dan persoalan.

Kedudukan kata adverba dalam binaan ayat merupakan satu fenomena yang menarik untuk diteliti. Umumnya, struktur konstituen setiap ayat bahasa Melayu terdiri daripada dua unsur yang penting, yakni subjek dan predikat. Analisis ini akan mencuba memperlihatkan kedudukan kata adverba dalam binaan ayat sama ada pada bahagian frasa subjek atau frasa predikat dengan menggunakan contoh-contoh data yang ditemukan dalam bahan kajian.

Bab ini juga akan merangkumi analisis kedudukan kata adverba dari segi kehadirannya di hadapan, di belakang atau di hadapan dan di belakang kata yang diterangkan dalam konstruksi ayat. Kedudukan kata adverba dalam binaan ayat akan dianalisis menggunakan rajah pohon pada ceraian-ceraian berlainan dalam bab ini. Di samping itu, kata adverba dalam binaan ayat dalam bahasa Melayu juga akan diteliti dari segi kehadirannya dalam frasa subjek, frasa predikat, sebahagian frasa predikat dan kata adverba yang menerangkan seluruh ayat.

4. 2 Kedudukan Kata Adverba Dalam Ayat

Kata adverba yang berfungsi sebagai penerang kepada kata nama, kata kerja, kata adjektif, frasa sendi nama dan kata adverba lain boleh hadir mendahului atau mengikuti perkataan yang diterangkan dalam binaan ayat. Dari sudut lain, kehadiran kata adverba dalam binaan ayat juga berfungsi menerangkan bahagian-bahagian frasa predikat (pecahan daripada frasa utama dalam frasa predikat) dan seluruh ayat. Penyataan di atas akan dianalisis satu persatu menggunakan teknik rajah pohon.

4. 3 Kehadiran Kata Adverba Dalam Frasa Subjek


Secara tradisi, subjek kepada sesuatu ayat ialah konstituen, sama ada yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan, yang berbentuk frasa nama atau yang berfungsi sebagai frasa nama, dan menjadi judul atau unsur yang diterangkan. Dalam kebanyakan bahasa, termasuk bahasa Melayu, bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil, subjek setiap ayat terdiri daripada frasa nama atau unsur yang berfungsi sebagai frasa nama (*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, 2008, p.342). Oleh itu, ayat yang mempunyai subjek yang tidak terdiri daripada frasa nama atau unsur yang berfungsi sebagai frasa nama, tidak dapat diterima sebagai ayat dalam bahasa Melayu.

4. 3. 1 Binaan Frasa Subjek

Berdasarkan penyataan di atas, jelas bahawa subjek hanya terdiri daripada frasa nama, tetapi unsur dalam subjek, yakni frasa nama boleh diterangkan oleh unsur-unsur lain seperti kata adjektif dan kata adverba. Sehubungan dengan itu, satu persoalan ialah apakah kata adverba boleh menerangkan kata nama dalam frasa subjek dan

bagaimanakah kedudukan kata adverba dalam frasa subjek? Maka, dalam bahagian ini, persoalan tersebut akan diteliti berdasarkan kata adverba yang diperoleh daripada bahan kajian.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hanya enam kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan kata nama dalam frasa subjek daripada keseluruhan 303 kehadiran kata adverba (Lampiran V). Selebihnya kata adverba yang didapati dalam kajian hadir pada frasa predikat (menerangkan unsur inti frasa predikat, bahagian-bahagian frasa predikat dan keseluruhan ayat). Berikut ialah rajah yang menunjukkan bilangan kehadiran kata adverba dalam frasa subjek dan frasa predikat.



Rajah 4.1: Kehadiran Kata Adverba dalam Frasa Subjek dan Frasa Predikat

4.3.2 Kata Adverba Mendahului Kata yang Diterangkan dalam Frasa Subjek

Berdasarkan kajian, tidak ada satu data kata adverba yang dapat dikenal pasti mendahului kata yang diterangkan dalam frasa subjek.


4. 3. 3 Kata Adverba Mengikuti Kata yang Diterangkan dalam Frasa Subjek

Berdasarkan kajian, terdapat hanya enam data kata adverba yang mengikuti kata yang diterangkan, yakni frasa nama dalam subjek ayat. Contohnya:

1. Nama timangan Nani *sekarang* ialah Nini. (36: 2: 3)
2. Kenyataan yang sedang kuhadapi *kini* bagaikan sebuah mimpi. (20:2:3)
3. Peristiwa *semalam* yang masih belum berkesudahan juga *mendadak* menerpa. (24: 1: 4)
4. Buku kerja Kimia Moden di hadapan mata sejak *tadi* belum pun lagi terusik. (1: 1: 6)
5. Sebaris kenyataan luahan Kamilah di dalam kelas pagi *tadi* ialah bayangan awalnya. (3: 3: 3)
6. Pertemuan di bilik pengetua *tadi* lebih bersifat penjelasan ringkas sebuah jawatankuasa *ad hoc*. (20: 3: 2)

Ayat (1) ‘Nama timangan Nani *sekarang* ialah Nini’, terdiri daripada frasa subjek *Nama timangan Nani sekarang* dan frasa predikat *ialah Nini*. Dalam ayat tersebut, kata adverba *sekarang* hadir selepas frasa nama, seperti yang tergambar dalam rajah pohon di bawah:

1.




Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *sekarang* hadir di belakang frasa nama *nama timangan Nani*. Kedudukan kata adverba *sekarang* dalam binaan ayat jelas digambarkan wujud dalam frasa subjek.


Seterusnya, ayat contoh (2), ‘Kenyataan yang sedang kuhadapi *kini* bagaikan sebuah mimpi’ ialah ayat yang telah mengalami peluasan frasa nama sebagai subjek. Dalam ayat tersebut, frasa nama *kenyataan kini* sebagai subjek telah diluaskan melalui proses relativisasi, iaitu ayat relatif *kenyataan sedang kuhadapi* telah dipancangkan ke dalam ayat induk *kenyataan kini bagaikan sebuah mimpi*. Frasa relatif dalam ayat (2) terbentuk dengan menggunakan kata hubung relatif *yang*. Contohnya:

2. (a) Kenyataan kini_i bagaikan sebuah mimpi.
- (b) Kenyataan kini_i sedang kuhadapi.

→ Kenyataan yang sedang kuhadapi kini bagaikan sebuah mimpi.


Perubahan dalam ayat (2) dapat dijelaskan melalui rajah pohon 2 (a) dan (b) yang berikut:





transformasi relativisasi

2 (b)




Rajah pohon 2 (a) dan (b) jelas menggambarkan kedudukan kata adverba *kini* dalam frasa nama pada frasa subjek. Berdasarkan rajah pohon tersebut, kata adverba *kini* hadir mengikuti frasa nama *kenyataan yang sedang kuhadapi* pada frasa subjek dalam binaan ayat.

Ayat (3) ‘Peristiwa *semalam* yang masih belum berkesudahan juga mendadak menerpa.’ yang merupakan ayat relatif yang ditandai dengan penggunaan kata hubung relatif ‘yang’, terdiri daripada dua ayat, iaitu:

3. (a) Peristiwa semalam mendadak menerpa.
- (b) Peristiwa semalam masih belum juga berkesudahan.

Apabila kedua-dua ayat itu dimajmukkan, ayat *Peristiwa semalam masih belum juga berkesudahan* dipancangkan ke dalam ayat induk *Peristiwa semalam mendadak menerpa*. Oleh sebab ungkapan *peristiwa semalam* diulang, maka ungkapan *peristiwa semalam* yang kedua itu digugurkan dan digantikan dengan kata hubung relatif *yang*. Dalam kedua-dua ayat 3 (a) dan (b), kata adverba hadir dalam bahagian frasa subjek. Kehadiran kata adverba *semalam* dalam binaan ayat (3) dapat dilihat dengan jelas melalui rajah pohon di bawah:


3.



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *semalam* hadir di belakang kata nama *peristiwa*. Kedudukan kata adverba *semalam* dalam binaan ayat jelas digambarkan wujud dalam frasa subjek.

Ayat (4) pula terdiri daripada frasa subjek *Buku kerja Kimia Moden di hadapan mata* *sejak tadi* dan frasa predikat *belum pun lagi terusik*. Dalam ayat tersebut, kata adverba *tadi* hadir selepas frasa sendi nama *di hadapan mata*, dalam binaan frasa subjek seperti yang tergambar dalam rajah pohon di bawah:

4.




Rajah pohon 4 menggambarkan kedudukan kata adverba *tadi* dalam frasa sendi nama, sebahagian daripada subjek frasa nama utama. Berdasarkan rajah pohon tersebut, kata adverba *tadi* hadir mengikut kata sendi nama *sejak* tetapi berfungsi menerangkan keseluruhan frasa nama utama *buku kerja Kimia Moden di hadapan mata* dalam subjek ayat. Dengan demikian, jelaslah bahawa kedudukan kata adverba *tadi* dalam binaan ayat digambarkan wujud dalam frasa subjek.

Seterusnya, contoh ayat (5), ‘Sebaris kenyataan luahan Kamilah di dalam kelas *tadi* ialah bayangan awalnya’ terdiri daripada pola ayat dasar FN + FN, iaitu subjek terdiri daripada frasa nama dan predikat juga terdiri daripada frasa nama. Dalam ayat ini kata

adverba *tadi* hadir selepas kata nama *pagi* dalam frasa subjek seperti yang tergambar dalam rajah pohon berikut:


5.



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *tadi* menerangkan *pagi* dalam frasa nama sebahagian daripada subjek, di bawah nodus frasa nama utama. Berdasarkan rajah pohon 5, frasa nama *pagi tadi* berfungsi menerangkan frasa nama utama *sebaris kenyataan luahan Kamilah* dalam subjek ayat. Kehadiran kata adverba *tadi* pula di belakang kata nama *pagi* dalam frasa subjek. Maka, kedudukan kata adverba *tadi* dalam binaan ayat jelas digambarkan wujud dalam frasa subjek dalam frasa nama bukan utama.

Ayat (6) juga terdiri daripada pola ayat dasar FN + FN, iaitu ‘Pertemuan di bilik pengetua *tadi* lebih bersifat penjelasan ringkas sebuah jawatankuasa ad hoc’. Subjek terdiri daripada frasa nama dan predikat juga terdiri daripada frasa nama. Dalam ayat ini, kata adverba *tadi* hadir di belakang kata nama *pengetua* dalam subjek ayat seperti yang tergambar dalam rajah pohon berikut:

6.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba *tadi* berfungsi menerangkan kata nama *pertemuan*, iaitu inti dalam subjek dan bukan menerangkan frasa sendi *di bilik pengetua* dalam subjek. Ternyata, kedudukan kata adverba *tadi* dalam binaan ayat digambarkan wujud dalam frasa subjek.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa kata adverba *kini*, *sekarang*, *semalam* dan *tadi* yang dianalisis dalam ayat (1) – (6) hadir di belakang kata nama atau frasa nama dalam binaan subjek ayat walaupun pada hakikatnya kata adverba boleh hadir di hadapan atau di belakang kata yang diterangkannya. Berdasarkan bahan yang dikaji, kedudukan kata adverba tersebut adalah dalam frasa nama utama atau frasa nama bukan utama. Seperkara lagi yang perlu ditekankan ialah hanya kata adverba jati sahaja yang hadir sebagai penerang kepada kata nama atau frasa nama dalam binaan subjek ayat. Maka, ternyata bahawa dalam frasa subjek kedudukan kata adverba adalah di belakang kata yang diterangkannya, yakni kata nama dan frasa nama.

4.4 Kehadiran Kata Adverba Dalam Frasa Predikat


Secara umumnya, frasa predikat dalam bahasa Melayu ialah kumpulan perkataan yang tergolong dalam satu frasa, sama ada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama dan menjadi unsur yang menerangkan subjek. Dalam bahasa Melayu, semua ayat, sama ada yang pendek atau yang panjang, yang berbentuk ayat mudah atau ayat kompleks dan yang berstruktur biasa atau songsang pasti terhasil daripada empat pola ayat dasar yang berikut (*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, 2008, p.344):

	Subjek	Predikat
Pola 1	Frasa Nama	Frasa Nama
Pola 2	Frasa Nama	Frasa Kerja
Pola 3	Frasa Nama	Frasa Adjektif
Pola 4	Frasa Nama	Frasa Sendi Nama

Dalam bahasa Melayu, kata adverba berfungsi sebagai penerang kepada unsur inti frasa predikat, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama, sebagai penerang kepada bahagian-bahagian predikat dan sebagai penerang kepada keseluruhan ayat. Berdasarkan dapatan kajian, kata adverba berfungsi sebagai penerang kepada unsur inti predikat frasa kerja dan predikat frasa adjektif, sebagai penerang kepada bahagian-bahagian predikat, iaitu frasa nama dalam sebahagian predikat, frasa adjektif dalam sebahagian predikat dan frasa sendi nama dalam sebahagian predikat dan sebagai penerang kepada keseluruhan ayat.

Berdasarkan penelitian bahan kajian, hanya terdapat dua pola ayat dasar yang mengandungi kata adverba, iaitu pola ayat frasa nama + frasa kerja (FN + FK) dan frasa nama + frasa adjektif (FN + FA). Daripada kedua-dua pola ayat ini, pola ayat FN + FK

mengandungi kehadiran kata adverba yang paling tinggi. Kehadiran kata adverba dalam pola ayat digambarkan melalui rajah di bawah:




Rajah 4.2: Kehadiran Kata Adverba dalam Pola Ayat

Carta pai di atas menunjukkan bahawa kata adverba yang menjadi penerang kepada kata kerja inti jauh lebih banyak daripada menjadi penerang kepada kata adjektif inti dalam predikat ayat. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa kedudukan kata adverba dalam pola ayat FN + FK, sama ada di hadapan atau di belakang kata kerja, ialah sebanyak 260 kehadiran manakala kedudukan kata adverba dalam pola ayat FN + FA, sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif, sebanyak 15 kehadiran (Lampiran W). Dalam kajian didapati bahawa kata adverba tidak menjadi penerang kepada frasa nama dan frasa sendi nama dalam frasa predikat (pola ayat FN + FN dan FN + FS). Ini dikatakan demikian kerana tiada satu data kata adverba dapat dikenal pasti dalam kajian yang berfungsi menerangkan frasa nama dan frasa sendi nama dalam frasa predikat.

Di samping itu, berdasarkan hasil kajian, kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat lebih tinggi berbanding dengan kehadiran kata

adverba yang berfungsi menerangkan bahagian-bahagian predikat. Perinciannya dapat dilihat melalui gambar rajah di bawah:



Rajah 4.3: Kata Adverba Sebagai Penerang Seluruh Ayat dan Sebahagian Predikat


Kesimpulannya, kata adverba dapat berfungsi sebagai penerang kepada unsur inti frasa predikat, bahagian-bahagian dalam predikat atau seluruh ayat. Justeru, kajian seterusnya akan meneliti kedudukan kata adverba yang menerangkan unsur inti frasa predikat, sama ada di hadapan, di belakang atau di hadapan dan di belakang kata yang diterangkannya, kedudukan kata adverba dalam sebahagian frasa predikat dan kedudukan kata adverba sebagai penerang seluruh ayat, dalam ceraian-ceraian berikut.

4. 4. 1 Kata Adverba dalam Predikat Frasa Nama

Berdasarkan kajian, tidak ada satu data kata adverba yang dapat ditemui berfungsi menerangkan frasa nama dalam frasa predikat dalam pola ayat FN + FN.

4. 4. 2 Kata Adverba dalam Predikat Frasa Kerja

Terdapat sebanyak 260 kehadiran kata adverba yang berfungsi sebagai penerang kata kerja atau frasa kerja dalam predikat ayat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 167 (termasuk dua kehadiran kata adverba berderet di hadapan) kehadiran mendahului, sebanyak 91 kehadiran mengikuti dan sebanyak dua kehadiran mendahului dan mengikuti kata kerja atau frasa kerja dalam predikat ayat. Perincian kedudukan kata adverba dalam predikat frasa kerja ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 4.4: Kedudukan Kata Adverba dalam Predikat Frasa Kerja

Seperti yang kelihatan dalam rajah di atas, kata adverba dapat hadir di hadapan, berderet di hadapan, di belakang atau di hadapan dan di belakang frasa kerja dalam frasa predikat.

a) Kata Adverba di Hadapan Kata Kerja dalam Frasa Predikat

Daripada data, terdapat 167 data kata adverba hadir di hadapan kata kerja dalam frasa predikat. Daripada jumlah tersebut, hanya dua kata adverba yang hadir berderet di hadapan kata kerja dalam frasa predikat. Dapatan kajian juga mencatatkan bahawa


kedudukan kata adverba mendahului kata kerja lebih banyak daripada kedudukan lain (Rajah 4. 4).

Kajian telah mengenal pasti dua contoh kehadiran kata adverba berderet di hadapan frasa kerja dalam frasa predikat. Contohnya adalah seperti yang berikut:

7. Dia *berpura-pura sibuk* menyemak fail projek Hari Sumbangsih. (138:3:5)
8. Mereka *sama-sama ikhlas* berkawan. (189: 4: 4)

Kehadiran kata adverba secara berderet dalam contoh ayat (7) dan (8) dapat digambarkan melalui rajah pohon berikut:


7.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon 7, kata adverba *berpura-pura* berfungsi menerangkan kata adverba *sibuk* (kata adverba asalnya kata adjektif), kemudian kata adverba *berpura-pura sibuk* berfungsi menerangkan frasa kerja *menyemak fail projek Hari Sumbangsih* dalam frasa predikat. Kata adverba *berpura-pura sibuk* hadir berderet-deret di hadapan frasa kerja dalam frasa predikat.

Dalam ayat (8), kata adverba hadir berturut-turut untuk menerangkan kata kerja, seperti yang tergambar dalam rajah pohon berikut:

8.



Dalam rajah pohon di atas, kelihatan kata adverba *sama-sama* berfungsi menerangkan kata adverba lain, *ikhlas* (kata adverba asalnya kata adjektif), kemudian kata adverba *sama-sama* *ikhlas* hadir berderetan untuk menerangkan kata kerja *berkawan*. Kesimpulannya, rajah pohon 7 dan 8 menunjukkan bahawa ayat bahasa Melayu mempunyai kata adverba yang hadir berderet-deret di hadapan frasa kerja dalam frasa predikat.


Seterusnya, berdasarkan kajian, terdapat sebanyak 165 kehadiran kata adverba yang mendahului frasa kerja dalam frasa predikat. Contohnya:

9. Kata-katanya *jarang* bertapis. (3: 1: 2)
10. Aku *sentiasa* ingat. (1: 3: 1)
11. Mata Cikgu Sofea *liar* meninjau ke sekitar makmal. (12: 1: 4)
12. Aku hanya *sempat* mengambil beg sekolah di dalam kelas. (22: 1: 2)
13. (Pernyataan perempuan itu) *sekali gus* merawat gusarku. (64: 4: 4)
14. (Aku) *pura-pura* mencari ayat-ayat yang kurang jelas keterangannya.

15. Dia akan *segera* pulih daripada demam panas. (35: 1: 1)
16. Falina yang terdengar cetusan kurang enak itu *pantas* menyongsong soal. (2: 4: 2)
17. Aku berasal daripada sebuah keluarga yang telah *biasa* hidup dalam kesusahan. (100: 1: 2)
18. Mereka *agaknya* terlupa aku gadis kampung. (87: 3: 2)

Dalam contoh ayat (9), iaitu ‘Kata-katanya *jarang* bertapis’, kedudukan kata adverba mendahului frasa kerja dapat digambarkan melalui rajah pohon di bawah:


9.



Dalam rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba *jarang* ternyata hadir dalam frasa predikat. Di samping itu, kata adverba *jarang* yang hadir di hadapan kata kerja *bertapis* berfungsi menerangkannya dalam predikat ayat.

Ayat (10), ‘Aku *sentiasa* ingat’ merupakan pola ayat dasar frasa nama + frasa kerja (FN + FK). Dalam ayat ini, subjek terdiri daripada hanya satu perkataan, iaitu kata nama (KN). Predikat pula terdiri daripada dua perkataan, iaitu kata adverba (KAdv) dan kata kerja (KK). Kedudukan kata adverba dalam ayat ini dapat diteliti dalam rajah pohon di bawah:


10.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba *sentiasa* hadir di hadapan kata kerja *ingat*. Kedudukan kata adverba *sentiasa* dalam binaan ayat jelas digambarkan wujud dalam frasa predikat.

Dalam ayat (11), iaitu ‘Mata Cikgu Sofea *liar* meninjau ke sekitar makmal’, kata adverba asalnya kata adjektif *liar* berfungsi menerangkan kata kerja *meninjau* yang mengikutinya. Rajah pohon 11 di bawah menggambarkan kehadiran kata adverba *liar* di hadapan kata kerja *meninjau* dalam predikat frasa kerja. Maka, jelaslah kedudukan kata adverba *liar* dalam binaan ayat wujud dalam frasa predikat seperti yang digambarkan dalam rajah pohon berikut:

11.



Seterusnya, dalam contoh ayat (12) ‘Aku hanya *sempat* mengambil beg sekolah di dalam kelas’, kata adverba *sempat* hadir di hadapan frasa kerja *mengambil beg sekolah* pada binaan predikat ayat. Tegasnya, kata adverba *sempat* dalam rajah pohon di bawah tidak dapat bertukar kedudukan selain mendahului frasa kerja *mengambil beg sekolah*. Sekiranya, kata adverba *sempat* diubah kedudukan ke belakang frasa kerja *mengambil beg sekolah*, sama ada mengikuti frasa kerja atau di hujung binaan ayat, maka akan lahir ayat yang tidak gramatis seperti berikut:


12

*Aku hanya mengambil beg sekolah *sempat* di dalam kelas.

* Aku hanya mengambil beg sekolah di dalam kelas *sempat*.


Dengan itu, ternyata bahawa kata adverba *sempat* harus hadir di hadapan frasa kerja dan bukan bebas kedudukan dalam frasa predikat. Lihat rajah pohon yang berikut:

12.



Dalam ayat (13), iaitu ‘(Pernyataan perempuan itu) *sekali gus* merawat gusarku’, keseluruhan frasa subjek ‘pernyataan perempuan itu’ telah mengalami pengguguran. Frasa predikat terdiri daripada kata adverba *sekali gus* dan frasa kerja *merawat gusarku*. Kedudukan kata adverba dalam ayat (13) dapat digambarkan melalui rajah pohon di bawah:

13.



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *sekali gus* hadir di hadapan frasa kerja *merawat gusarku*. Kedudukan kata adverba *sekali gus* dalam binaan ayat jelas digambarkan wujud dalam frasa predikat.

Berdasarkan penelitian terhadap ayat contoh (14), iaitu '(Aku) *pura-pura* mencari ayat-ayat yang kurang jelas keterangannya', didapati bahawa ayat (14) ialah peluasan frasa predikat, iaitu proses pemancangan ayat kecil relatif ke dalam ayat induk. Frasa nama yang akan mengalami relativisasi mestilah berfungsi sebagai subjek dalam ayat yang akan dipancangkan. Frasa relatif dalam ayat (14) terbentuk dengan menggunakan kata relatif *yang*. Contohnya:


14. (Aku) *pura-pura* mencari ayat-ayat_i. (ayat induk)

Ayat-ayat_i kurang jelas keterangannya. (ayat relatif)

→ (Aku) *pura-pura* mencari ayat-ayat yang kurang jelas keterangannya.


Perubahan tersebut dapat dijelaskan melalui rajah pohon berikut:

14 (a)



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba hadir dalam ayat induk *(aku) pura-pura mencari ayat-ayat*. Kedudukan kata adverba *pura-pura* adalah dalam predikat frasa kerja ayat induk. Kedudukan kata adverba *pura-pura* dalam binaan ayat induk dapat dijelaskan melalui rajah pohon di bawah:


14 (b)



Kata adverba *pura-pura* dalam rajah pohon di atas hadir di hadapan frasa kerja *mencari ayat-ayat*. Kedudukan kata adverba *pura-pura* ternyata hadir dalam predikat frasa kerja.

Ayat (15) pula, iaitu ‘Dia akan *segera* pulih daripada demam panas’ mengandungi kata adverba asalnya kata adjektif *segera* yang berfungsi menerangkan kata kerja tak transitif *pulih*. Kehadiran kata adverba *segera* dalam binaan ayat tersebut dapat dijelaskan melalui rajah pohon berikut:

15.



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa kata adverba *segera* hadir di hadapan kata kerja inti *pulih* dalam frasa predikat. Kedudukan kata adverba *segera* memang jelas wujud dalam frasa predikat dalam binaan ayat.

Seterusnya, ayat (16) ‘Falina yang terdengar cetusan kurang enak itu *pantas* menyongsong soal’ ialah peluasan frasa nama sebagai subjek. Umumnya, frasa nama sebagai subjek boleh diluaskan melalui proses relativisasi, iaitu proses pemancangan ayat ke dalam satu ayat lain sebagai frasa relatif kepada subjek ayat yang menerima pancangan. Frasa relatif dalam ayat (16) terbentuk dengan menggunakan kata relatif *yang*. Contohnya:


16. Falina_i *pantas* menyongsong soal.


Falina_i terdengar cetusan kurang enak itu.

→ Falina yang terdengar cetusan kurang enak itu *pantas* menyongsong soal.

Perubahan dalam ayat 16 dapat dijelaskan melalui rajah pohon (a) dan (b) yang berikut:


16(a)





transformasi relativisasi

16(b)



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba *pantas* hadir dalam frasa predikat dalam binaan ayat induk. Tegasnya, dalam kedua-dua rajah pohon tersebut kedudukan kata adverba *pantas* adalah di hadapan frasa kerja utama, *menyongsong soal* dalam frasa predikat.


Penelitian terhadap ayat (17), iaitu ‘Aku berasal daripada sebuah keluarga yang telah *biasa* hidup dalam kesusahan’ menunjukkan bahawa ayat (17) ialah peluasan frasa predikat. Dalam binaan ayat tersebut, ayat relatif *keluarga telah biasa hidup dalam kesusahan* telah dipancangkan ke dalam ayat induk *aku berasal daripada sebuah keluarga*. Frasa relatif dalam ayat (17) terbentuk dengan menggunakan kata relatif *yang*. Frasa nama yang akan mengalami relativisasi mestilah berfungsi sebagai subjek dalam ayat yang akan dipancangkan. Contohnya:

17. Aku berasal daripada sebuah keluarga_i.


Keluarga_i telah *biasa* hidup dalam kesusahan.

→ Aku berasal daripada sebuah keluarga yang telah *biasa* hidup dalam kesusahan.

Perubahan tersebut dapat dijelaskan melalui rajah pohon berikut:




Representasi rajah pohon di atas menunjukkan bahawa A_2 , iaitu ayat relatif merupakan sebahagian daripada frasa kerja (FK). Kata adverba *biasa* pula wujud dalam binaan ayat relatif (A_2). Lihat kedudukan kata adverba *biasa* dalam ayat relatif melalui rajah pohon di bawah:



Dalam rajah pohon 17 (a) dan (b) di atas, kata adverba *biasa* hadir pada predikat frasa kerja dalam binaan ayat relatif. Rajah pohon di atas juga menunjukkan bahawa kata adverba *biasa* hadir di hadapan kata kerja *hidup* dalam ayat relatif. Kedudukan kata adverba *biasa* jelas tergambar wujud dalam frasa predikat ayat relatif.

Dalam ayat (18), iaitu ‘Mereka *agaknya* terlupa aku gadis kampung’, kata hubung komplemen *bahawa* telah mengalami pengguguran. Dalam ayat itu, ayat *bahawa aku gadis kampung* merupakan objek kepada kata kerja transitif *terlupa*. Ayat (18) terdiri daripada subjek *mereka* dan kata kerja *terlupa* yang diterangkan oleh kata adverba *agaknya*, dan ayat *bahawa aku gadis kampung* yang seolah-olah menjadi objek kepada kata kerja itu. Ini dapat dijelaskan melalui rajah pohon yang berikut:

18.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba *agaknya* hadir di hadapan kata kerja *terlupa*. Rajah pohon di atas juga jelas menggambarkan kedudukan kata adverba *agaknya* dalam predikat frasa kerja.

Berdasarkan penelitian ayat-ayat (9) – (18) melalui rajah pohon, didapati bahawa kata adverba *jarang*, *sentiasa*, *liar*, *sempat*, *sekali gus*, *pura-pura*, *segera*, *pantas*, *biasa* dan *agaknya* yang dibincangkan dalam ceraian ini hadir di hadapan kata kerja atau frasa

kerja dalam binaan frasa predikat. Daripada sepuluh kata adverba yang dianalisis didapati bahawa lima kata adverba ialah kata adverba jati dan lima lagi ialah kata adverba asalnya kata adjektif. Seperkara lagi yang harus disedari ialah semua kata adverba yang dibincangkan dalam ceraian ini hanya berfungsi menerangkan unsur inti (frasa kerja) kepada konstituen frasa predikat.


b) Kata Adverba di Belakang Kata Kerja dalam Frasa Predikat

Berdasarkan kajian, didapati bahawa hanya 91 data kata adverba sahaja yang hadir di belakang kata kerja atau frasa kerja dalam konstituen frasa predikat. Antara kata adverba tersebut termasuklah kata adverba yang bercetak miring dalam ayat contoh di bawah:

19. Aku menarik nafas *dalam-dalam*. (1: 1: 2)
20. Aini ketawa *terkekeh-kekeh*. (7: 6: 1)
21. Aku bersandar *dahulu* di pinggir sebuah meja. (9: 1: 1)
22. Aku mampu hidup *mewah* dan tidak perlu mengikat perut setiap hari.(11: 4: 6)
23. Semua orang berhak menghukum aku *sebegitu*. (3: 5: 5)
24. Izinkanlah dia balik *sese kali* ke sini, encik. (33: 4: 1)
25. Kawan-kawan yang kujemput mulai sampai *berduyun-duyun*.
26. Sambil memicit *lembut* puncak hidung, tangan kiriku menarik senaskah buku rujukan. (7: 2: 3)
27. Laili yang cedera *parah* masih berada di dalam wad ICU. (209: 3: 6)
28. Aku memegang *erat* lengan Kak Rozan dan memandang *jauh* ke dalam matanya. (18: 5: 2)
29. Semua pengawas lelaki kelasku tidak ada di makmal kimia *tadi*. (16: 1: 1)

Ayat (19), iaitu ‘Aku menarik nafas *dalam-dalam*’ merupakan binaan pola ayat nama + frasa kerja. Dalam ayat ini, kata adverba hadir sesudah frasa kerja dalam predikat ayat. Representasi rajah pohon berikut dapat menjelaskan kedudukan kata adverba dalam binaan ayat tersebut dengan jelas.


19.



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa kata adverba *dalam-dalam* berfungsi sebagai penerang kepada frasa kerja *menarik nafas* walaupun hadir sesudah kata nama *nafas*. Kedudukan kata adverba *dalam-dalam* dalam binaan ayat jelas tergambar wujud dalam predikat frasa kerja.

Berikut ialah rajah pohon bagi ayat *Aini ketawa terkekeh-kekeh*, iaitu ayat (20).


20.



Dalam rajah pohon ini kata adverba *terkekeh-kekeh* hadir di belakang kata kerja inti, *ketawa* dalam binaan frasa predikat. Kedudukan kata adverba *terkekeh-kekeh* juga jelas digambarkan wujud dalam predikat frasa kerja dalam binaan ayat.

Ayat seterusnya, ayat (21), iaitu ‘Aku bersandar *dahulu* di pinggir sebuah meja’ terdiri daripada kata adverba jati *dahulu* yang berfungsi menerangkan kata kerja tak transitif *bersandar*. Kehadiran kata adverba *dahulu* dalam binaan ayat dapat diteliti melalui rajah pohon berikut:

21.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba jati *dahulu* hadir selepas kata kerja tak transitif *bersandar* dalam binaan ayat. Kedudukan kata adverba *dahulu* dalam binaan ayat juga tergambar wujud dalam predikat frasa kerja.


Ayat (22), ‘Aku mampu hidup *mewah* dan tidak perlu mengikat perut setiap hari’ merupakan ayat majmuk gabungan yang mengandungi dua ayat tunggal. Kedua-dua ayat tunggal itu digabungkan oleh kata hubung *dan*. Ayat-ayat tunggal tersebut adalah seperti yang berikut:

22 (a) Aku mampu hidup *mewah*.

(b) Aku tidak perlu mengikat perut setiap hari.

Kata adverba *mewah* hadir dalam ayat tunggal ‘Aku mampu hidup *mewah*’. Lihat representasi rajah pohon di bawah:

22(a)




Rajah pohon di atas memperlihatkan bahawa kata adverba *mewah* hadir sesudah kata kerja *hidup* dalam binaan ayat 22(a). Rajah pohon di atas juga jelas menggambarkan kedudukan kata adverba *mewah* dalam predikat frasa kerja.

Ayat contoh (23), iaitu ‘Semua orang berhak menghukum aku *sebegini*’ merupakan ayat yang terbit sebagai bentuk struktur permukaan. Ini dikatakan demikian kerana ayat tersebut terbit seperti yang dilafazkan oleh penutur dengan mengalami pengguguran kata hubung gabungan *dan*. Walhal ayat tersebut dalam struktur dalaman diterbitkan seperti yang terhasil dalam minda tanpa sebarang gangguan seperti ‘Semua orang berhak dan menghukum aku *sebegini*.’ Sesungguhnya, ayat tersebut mengandungi dua ayat tunggal seperti yang berikut:

- 23 (a) Semua orang berhak.
- (b) Semua orang menghukum aku *sebegini*.

Representasi rajah pohon bagi ayat (23) dalam struktur dalaman adalah seperti yang berikut:

23.



Rajah pohon di atas menggambarkan kedudukan kata adverba *sebegitu* dalam predikat frasa kerja ayat 23(b). Dalam ayat tersebut, kata adverba *sebegitu* hadir di belakang frasa kerja *menghukum aku* dan berfungsi sebagai penerang kepada frasa kerja inti dalam frasa predikat.


Seterusnya, ayat (24), iaitu ‘Izinkanlah dia balik *sese kali* ke sini, encik’, seharusnya ditulis sebagai *Encik izinkanlah dia balik sese kali ke sini*. Ayat tersebut ialah ayat majmuk yang terdiri daripada dua ayat tunggal seperti berikut:

24 (a) Encik izinkanlah dia.

(b) Dia balik sese kali ke sini.

Berdasarkan ayat di atas, kata adverba hadir dalam ayat 24(b). Kehadiran kata adverba *sese kali* di belakang kata kerja *balik* jelas dapat diperhatikan dalam rajah pohon di bawah. Kedudukan kata adverba *sese kali* dalam binaan ayat (24) wujud dalam predikat frasa kerja jelas tergambar melalui rajah pohon berikut:

24.




Seterusnya, ayat (25) ‘Kawan-kawan yang kujemput mulai sampai *berduyun-duyun*’ ialah peluasan frasa nama subjek, iaitu subjek ayat menerima pancangan ayat kecil (ayat relatif). Frasa relatif dalam ayat tersebut terbentuk dengan menggunakan kata relatif *yang*. Ayat relatif dalam ayat (25) berbentuk pasif. Sesungguhnya bentuk aktif ayat relatif tersebut ditulis sebagai *Aku menjemput kawan-kawan*. Contohnya:

25. Kawan-kawan kujemput. (bentuk pasif ayat relatif)
 Aku menjemput kawan-kawan. (bentuk aktif ayat relatif)
 Kawan mulai sampai berduyun-duyun. (ayat induk)
 Kata hubung relatif : *yang*

Kata adverba dalam ayat (25) hadir dalam ayat induk dan berfungsi menerangkan kata kerja *sampai*. Kedudukan kata adverba *berduyun-duyun* dalam binaan ayat dapat dijelaskan melalui rajah pohon berikut:

25. .



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba *berduyun-duyun* hadir di belakang frasa kerja *mulai sampai* dalam ayat induk. Kedudukan kata adverba *berduyun-duyun* dalam binaan ayat (25) jelas digambarkan wujud dalam predikat frasa kerja.


Ayat contoh (26), iaitu ‘Sambil memicit *lembut* puncak hidung, tangan kiriku menarik senaskah buku rujukan’ merupakan ayat majmuk. Dalam ayat majmuk ini, keseluruhan ayat tunggal kedua telah mengalami pendepanan. Ayat (26) seharusnya ditulis sebagai *Tangan kiriku menarik senaskah buku rujukan sambil memicit lembut puncak hidung.* Ayat (26) mempunyai dua ayat tunggal seperti yang berikut:

26 (a) Tangan kiriku menarik senaskah buku rujukan.


(b) Tangan kiriku memicit *lembut* puncak hidung.

Kata adverba *lembut* dalam ayat (26) hadir dalam ayat tunggal 26 (b). Kehadiran kata adverba dalam ayat di atas dapat diperjelas melalui rajah pohon yang berikut:

26.



26 (b).




Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba *lembut* adalah di belakang kata kerja *memicít* dalam frasa predikat. Dalam ayat di atas, kata adverba *lembut* berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja *memicít*. Ternyata bahawa kata adverba *lembut* hadir pada frasa predikat ayat tunggal kedua dalam ayat majmuk *Tangan kiriku menarik senaskah buku rujukan sambil memicít lembut puncak hidung*.

Ayat contoh (27) ‘Laili yang cedera *parah* masih berada di dalam wad ICU ‘ ialah ayat majmuk pancangan relatif. Dalam ayat ini terdapat satu ayat kecil yang dipancangkan ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata hubung *yang*. Dua ayat yang terdapat dalam ayat (27) ialah:

- 27 (a) Laili masih berada di dalam wad ICU.
 (b) Laili cedera *parah*.

Apabila kedua-dua ayat tersebut dimajmukkan, ayat kecil relatif *Laili cedera parah* dipancangkan ke dalam ayat induk *Laili masih berada di dalam wad ICU*. Oleh sebab subjek *Laili* diulang, maka *Laili* yang kedua itu digugurkan dan digantikan dengan kata hubung relatif *yang*. Kata adverba dalam ayat (27) hadir dalam ayat kecil relatif. Kedudukan kata adverba dalam ayat tersebut dapat digambarkan melalui rajah pohon berikut:

27.



Dalam rajah pohon di atas, kelihatan jelas bahawa kata adverba *parah* berada pada frasa predikat pada ayat kecil relatif, berfungsi menerangkan kata kerja inti, *cedera*. Tegasnya, dalam rajah pohon tersebut kedudukan kata adverba *parah* adalah di belakang kata kerja *cedera*.


Ayat contoh (28), iaitu ‘Aku memegang *erat* lengan Kak Rozan dan memandang *jauh* ke dalam matanya’ ialah ayat majmuk gabungan yang terdiri daripada dua ayat tunggal seperti yang berikut:

- 28 (a) Aku memegang *erat* lengan Kak Rozan.
 (b) Aku memandang *jauh* ke dalam matanya.


===== Aku memegang *erat* lengan Kak Rozan dan memandang *jauh* ke dalam matanya.

Kedua-dua ayat 28 (a) dan (b) di atas digabungkan dengan menggunakan kata hubung gabungan *dan*. Berdasarkan ayat (28), kata adverba hadir pada kedua-dua ayat tunggal dalam ayat majmuk tersebut. Kedudukan kata adverba dalam ayat majmuk (28) dan dalam kedua-dua ayat tunggal dapat diperjelas melalui rajah pohon yang berikut:


28.



28 (a)




28(b)



Representasi rajah pohon di atas jelas memaparkan kehadiran kata adverba dalam kedua-dua ayat tunggal dalam ayat (28). Dalam kedua-dua ayat A₁ dan A₂, kedudukan kata adverba *erat* dan *jauh* adalah dalam predikat frasa kerja yang masing-masing berfungsi menerangkan kata kerja *memegang* dan *memandang*. Kata adverba *erat* dalam ayat A₁ hadir di belakang kata kerja *memegang*. Demikian juga dengan kata adverba *jauh* dalam ayat A₂, hadir di belakang kata kerja *memandang*.

Seterusnya, ayat (29) *Semua pengawas lelaki kelasku tidak ada di makmal kimia tadi* seolah-olah memperlihatkan kedudukan kata adverba *tadi* adalah dalam frasa sendi nama, dalam predikat frasa kerja. Akan tetapi, kedudukan kata adverba *tadi* dalam ayat (29) sebenarnya adalah dalam predikat frasa kerja inti. Kedudukan kata adverba *tadi* dalam binaan ayat (29) dapat diperjelas melalui rajah pohon berikut:

29.



Dalam rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba *tadi* jelas digambarkan wujud dalam predikat frasa kerja. Namun demikian, kata adverba *tadi* dalam binaan ayat ini, berfungsi menerangkan keseluruhan predikat frasa kerja *tidak ada di makmal kimia*.

Kesimpulannya, kesemua sepuluh contoh ayat (19) – (29) yang dianalisis dalam ceraian ini jelas memperlihatkan kehadiran kata adverba *dalam-dalam, terkekeh-kekeh, dahulu, mewah, sebegitu, sesekali, berduyun-duyun, lembut, parah, erat, jauh* dan *tadi* di belakang kata kerja atau frasa kerja bagi melaksanakan fungsinya. Kedudukan semua kata adverba yang dibincangkan dalam binaan ayat juga jelas digambarkan wujud dalam predikat frasa kerja.

c) **Kata Adverba di Hadapan dan di Belakang Kata Kerja**


Berdasarkan hasil penelitian, terdapat hanya dua contoh kehadiran kata adverba yang hadir serentak di hadapan dan di belakang kata kerja inti dalam frasa predikat.

Contohnya:

30. Kami tidak *sempat* bercakap *panjang* kerana aku kehilangan kata-kata. (97: 5: 3)
31. Wajahnya tidak *sempat* kutatap *sebaik-baiknya*. (114: 2: 2)

Contoh ayat (30) ialah ayat majmuk keterangan yang terdiri daripada satu ayat induk *kami tidak sempat bercakap panjang* dan ayat kecil *aku kehilangan kata-kata*. Dalam ayat tersebut kata hubung *kerana* menjalinkan ayat induk dengan ayat kecil (ayat keterangan). Dalam ayat (30), kehadiran kata adverba adalah pada frasa predikat ayat induk. Kehadiran kata adverba dalam ayat induk dapat diteliti melalui rajah pohon yang berikut:

30.




Rajah pohon di atas jelas menggambarkan kedudukan kata adverba dalam predikat frasa kerja dalam ayat induk *Kami tidak sempat bercakap panjang*. Dalam ayat induk, kata adverba *sempat* hadir di hadapan kata kerja *bercakap* dan kata adverba *panjang* pula hadir di belakang kata kerja *bercakap*. Kata adverba *panjang* berfungsi

menerangkan kata kerja *bercakap* manakala kata adverba *sempat* berfungsi menerangkan frasa kerja *bercakap panjang* pada frasa predikat dalam ayat induk.

Demikian juga dengan kata adverba *sempat* dan *sebaik-baiknya* dalam ayat (31), masing-masing hadir di hadapan dan di belakang frasa kerja yang diterangkan. Sebenarnya, ayat (31) ‘Wajahnya tidak *sempat* kutatap *sebaik-baiknya*’ ialah ayat pasif. Kedudukan kata adverba dalam ayat tersebut boleh diperjelas melalui representasi rajah pohon yang berikut:

31.



Berdasarkan rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba *sempat* dan *sebaik-baiknya* adalah dalam frasa predikat. Kata adverba *sempat* mendahului frasa kerja *kutatap* dan kata adverba *sebaik-baiknya* mengikuti frasa kerja *kutatap* dalam frasa predikat ayat yang sama. Kata adverba *sempat* dalam binaan ayat tersebut berfungsi menerangkan frasa kerja *kutatap* manakala kata adverba *sebaik-baiknya* berfungsi menerangkan keseluruhan ayat *wajahnya tidak sempat kutatap*.

Kesimpulannya, ayat (30) dan (31) mengesahkan bahawa ayat bahasa Melayu mempunyai kata adverba yang hadir serentak di hadapan dan di belakang kata kerja atau frasa kerja yang diterangkannya dalam binaan frasa predikat.

4. 4. 3 Kata Adverba dalam Predikat Frasa Adjektif

Dalam ayat bahasa Melayu, kata adverba juga berfungsi menerangkan kata adjektif dalam frasa predikat. Kehadirannya pula boleh mendahului atau mengikuti kata adjektif dalam frasa predikat. Berdasarkan kajian, terdapat sebanyak 15 kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan kata adjektif dalam frasa predikat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 kehadiran kata adverba mendahului dan hanya satu kehadiran kata adverba mengikuti kata adjektif dalam frasa predikat.


a) Kata Adverba di Hadapan Kata Adjektif

Kajian telah mengenal pasti sebanyak 14 kehadiran kata adverba yang mendahului kata adjektif dalam frasa predikat. Antaranya adalah seperti yang berikut:


32. Makmal kimia sudah *beransur-ansur* lengang. (1 : 2: 1)
33. Kamilah *sering* marah-marah tidak menentu masa. (6: 5: 3)
34. Aku *benar-benar* bingung. (21: 2: 1)
35. Keadaannya *hampir* sama. (30: 6: 4)
36. Aku dibesarkan dalam keadaan yang *serba-serbi* kolot. (21: 2: 4)

Dalam contoh ayat (32) – (36), kehadiran kata adverba adalah dalam frasa predikat ayat. Kedudukan kata adverba dalam binaan ayat-ayat tersebut dapat diperjelas melalui rajah-rajah pohon yang berikut:


32.




33.




34.



35.



36.



Seperti yang kelihatan dalam kelima-lima rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba dalam binaan ayat adalah dalam frasa predikat, di hadapan kata adjektif inti.

Tegasnya, dalam rajah pohon (32) – (36), kata adverba *beransur-ansur*, *sering*, *benar-benar*, *hampir* dan *serba-serbi* masing-masing hadir di hadapan kata adjektif *lengang*, *marah-marah*, *bingung*, *sama* dan *kolot*. Maka, ternyata bahawa kedudukan kata adverba dalam binaan ayat bahasa Melayu hadir di hadapan kata adjektif dalam frasa predikat.


b) Kata Adverba di Belakang Kata Adjektif

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa hanya terdapat satu kehadiran kata adverba yang mengikuti kata adjektif dalam frasa predikat. Contohnya:

37. Kali ini, (keadaan diam) lebih lama *sedikit*. (107: 2: 1)

Dalam ayat di atas, subjek ayat telah mengalami pengguguran dan sebahagian predikat telah mengalami pendepanan. Sesungguhnya, ayat tersebut asalnya berbentuk (*keadaan diam*) *lebih lama sedikit pada kali ini*. Kehadiran kata adverba dalam ayat (37) adalah di belakang kata adjektif dalam frasa predikat. Kedudukan kata adverba dalam ayat di atas dapat diperjelas melalui rajah pohon yang berikut:

37.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba *sedikit* adalah di belakang frasa adjektif *lebih lama* dalam predikat ayat. Kata adverba *sedikit* dalam ayat (37) tergolong dalam bentuk kata adverba asalnya kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang kepada frasa adjektif *lebih lama* dalam frasa predikat.

Kesimpulannya, berdasarkan analisis tentang kedudukan kata adverba dalam binaan ayat, didapati bahawa kata adverba dalam bahasa Melayu boleh juga hadir di belakang kata adjektif dalam frasa predikat untuk melaksanakan tugasnya.

c) Kata Adverba di Hadapan dan di Belakang Kata Adjektif


Berdasarkan kajian, tidak ada satu data kata adverba yang dapat ditemui yang hadir di hadapan dan di belakang kata adjektif dalam binaan predikat sebagai penerang frasa adjektif bagi pola ayat FN + FA.

4.5 Kehadiran Kata Adverba Dalam Bahagian-Bahagian Frasa Predikat

Seperti yang diketahui umum, fungsi lazim kata adverba ialah sebagai penerang kepada unsur inti dalam binaan predikat ayat. Akan tetapi kata adverba juga hadir dalam bahagian-bahagian frasa predikat (pecahan daripada frasa utama dalam frasa predikat) sebagai penerang kepada kata yang mendahului atau mengikutinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak lapan kehadiran kata adverba wujud dalam bahagian-bahagian frasa predikat.

Berdasarkan kajian, didapati bahawa kata adverba juga menerangkan frasa nama, frasa adjektif dan frasa sendi nama dalam bahagian-bahagian frasa predikat. Kata

adverba berfungsi menerangkan frasa nama dalam sebahagian frasa predikat sebanyak tiga kehadiran, frasa adjektif sebanyak satu kehadiran dan frasa sendi nama sebanyak empat kehadiran (Lampiran X). Kajian tidak dapat mengenal pasti sebarang data kata adverba yang menerangkan frasa kerja dalam sebahagian frasa predikat. Perincian datanya ditunjukkan dalam rajah yang berikut:



Rajah 4. 5: Kehadiran Kata Adverba dalam Sebahagian Frasa Predikat

4. 5. 1 Kata Adverba dalam Bahagian Predikat Frasa Nama


Dalam kajian, sebanyak tiga kehadiran kata adverba dapat dikenal pasti yang berfungsi menerangkan frasa nama dalam sebahagian frasa predikat. Contohnya:

38. Pagi *tadi*, kau juga bising-bising bercerita. (6: 5: 1)
39. Pagi *semalam*, aku diberikan tanda nama Tengku Murni. (49: 5: 2)
40. Mereka akan menjayakan Malam Bakat Sumbangsih yang akan diadakan malam *lusa*. (177: 4: 6)

Binaan ayat (38) telah mengalami pendepanan sebahagian frasa predikat. Bentuk asal ayat tersebut ialah *Kau juga bising-bising bercerita pagi tadi*. Kedudukan kata adverba

tadi yang menerangkan kata nama dalam ayat tersebut boleh diteliti menggunakan rajah pohon berikut:


38.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kata adverba *tadi* hadir di belakang kata nama *pagi* dalam frasa nama sebahagian daripada frasa kerja. Kata adverba *tadi* dalam binaan ayat tersebut berfungsi menerangkan *pagi* dalam frasa nama. Kedudukannya pula jelas tergambar wujud dalam frasa nama dalam predikat frasa kerja.

Seterusnya, ayat (39), iaitu ‘Pagi semalam, aku diberikan tanda nama Tengku Murni’ juga telah mengalami pendepanan sebahagian frasa predikat. Bentuk asal ayat tersebut ialah *Aku diberikan tanda nama Tengku Murni pagi semalam*. Kedudukan kata adverba *semalam* dalam binaan ayat dapat diteliti melalui rajah pohon berikut:

39.



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *semalam* hadir di belakang kata nama *pagi* dalam frasa nama sebahagian daripada frasa kerja. Kata adverba *semalam* dalam binaan ayat tersebut berfungsi menerangkan *pagi* dalam frasa nama. Kedudukannya juga jelas digambarkan wujud dalam frasa nama, sebahagian daripada frasa kerja dalam predikat ayat.

Ayat (40) ‘Mereka akan menjayakan Malam Bakat Sumbangsih yang akan diadakan malam *lusa*’ ialah ayat majmuk relatif yang terdiri daripada satu ayat relatif yang dipancangkan ke dalam ayat induk dengan menggunakan kata hubung relatif *yang*. Sebenarnya, proses pemancangan dalam ayat (40) telah meluaskan frasa predikat. Ayat-ayat tersebut adalah seperti yang berikut:


40. Mereka akan menjayakan Malam Bakat Sumbangsih.

Malam Bakat Sumbangsih akan diadakan malam *lusa*.


→ Mereka akan menjayakan Malam Bakat Sumbangsih yang akan diadakan malam *lusa*.

Kata adverba dalam binaan ayat (40) hadir dalam ayat relatif. Perubahan dalam ayat (40) dapat diteliti dan diperjelas melalui rajah pohon (a) dan (b) yang berikut:

40 (a)



40 (b)



Dalam rajah pohon 40 (b), kata adverba *lusa* hadir dalam binaan ayat relatif. Kata adverba *lusa* hadir di belakang kata nama *malam* dalam frasa nama, sebahagian daripada predikat frasa kerja. Rajah pohon tersebut jelas menggambarkan kedudukan kata adverba *lusa* wujud dalam frasa nama, sebahagian daripada frasa kerja dalam predikat ayat relatif.

Kesimpulannya, penelitian terhadap ayat (38) – (40) mendapat bahawa kesemua kata adverba *tadi*, *semalam* dan *lusa* yang dibincangkan dalam ceraian ini hadir di belakang kata nama dalam frasa nama, sebahagian daripada predikat frasa kerja.


4. 5. 2 Kata Adverba dalam Bahagian Predikat Frasa Adjektif

Berdasarkan kajian hanya satu kehadiran kata adverba sahaja dapat dikenal pasti yang berfungsi menerangkan frasa adjektif dalam sebahagian frasa predikat. Contohnya:

41. (Aku) digantung sekolah *hampir* pasti. (2: 3: 1)

Ayat (41) memperlihatkan pola ayat frasa nama + frasa kerja (FN + FK). Namun, susunan yang lebih lazim ialah *Aku hampir pasti digantung sekolah*. Kedudukan kata adverba pada binaan ayat (41) adalah dalam bahagian predikat frasa adjektif. Rajah pohon berikut dapat menjelaskan kedudukan kata adverba *hampir* dalam ayat (41).

41.



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa kata adverba *hampir* hadir di hadapan kata adjektif *pasti* dalam frasa adjektif sebahagian daripada predikat frasa kerja. Kedudukan kata adverba *hampir* dalam binaan ayat jelas digambarkan wujud dalam frasa adjektif, dalam predikat frasa kerja.

4.5.3 Kata Adverba dalam Bahagian Predikat Frasa Sendi Nama


Sebanyak empat kehadiran kata adverba yang menerangkan frasa sendi nama dalam sebahagian frasa predikat telah dikenal pasti dalam kajian. Contohnya:

42. Sejak *tadi* aku tengok, macam ada masalah saja. (2: 5: 2)
43. Di sana *kelak*, aku akan membuat pengakuan. (12: 4: 2)
44. Pertandingan tersebut bakal diadakan pada pagi *lusa* di dewan sekolah.
45. Benarkah aku akan mempengurusikan forum bertajuk “Peranan” pada pagi *lusa*?

Ayat-ayat di atas memperlihatkan pola ayat frasa nama + frasa kerja (FN + FK).

Akan tetapi kedudukan kata adverba dalam binaan ayat di atas wujud dalam frasa sendi nama dalam sebahagian frasa predikat ayat tersebut. Dalam ayat (42), binaan ayatnya telah mengalami pendepenan sebahagian frasa predikat. Bentuk asal ayat tersebut ialah *Aku tengok macam ada masalah saja sejak tadi*. Kedudukan kata adverba *tadi* dalam binaan ayat dapat diteliti melalui rajah pohon berikut:


42.



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *tadi* mengikuti kata sendi nama *sejak* dalam frasa sendi nama, sebahagian daripada predikat frasa kerja. Kata adverba *tadi* berfungsi menerangkan *sejak* dalam frasa sendi nama. Kedudukan kata adverba *tadi* jelas digambarkan wujud dalam frasa sendi nama, sebahagian frasa predikat.

Dalam ayat (43), iaitu ‘Di sana *kelak*, aku akan membuat pengakuan’ sebahagian frasa predikat telah mengalami pendepan. Bentuk asal ayat tersebut ialah *Aku akan membuat pengakuan di sana kelak*. Kedudukan kata adverba dalam ayat (43) dapat diperjelas melalui rajah pohon berikut:

43.




Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *kelak* hadir dalam frasa sendi nama, sebahagian daripada frasa kerja tetapi berfungsi menerangkan keseluruhan frasa predikat *membuat pengakuan di sana*. Kedudukannya pula jelas tergambar wujud dalam frasa sendi nama, dalam sebahagian frasa predikat.

Bahagian predikat binaan ayat (44), iaitu *Pertandingan tersebut bakal diadakan pada pagi lusa di dewan sekolah* terdiri daripada dua nodus frasa sendi nama. Kehadiran kata adverba *lusa* dalam ayat adalah di belakang kata nama *pagi* dalam

bahagian predikat frasa sendi nama₁ (FS₁). Kedudukannya dalam ayat dapat diteliti menggunakan rajah pohon berikut:


44.



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa kata adverba *lusa* berfungsi menerangkan kata nama *pagi* dalam frasa sendi nama (FS₁), sebahagian daripada frasa kerja dalam binaan predikat ayat. Kedudukan kata adverba *lusa* jelas digambarkan wujud dalam frasa sendi nama₁, dalam sebahagian frasa predikat.

Bahagian predikat ayat seterusnya (ayat 45, *Benarkah aku akan mempengerusikan forum bertajuk “Peranan” pada pagi lusa?*) juga terdiri daripada dua nodus, iaitu frasa nama dan frasa sendi nama. Kehadiran kata adverba dalam binaan ayat ini wujud dalam frasa sendi nama dalam predikat frasa kerja. Kehadiran kata adverba *lusa* dalam binaan ayat dapat digambarkan melalui rajah pohon berikut:

45.



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa kata adverba *lusa* hadir mengikuti kata nama *pagi* yang diterangkannya dalam frasa sendi nama sebahagian daripada frasa kerja predikat ayat. Kesimpulannya, kedudukan kata adverba *tadi*, *kelak* dan *lusa* dalam binaan ayat (42) – (45) jelas digambarkan wujud dalam frasa sendi nama, sebahagian daripada frasa kerja predikat ayat.

4.6 Kata Adverba yang Menerangkan Seluruh Ayat


Hasil kajian menunjukkan bahawa kata adverba bukan sahaja dapat berfungsi menerangkan unsur inti frasa predikat, frasa subjek, bahagian frasa predikat malah dapat juga berfungsi menerangkan seluruh ayat. Pernyataan Arbak Othman (1981, p.157) tentang kata adverba juga selaras dengan dapatan kajian, iaitu kata adverba juga berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat.

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa sebanyak 41 kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat (Lampiran W). Antara contoh ayat adalah seperti yang berikut:

46. *Perlahan-lahan* aku menarik nafas dalam-dalam. (1: 1: 2)
47. *Tiba-tiba* aku disergap silu. (92: 3: 3)
48. Agak *tergagap-gagap* luhan itu kulafazkan. (4: 6: 2)
49. Aku benar-benar takut *kini*. (12: 2: 3)
50. *Semalaman* aku tidak dapat tidur lena. (24: 1: 3)
51. Umur Nani 17 tahun *sekarang*. (32: 4: 3)
52. *Semalam* saya lewat masuk ke kelas. (50: 3: 1)
53. *Seelok-eloknya* hatinya kujaga. (157: 1: 6)
54. *Kali pertama*, aku gagal mengawal rasa gugup. (123: 5: 1)
55. Dia akan kecur liur kalau *sese kali* mak long menggoreng ayam. (61: 2: 3)


Kehadiran kata adverba dalam ayat (46) – (55) dapat diteliti dan diperjelas satu per satu melalui rajah pohon yang berikut:

46.



Rajah pohon di atas menunjukkan bahawa kedudukan kata adverba *perlahan-lahan* wujud di luar frasa subjek tetapi pada hakikatnya kata adverba tersebut wujud dalam predikat ayat. Lihat rajah pohon di bawah:


46 (a)



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *perlahan-lahan* hadir di hadapan frasa kerja *menarik nafas dalam-dalam*. Pada awalnya, kata adverba yang menerangkan seluruh makna ayat hadir dalam predikat, di hujung ayat. Akan tetapi, susunan sebegitu tidak memberikan tekanan yang ingin disampaikan. Oleh yang demikian, kata adverba *perlahan-lahan* dikedepankan seperti dalam rajah pohon 46(a) untuk memberi fokus kepada cara *nafas ditarik*. Akhirnya, jelaslah kehadiran kata adverba *perlahan-lahan* dalam binaan ayat berfungsi menerangkan seluruh ayat, iaitu *Aku menarik nafas dalam-dalam.*


Ayat (47) *aku disergap silu* mempunyai kehadiran kata adverba *tiba-tiba* di hadapan binaan ayat. Kedudukan asal kata adverba *tiba-tiba* dalam binaan ayat adalah dalam binaan predikat ayat. Telah berlaku perpindahan kata adverba *tiba-tiba* ke depan ayat. Perpindahan tersebut dapat dijelaskan melalui rajah pohon 47 (a) dan (b) seperti yang berikut:

47 (a)



Dipindahkan ke depan ayat

47 (b)




Rajah pohon (a) menunjukkan kedudukan asal kata adverba *tiba-tiba* dalam binaan ayat manakala rajah pohon (b) menunjukkan perpindahan kedudukan kata adverba *tiba-tiba* dalam ayat. Dalam kedua-dua rajah pohon di atas, jelas digambarkan kata adverba *tiba-tiba* berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat *aku disergap silu.*

Ayat (48) *Agak tergagap-gagap luahan itu kulafazkan* merupakan ayat tunggal pasif.

Ayat ini telah mengalami pendepanan sebahagian frasa predikat. Ayat tersebut berasal

dari pada *Luahan itu kulafazkan agak tergagap-gagap*. Berikut ialah representasi rajah pohon bagi ayat (48):


48.



Seperti yang kelihatan dalam rajah pohon di atas, kedudukan kata adverba *tergagap-gagap* adalah dalam frasa adverba, dalam predikat frasa kerja. Kehadiran kata adverba *tergagap-gagap* dalam ayat tersebut berfungsi menerangkan seluruh ayat *Luahan itu kulafazkan*.


Seterusnya, ayat (49) ‘Aku benar-benar takut *kini*’ menunjukkan bahawa kedudukan kata adverba *kini* dalam binaan ayat wujud dalam frasa predikat. Dalam ayat bahasa Melayu, kedudukan kata adverba *kini* boleh dipindahkan ke depan ayat. Perubahan kedudukan kata adverba *kini* dalam binaan ayat dapat digambarkan melalui rajah pohon 49 (a) dan (b) seperti di bawah:

49 (a).



Dipindahkan ke depan ayat


49 (b).



Berdasarkan rajah pohon 49 (a) dan (b), didapati bahawa kata adverba *kini* berfungsi sebagai penerang kepada keseluruhan ayat *aku benar-benar takut*. Representasi rajah pohon (b) menggambarkan bahawa perpindahan kedudukan kata adverba *kini* ke depan binaan ayat tidak menjaskankan fungsinya, iaitu kata adverba *kini* tetap berfungsi menerangkan seluruh ayat. Kata adverba yang menerangkan seluruh maksud ayat lazimnya wujud dalam frasa predikat. Namun, perpindahan kedudukan kata adverba yang menerangkan seluruh maksud ayat ke depan binaan ayat tidak menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu dan diterima dalam penulisan formal bahasa Melayu.


Kata adverba *semalam* dalam ayat (50) berfungsi menerangkan keseluruhan binaan ayat. Kedudukan kata adverba *semalam* dalam ayat (50) telah dipindahkan ke hadapan ayat. Kedudukan asal kata adverba *semalam* dalam binaan ayat adalah di hujung frasa predikat. Perpindahan kedudukan kata adverba *semalam* dalam binaan ayat dapat digambarkan melalui rajah pohon 50 (a) dan (b) seperti yang berikut:

50 (a)



Dipindahkan ke depan ayat


50 (b)



Dalam kedua-dua rajah pohon di atas, walaupun kedudukan kata adverba *semalam* berubah namun fungsinya tetap sama, iaitu menerangkan seluruh ayat *aku tidak dapat tidur lena.*

Berikut ialah representasi rajah pohon yang menunjukkan kedudukan kata adverba *sekarang* dalam ayat (51), *Umur Nani 17 tahun sekarang.*


51.



Rajah pohon di atas menggambarkan kedudukan kata adverba *sekarang* dalam frasa predikat. Walaupun sebegitu kedudukannya, namun kata adverba *sekarang* berfungsi menerangkan seluruh ayat *Umur Nani 17 tahun.*


Seterusnya, dalam ayat (52), iaitu *Semalam saya lewat masuk ke kelas*, kedudukan kata adverba *semalam* telah dipindahkan ke depan binaan ayat. Kedudukan asal kata adverba *semalam* dalam binaan ayat sebenarnya dalam frasa predikat. Representasi rajah pohon berikut dapat menggambarkan kedudukan kata adverba *semalam* dalam binaan ayat.

52 (a)



Dipindahkan ke depan ayat


52 (b)



Kedudukan kata adverba *semalam* dalam rajah pohon 52 (a) merupakan kedudukan asalnya manakala kedudukan kata adverba *semalam* dalam rajah pohon (b) merupakan kedudukan yang telah dipindahkan ke depan binaan ayat. Dalam kedua-dua kedudukan, kata adverba *semalam* berfungsi sebagai penerang kepada seluruh maksud binaan ayat,
Saya lewat masuk ke kelas.

Ayat (53) ‘*Seelok-eloknya* hatinya kujaga’ ialah ayat pasif. Ayat pasif ini telah mengalami pendepanan sebahagian frasa predikat. Bentuk asal ayat tersebut ialah *Hatinya kujaga seelok-eloknya*. Kedudukan kata adverba *seelok-eloknya* dalam binaan ayat (53) dapat diteliti melalui rajah pohon berikut:


53



Rajah pohon di atas menggambarkan kedudukan kata adverba *seelok-eloknya* dalam predikat frasa kerja. Walaupun sebegini kedudukannya, kata adverba *seelok-eloknya* berfungsi menerangkan seluruh ayat *hatinya kujaga*.


Dalam ayat (54), iaitu *Kali pertama, aku gagal mengawal rasa gugup*, sebahagian frasa predikat telah mengalami pendepanan, iaitu kata adverba *kali pertama* telah dipindahkan ke depan ayat. Perpindahan kedudukan kata adverba *kali pertama* dan kedudukan asal kata adverba *kali pertama* dapat diteliti melalui rajah pohon berikut:

54 (a)




Dipindahkan ke depan ayat

54 (b)




Dalam rajah pohon (a), kedudukan kata adverba *kali pertama* wujud dalam frasa predikat manakala dalam rajah pohon (b) pula kedudukannya di hadapan ayat. Dalam kedua-dua kedudukan, kata adverba *kali pertama* berfungsi menerangkan seluruh ayat *Aku gagal mengawal rasa gugup.*

Ayat (55), iaitu ‘Dia akan kecur liur kalau *sese kali* mak long menggoreng ayam’ merupakan ayat majmuk keterangan yang terdiri daripada dua ayat yang digabungkan oleh kata hubung keterangan *kalau*. Dalam ayat (55), kata adverba *sese kali* wujud dalam ayat keterangan. Kedudukan kata adverba dalam ayat keterangan telah dipindahkan ke depan ayat. Teliti kedudukan asal kata adverba *sese kali* melalui rajah pohon 55 (a) di bawah:



Rajah pohon di atas menunjukkan kedudukan asal kata adverba *sese kali* dalam frasa predikat ayat keterangan. Kehadiran kata adverba *sese kali* dalam frasa predikat berfungsi menerangkan seluruh ayat keterangan *mak long menggoreng ayam*. Seterusnya, teliti kedudukan kata adverba *sese kali* yang telah dipindahkan ke depan ayat melalui rajah pohon 55 (b) di bawah:

55 (b)



Dalam rajah pohon di atas, kata adverba *sesekali* hadir di hadapan ayat keterangan.

Sesungguhnya, kata adverba *sesekali* yang telah dipindahkan ke depan berfungsi menerangkan seluruh ayat keterangan *mak long menggoreng ayam*. Berdasarkan penelitian kedudukan dan fungsi ayat (46) – (55) didapati bahawa kata adverba yang berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat terbahagi kepada dua kedudukan, iaitu kedudukan asal dalam frasa predikat dan kedudukan yang dipindahkan di depan ayat.

Dalam kedua-dua kedudukan, kata adverba berfungsi menerangkan seluruh ayat.

4.7 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan kedudukan kata adverba dalam binaan ayat. Kedudukan kata adverba dalam binaan ayat diteliti berdasarkan kehadirannya dalam frasa subjek, frasa predikat, bahagian frasa predikat dan fungsinya sebagai penerang

seluruh binaan ayat. Asas untuk penelitian kedudukan kata adverba dalam binaan ayat ialah teknik rajah pohon yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky dalam teori Tatabahasa Transformasi-Generatif.

Lazimnya, subjek terdiri daripada frasa nama atau yang berfungsi sebagai frasa nama. Lantaran itu, kata adverba dalam frasa subjek hanya menerangkan kata nama atau frasa nama. Dalam kajian didapati bahawa hanya enam kata adverba yang hadir dalam frasa subjek dan kesemua enam kata adverba tersebut hadir di belakang kata nama. Tiada sebarang contoh kehadiran kata adverba dikenal pasti yang mendahului kata nama atau frasa nama dalam frasa subjek.

Kedudukan kata adverba dalam frasa predikat dilihat dari sudut pola ayat dasar, iaitu FN + FN, FN + FK, FN + FA dan FN + FS. Berdasarkan dapatan kajian, hanya terdapat dua pola ayat dasar yang mengandungi kata adverba, iaitu pola ayat frasa nama + frasa kerja (FN + FK) dan frasa nama + frasa adjektif (FN + FA). Dalam kajian didapati bahawa kata adverba tidak menjadi penerang kepada frasa nama dan frasa sendi nama dalam frasa predikat (pola ayat FN + FN dan FN + FS). Kajian telah mengenal pasti sebanyak 259 kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan frasa kerja dan sebanyak 16 kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan frasa adjektif dalam frasa predikat.

Daripada 260 kehadiran kata adverba yang berfungsi sebagai penerang kepada frasa kerja, sebanyak 167 kehadiran hadir di hadapan frasa kerja, sebanyak 91 kehadiran hadir di belakang frasa kerja dan sebanyak dua kehadiran hadir di hadapan dan di belakang kata kerja atau frasa kerja dalam frasa predikat. Sementara itu, kehadiran kata adverba yang mendahului frasa adjektif adalah sebanyak 14 kehadiran dan cuma satu kehadiran mengikuti frasa adjektif dalam frasa predikat.

Selain itu, bab ini juga turut membincangkan kata adverba yang menerangkan bahagian-bahagian dalam frasa predikat. Dalam kajian ini, kata adverba yang menerangkan bahagian-bahagian frasa predikat diteliti dari empat sudut, yakni kata adverba yang menerangkan frasa nama dalam sebahagian predikat, frasa kerja dalam sebahagian predikat, frasa adjektif dalam sebahagian predikat dan frasa sendi nama dalam sebahagian predikat. Hasil penelitian mendapati bahawa sebanyak tiga kehadiran kata adverba menerangkan frasa nama, satu kehadiran kata adverba menerangkan frasa adjektif dan empat kehadiran kata adverba menerangkan frasa sendi nama dalam bahagian predikat ayat. Tidak ditemui sebarang kehadiran kata adverba yang menerangkan frasa kerja dalam sebahagian predikat ayat.

Akhirnya, dalam bab ini dibincangkan juga kehadiran kata adverba sebagai penerang kepada seluruh ayat. Sebanyak 41 kehadiran kata adverba telah ditemui dalam kajian yang berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat. Berdasarkan penelitian didapati bahawa kata adverba yang berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat terbahagi kepada dua, iaitu kata adverba kedudukan asal yang wujud dalam frasa predikat dan kata adverba kedudukan yang telah mengalami proses pendepanan.

BAB 5: KESIMPULAN

5. 1 Pendahuluan

Kajian ini, pada keseluruhannya, telah mengenal pasti dan menghuraikan jenis dan bentuk kata adverba dalam bahasa Melayu serta menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat bahasa Melayu. Bab kesimpulan ini akan merumuskan keseluruhan perbincangan dan huraian yang dikemukakan dalam kajian bagi melihat dapatan kajian dalam konteks objektif kajian di samping berbincang dan merumus persoalan-persoalan yang diketengahkan dalam kajian untuk dimanfaatkan bersama oleh seluruh pengguna bahasa Melayu. Seterusnya, saranan beberapa cadangan kajian lanjut yang boleh dijalankan pada masa akan datang juga dinyatakan dalam bab ini.

5. 2 Rumusan Kajian


Keseluruhan kajian merangkumi lima bab, iaitu bab pertama (Pengenalan), bab kedua (Metodologi Kajian), bab ketiga (Jenis dan Bentuk Kata Adverba), bab keempat (Kata Adverba dalam Binaan Ayat) dan bab kelima (Kesimpulan). Bab pertama meliputi ulasan berkaitan pengenalan tentang kata adverba, sorotan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan konsep kata adverba yang memberi tumpuan kepada definisi yang diutarakan oleh para sarjana luar negara dan dalam negara.

Kandungan bab kedua pula mengandungi teori kajian, kerangka konsepsi dan metodologi kajian. Dalam bab ini, dua teori yang diaplikasi pada kajian dibincangkan, iaitu teori struktural (Ferdinand de Saussure) dan teori transformasi-generatif (Noam Chomsky). Bab ini juga menghuraikan dua pendekatan teori struktural, iaitu pendekatan

sintagmatik dan pendekatan paradigmatis serta contoh pengaplikasian pendekatan tersebut ke atas data kata adverba. Teknik rajah pohon daripada teori transformasi-generatif berserta contoh penggunaan teknik tersebut ke atas data kajian turut dibincangkan dalam bahagian ini.

Bab kedua ini juga menghuraikan metodologi kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian teks yang digunakan dalam kajian. Kandungan metodologi kajian seperti reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data juga turut dibincangkan dalam bab ini. Bab ketiga dan keempat meliputi dapatan kajian. Bab ketiga menghuraikan jenis dan bentuk kata adverba berdasarkan bahan kajian manakala bab keempat pula menganalisis kedudukan dan kehadiran kata adverba dalam binaan ayat yang diperoleh daripada bahan kajian, novel *Azfa Hanani*. Memandangkan bab ketiga dan bab keempat mengandungi hasil kajian, maka kedua-dua bab ini akan dirumus untuk melihat keselarasan objektif kajian dengan dapatan kajian.

Objektif pertama kajian adalah mengenal pasti kata adverba dalam bahan kajian. Objektif pertama ini telah tercapai dengan pengenalpastian data kata adverba sebanyak 303 kehadiran daripada novel *Azfa Hanani*. Semua kata adverba yang dikenal pasti disenaraikan dalam Lampiran A. Seterusnya, jumlah data tersebut dibahagikan kepada empat bentuk kata adverba, yakni kata adverba bentuk jati dalam Lampiran C, kata adverba asalnya kata adjektif dalam Lampiran D, kata adverba asalnya kata kerja dalam Lampiran E dan kata adverba bentuk gandaan dalam Lampiran F. Yang berikut ialah rajah yang menunjukkan pola taburan kehadiran kata adverba mengikut bentuk:



Rajah 5.1: Pola Taburan Kehadiran Kata Adverba Mengikut Bentuk

Semua data kata adverba yang dikenal pasti diperincikan berdasarkan kedudukan sama ada mendahului atau mengikuti kata yang diterangkan dalam Lampiran G. Perincian unsur yang diterangkan oleh empat bentuk kata adverba tersebut dimasukkan dalam Lampiran H – L.

Seterusnya, penjenisan kata adverba juga dilakukan berdasarkan data kata adverba yang dikenal pasti dalam kajian. Kata adverba tersebut telah diklasifikasi kepada tujuh jenis, iaitu kata adverba cara (Lampiran M), kata adverba masa (Lampiran N), kata adverba kekerapan (Lampiran O), kata adverba kesungguhan (Lampiran P), kata adverba sifat/perasaan (Lampiran Q), kata adverba ketidakpastian (Lampiran R) dan kata adverba jarak (Lampiran S). Di samping itu, perincian kata adverba cara yang didukung oleh unsur-unsur tertentu dikenal pasti dan diklasifikasi dalam Lampiran T dan subjenis kata adverba masa dalam Lampiran U.

Kedudukan kata adverba dalam binaan ayat, sama ada dalam frasa subjek atau dalam frasa predikat, diperincikan berdasarkan bahan dalam Lampiran V. Lampiran W pula

mendukung perincian unsur yang diterangkan oleh kata adverba dalam frasa predikat, bahagian-bahagian predikat dan seluruh ayat. Akhirnya, kata adverba yang menerangkan bahagian frasa predikat diperincikan dalam Lampiran X. Kata adverba yang telah dikenal pasti dan diklasifikasi kepada bentuk dan jenisnya, dipilih secara teliti dan diuraikan serta dianalisis dalam bab 3 dan juga dalam bab 4.

Objektif kajian kedua adalah untuk menghuraikan ciri-ciri bentuk kata adverba yang didapati daripada bahan kajian. Dalam Bab 3 objektif kajian ini ditepati dengan menghuraikan bentuk dan jenis kata adverba yang diperoleh daripada bahan kajian melalui pendekatan sintagmatik dan paradigmatis. Pendekatan sintagmatik digunakan untuk melihat hubungan antara unit-unit bahasa secara horizontal, iaitu susunan unit-unit bahasa dari kiri ke kanan atau dari kanan ke kiri secara mendatar. Dari segi morfologi, perbandingan secara sintagmatik diaplifikasi ke atas data kata adverba untuk melihat hubungan antara unit-unit bahasa. Misalnya:

- (1) Masa / berlalu / *begitu* / sahaja.
- (2) Dia / *sering* / pening kepala / melayani / kerenah / Laili.
- (3) *Semalam* / aku / tidak dapat tidur lena.

Perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat (1) terdiri daripada unit pertama subjek, iaitu *masa* (KN), diikuti oleh unit bahasa kedua *berlalu* (KK) yang diterangkan oleh unit bahasa ketiga *begitu* (KAdv Jati) dan unit bahasa keempat *sahaja* (KPeg). Kata adverba *begitu* dalam ayat (1) ialah kata adverba jati yang hadir selepas kata kerja *berlalu*. Dalam ayat ini, pendekatan sintagmatik menunjukkan hubungan antara unit-unit bahasa, iaitu kata adverba *begitu* berfungsi menerangkan kata kerja *berlalu*.

Seterusnya, perbandingan secara sintagmatik menunjukkan bahawa ayat (2) terdiri daripada unit pertama subjek, iaitu *dia* (KN) diikuti oleh unit kedua, frasa predikat yang terdiri daripada unit bahasa *sering* (Adv jati) yang menerangkan unit ketiga *pening kepala* (FA). Melalui pendekatan sintagmatik didapati bahawa kata adverba *sering* berfungsi menerangkan frasa adjektif *pening kepala*.

Pendekatan paradigmatis pula digunakan untuk melihat hubungan antara unsur bahasa dari atas ke bawah, iaitu kemungkinan satu-satu unit bahasa dalam urutan sintagmatik diganti dengan unit bahasa yang lain. Dari segi morfologi, perbandingan secara paradigmatis diaplikasi ke atas data kata adverba untuk melihat hubungan vertikal (menegak) antara unit-unit bahasa. Misalnya:

(4) **segera** kubalas

sempat bercakap

Perbandingan secara paradigmatis dalam contoh (4) menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit-unit bahasa *segera* dan *sempat* sebagai kata adverba jati yang hadir sebelum kata kerja dan boleh silih berganti untuk menerangkan kata kerja *balas* dan *bercakap*. Dalam contoh (4), kata adverba *segera* boleh digantikan dengan kata adverba *sempat*, menghasilkan *sempat kubalas* dan sebaliknya. Dengan itu, unit-unit bahasa *segera* dan *sempat* mempunyai hubungan asosiatif antara satu sama lain, atau boleh dikatakan bahawa kedua-duanya terdapat dalam paradigma yang sama.

(5) *sempat* mengambil


sempat kutatap

sempat pulang

Perbandingan secara paradigmatis menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai unit bahasa *sempat* sebagai kata adverba jati yang berfungsi menerangkan berlainan kata kerja seperti *mengambil*, *tatap* dan *pulang*.

Berdasarkan contoh (4) – (5) didapati bahawa perkataan yang menjadi ahli sesuatu golongan kata mengisi posisi yang sama dengan perkataan-perkataan lain dalam golongannya dan ahli yang menganggotai golongan tersebut boleh ditukar ganti dengan ahli-ahli yang lain dalam golongannya. Tuntasnya, pendekatan sintagmatik dan paradigmatis sekali gus telah mengesahkan bahawa perkataan yang berfungsi menerangkan golongan kata seperti kata kerja, kata adjektif dan kata nama (selain kata adjektif) ialah kata adverba.

Dalam bab 3 juga kata adverba dibahagikan kepada jenis-jenisnya berdasarkan asas-asas yang digariskan oleh tokoh bahasa Melayu. Pandangan tokoh bahasa seperti Za'ba, Asmah Haji Omar, Arbak Othman, Lutfi Abas, Sanat Md. Nasir, Nik Safiah Karim et al. dan Liaw Yock Fang diteliti untuk melakukan pengklasifikasian kata adverba kepada jenisnya. Berdasarkan dapatan kajian, data kata adverba dikategorikan kepada tujuh jenis, yakni kata adverba cara, kata adverba masa, kata adverba kekerapan, kata adverba kesungguhan, kata adverba sifat/perasaan, kata adverba ketidakpastian dan kata adverba jarak. Berikut ialah rajah yang menunjukkan pola taburan kehadiran kata adverba mengikut jenisnya.



Rajah 5.2: Pola Taburan Kehadiran Kata Adverba Mengikut Jenis


Berdasarkan data, didapati bahawa kata adverba cara memperlihatkan bilangan kehadiran yang paling tinggi berbanding jenis kata adverba yang lain. Penjenisan kata adverba ini ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalpastian yang digunakan oleh kebanyakan tokoh bahasa, iaitu meneliti gaya atau cara bagaimana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Misalnya, dalam ayat *Aku serahkan perkara ini bulat-bulat kepada mereka*, perkataan *bulat-bulat* menerangkan cara *Aku serahkan perkara ini*. Tokoh seperti Za’ba, Liaw Yock Fang, Asmah Haji Omar, Arbak Othman, Sanat Md. Nasir, Nik Safiah Karim et al. dan Abdullah Hassan telah menggunakan kaedah pengenalpastian yang sama dalam mengenal pasti penjenisan kata adverba ini.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kata adverba cara didukung oleh kata adjektif, kata kerja, kata adverba jati dan kata adverba gandaan. Daripada itu, kata adverba cara yang didukung oleh kata adjektif dan kata kerja dapat hadir dalam beberapa bentuk kata seperti kata dasar, kata terbitan, gandaan penuh, gandaan separa dan bentuk *se- + gandaan + -nya*. Pada keseluruhannya, kata adverba cara yang dikenal pasti dalam kajian berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja.

Kata adverba masa mencatatkan bilangan kehadiran yang kedua tertinggi dalam penjenisan. Penjenisan kata adverba masa ditentukan dengan menggunakan kaedah pengenalpastian yang digunakan oleh kebanyakan tokoh bahasa khususnya Za'ba, iaitu bilakah berlaku sesuatu perbuatan, sama ada lama atau sekejap, sentiasa atau kadang-kadang atau sudah selesai atau akan dilakukan kemudian. Misalnya, dalam ayat *Umur Nani 17 tahun sekarang*, kata *sekarang* menerangkan bila *umur Nani 17 tahun*. Penjenisan ini juga telah dikenal pasti oleh Za'ba, Liaw Yock Fang, Asmah Haji Omar, Arbak Othman, Sanat Md. Nasir, Nik Safiah Karim et al. dan Abdullah Hassan.

Berasaskan pengertian yang diberikan oleh Za'ba, kata adverba masa telah dibahagikan kepada tiga subjenis, yakni (i) kata yang menentukan bila berlakunya sesuatu perbuatan itu, (ii) kata yang menentukan berapa lama berlakunya sesuatu perbuatan itu dan (iii) kata yang menentukan sudah selesai atau belumnya sesuatu perbuatan itu. Antara semua penjenisan, hanya penjenisan ini dapat dibahagikan kepada subjenis. Misalnya, dalam ayat *Aku tidak mahu selama-lamanya berselindung di sebalik, kata selama-lamanya* menerangkan berapa lama *Aku berselindung* dan dalam ayat *Aku hanya sempat mengambil beg sekolah ...*, kata *sempat* menerangkan selesai atau belum, *Aku mengambil beg sekolah*.

Dalam kajian telah dikenal pasti sebanyak 69 kata adverba masa. Daripada 69 data kata adverba masa, sebanyak 40 kehadiran dapat dikategorikan sebagai subjenis kata adverba yang menentukan bila berlakunya sesuatu perbuatan itu, sebanyak 20 kehadiran lagi dapat disenaraikan sebagai kata yang menentukan berapa lama berlakunya sesuatu perbuatan itu dan sebanyak sembilan kehadiran dikategorikan sebagai subjenis kata adverba masa yang menentukan selesai atau belumnya sesuatu perbuatan itu. Pola taburan kehadiran kata adverba mengikut subjenis masa ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 5.3: Pola Taburan Kata Adverba Masa Mengikut Subjenis

Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa ketiga-tiga kata adverba subjenis masa ini boleh diwakili oleh kata adverba jati atau kata adjektif dalam bentuk dasar, gandaan penuh atau separa dan subjenis masa ini berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja, kata nama dan kata adjektif.

Dalam pengklasifikasian kata adverba, bilangan kehadiran ketiga tertinggi dicatatkan oleh kata adverba kekerapan. Penjenisan kata adverba kekerapan dilakukan dengan meneliti pengertian yang diberikan oleh tokoh bahasa seperti Asmah Haji Omar, Abdullah Hassan dan Sanat Md. Nasir dalam pengenalpastian kata adverba ini, iaitu ke sekian kali sesuatu perbuatan itu dilakukan. Misalnya, dalam ayat *Mama selalu runsing*, kata *selalu* menerangkan ke sekian kali *Mama runsing*. Penelitian terhadap data kata adverba kekerapan menunjukkan bahawa kata adverba jenis ini lazimnya berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif. Di samping itu, kata adverba jenis ini juga dapat hadir dalam bentuk kata dasar, kata gandaan penuh dan gandaan separa.

Seterusnya, kata adverba kesungguhan tidak banyak ditemui dalam kajian. Sebanyak 20 kehadiran sahaja dapat diklasifikasi sebagai kata adverba kesungguhan. Penjenisan kata adverba kesungguhan dilakukan berdasarkan penjelasan tokoh bahasa Melayu seperti Asmah Haji Omar dan Abdullah Hassan tentang penjenisan ini, iaitu

mengusahakan ketekunan atau penegasan kepada sesuatu perbuatan atau kejadian. Misalnya, dalam ayat *Aku langsung tidak mahu terlibat dalam perselisihan itu*, perkataan langsung menerangkan ketekunan *Aku tidak mahu terlibat dalam perselisihan itu*. Berdasarkan data kata adverba kesungguhan yang dikaji dalam bab 3, ternyata bahawa kata adverba kesungguhan berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif dalam bentuk kata dasar, kata gandaan penuh dan kata gandaan separa .

Antara jenis kata adverba, kata adverba sifat perasaan memperlihatkan bilangan kehadiran yang paling rendah, iaitu lima kehadiran. Penjenisan kata adverba sifat perasaan dilakukan dengan meneliti pengertian yang diberikan oleh Abdullah Hassan, yakni menyatakan perasaan apabila perbuatan atau kejadian itu berlaku. Misalnya, dalam ayat *Dia dan Kak Finaz tersenyum puas*, perkataan *puas* menyatakan perasaan apabila *Dia dan Kak Finaz tersenyum*. Berdasarkan kajian didapati bahawa kata adverba sifat perasaan berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja sahaja dan hadir dalam bentuk kata dasar sahaja.


Penjenisan kata adverba ketidakpastian diklasifikasi dengan meneliti pengertian yang diberikan oleh Za'ba, Liaw Yock Fang dan Sanat Md. Nasir dalam karya mereka, iaitu menerangkan situasi sesuatu perbuatan sama ada benar atau tidaknya. Misalnya, dalam ayat **Barangkali juga dia menghambur cerita tadi**, kata *barangkali* menyatakan situasi kemungkinan sama ada benar atau tidak *dia menghambur cerita tadi*. Kajian hanya dapat mengklasifikasikan sebanyak 13 kehadiran sebagai kata adverba ketidakpastian. Daripada penelitian terhadap contoh data didapati bahawa kata adverba ketidakpastian menerangkan golongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba lain.

Penjenisan seterusnya, iaitu kata adverba jarak, diklasifikasi berdasarkan penjelasan Asmah Haji Omar, Abdullah Hassan dan Arbak Othman, iaitu menerangkan kejauhan

berhubungan dengan kata kerja yang diterangkannya. Contohnya, dalam ayat *Aku hampir hanyut dalam arus lamunan*, kata *hampir* menyatakan maksud kejauhan berhubungan dengan kata kerja, iaitu *dekat-dekat hanyut*. Penjenisan ini menunjukkan bilangan kehadiran yang kedua terendah berbanding dengan jenis yang lain, iaitu hanya sepuluh kehadiran. Daripada kajian didapati bahawa kata adverba jarak berfungsi menerangkan kata kerja dan kata adjektif dalam bentuk kata dasar. Walaupun begitu, kata adverba jarak boleh juga hadir dalam bentuk gandaan penuh dan bentuk apitan *ber-...-an*.


Seterusnya, ketercapaian objektif kajian ketiga, iaitu menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat dinilai dalam Bab 4. Teknik rajah pohon yang dikemukakan oleh Noam Chomsky digunakan untuk menganalisis kedudukan kata adverba dalam binaan ayat bahasa Melayu. Kedudukan kata adverba dalam binaan ayat dianalisis dari segi kehadirannya dalam frasa subjek, frasa predikat, bahagian-bahagian predikat dan kehadirannya yang menerangkan seluruh ayat.

Walaupun kedudukan kata adverba dipecahkan kepada bahagian-bahagian predikat dan yang menerangkan seluruh ayat, namun kehadirannya masih dalam binaan frasa predikat disahkan melalui rajah pohon. Pola taburan kedudukan kata adverba dalam binaan ayat ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 5.4: Kedudukan Kata Adverba Dalam Binaan Ayat

Dalam bab 4 juga dianalisis setiap satu kedudukan kata adverba dalam binaan ayat. Misalnya, analisis kedudukan kata adverba dalam frasa subjek cuma memperlihatkan enam kehadiran kata adverba. Setiap ayat tersebut diteliti melalui rajah pohon bagi mengesahkan kedudukan kata adverba dalam frasa subjek. Contohnya, ayat *Nama timangan Nani sekarang ialah Nini*, menggambarkan kedudukan kata adverba *sekarang* dalam frasa subjek melalui rajah pohon berikut:




Analisis kedudukan kata adverba dalam frasa predikat dibuat berdasarkan pola ayat FN + FN, FN + FK, FN + FA dan FN + FS. Kajian hanya dapat mengenal pasti dua pola ayat, iaitu pola ayat FN + FK dan FN + FA sahaja yang mengandungi kata adverba. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedudukan kata adverba dalam pola ayat FN + FK, sama ada di hadapan atau di belakang kata kerja ialah sebanyak 260 kehadiran manakala kedudukan kata adverba dalam pola ayat FN + FA, sama ada di hadapan atau di belakang kata adjektif sebanyak 15 kehadiran (Lampiran W). Kata adverba dalam pola ayat FN + FN dan FN + FS tidak ditemui dalam kajian.


Kedudukan kata adverba dalam bahagian-bahagian predikat pula dianalisis dari empat sudut, iaitu kedudukan kata adverba dalam bahagian predikat frasa nama, bahagian predikat frasa kerja, bahagian frasa adjektif dan bahagian predikat frasa sendi

nama. Dalam kajian ini hanya sebanyak lapan kehadiran kata adverba ditemui yang menerangkan bahagian-bahagian frasa predikat. Daripada jumlah itu, ditemui, hanya tiga kehadiran kata adverba yang menerangkan bahagian predikat frasa nama, sebanyak satu kehadiran kata adverba yang menerangkan bahagian predikat frasa adjektif dan empat kehadiran kata adverba yang menerangkan bahagian predikat frasa sendi nama. Kata adverba yang menerangkan bahagian predikat frasa kerja tidak ditemui dalam kajian.

Seterusnya, dalam bab 4 juga dianalisis kata adverba yang menerangkan seluruh ayat. Berdasarkan kajian didapati bahawa sebanyak 41 kehadiran kata adverba yang berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat. Pada hakikatnya, kedudukan kata adverba yang menerangkan seluruh ayat adalah dalam frasa predikat. Namun begitu, terdapat kata adverba sedemikian yang berpindah kedudukan ke hadapan ayat. Misalnya, dalam ayat *aku disergap silu*, kata adverba *tiba-tiba* hadir di hadapan binaan ayat. Namun, kedudukan asal kata adverba *tiba-tiba* dalam binaan ayat adalah dalam binaan frasa predikat. Perpindahan kata adverba *tiba-tiba* ke depan ayat menjadikannya mendahului binaan ayat. Representasi rajah pohon (a) dan (b) di bawah menggambarkan perpindahan kedudukan kata adverba tersebut dengan jelas. Lihat rajah pohon berikut:



(b)



Rajah pohon (a) menunjukkan kedudukan asal kata adverba *tiba-tiba* dalam binaan ayat manakala rajah pohon (b) menunjukkan perpindahan kedudukan kata adverba *tiba-tiba* dalam ayat. Dalam kedua-dua rajah pohon di atas, kata adverba *tiba-tiba* berfungsi menerangkan seluruh maksud ayat *aku disergap silu.*

Analisis kedudukan kata adverba melalui rajah pohon dalam bab 4 memberi gambaran jelas bahawa kedudukan kata adverba dalam binaan ayat dapat dilihat dari empat sudut, iaitu kedudukan dalam frasa subjek, frasa predikat, bahagian predikat dan kehadirannya yang menerangkan seluruh ayat. Pada hakikatnya, kehadiran kata adverba dalam bahagian-bahagian predikat dan yang menerangkan seluruh ayat adalah dalam binaan frasa predikat diperjelas melalui representasi rajah pohon.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini menyelidik kata adverba hanya dalam novel *Azfa Hanani*, sebuah novel untuk pelajar menengah atas. Kajian meliputi aspek bentuk kata adverba, penjenisan kata adverba dan kedudukan kata adverba dalam binaan ayat. Maka, dicadangkan agar kajian lanjutan tentang kata adverba dilakukan dalam aspek yang sama terhadap genre-genre lain seperti cerpen, drama, bahan bacaan ilmiah serta kajian perbandingan kata adverba dalam bahan bacaan sastera dengan bahan bacaan sains.

